

**PELAKSANAAN FIQH AYAT KURIKULUM BERSEPADU TAHFIZ :  
ANALISIS PENGUASAAN PELAJAR DAN KEBERKESANANNYA  
TERHADAP HAFAZAN AL-QURAN DI MITTIS  
SABAK BERNAM**

**SYUKR ABDUL HAY BIN KAMAT**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2022**

**PELAKSANAAN FIQH AYAT KURIKULUM BERSEPADU TAHFIZ :  
ANALISIS PENGUASAAN PELAJAR DAN KEBERKESANANNYA  
TERHADAP HAFAZAN AL-QURAN DI MITTIS  
SABAK BERNAM**

**SYUKR ABDUL HAY BIN KAMAT**

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA USULUDDIN**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2022**

**UNIVERSITI MALAYA**  
**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: Syukr Abdul Hay Bin Kamat

No. Matrik: 17202365/1 / IOG190002

Nama Ijazah: Sarjana Usuluddin ( Al-Quran Dan Al-Hadith )

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

Pelaksanaan Fiqh Ayat Dalam Kurikulum Bersepadu Tahfiz : Analisis Penguasaan  
Pelajar Dan Keberkesanannya Terhadap Hafazan Al-Qur’an MITTIS Sabak Bernam

Bidang Penyelidikan : Al-Quran

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh: 16 APRIL 2022

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh: 16 APRIL 2022

Nama:

Jawatan:

Pelaksanaan Fiqh Ayat Dalam Kurikulum Bersepadu Tahfiz : Analisis Penguasaan Pelajar  
Dan Keberkesanannya Terhadap Hafazan Al-Qur'ān MITTIS Sabak Bernam

**ABSTRAK**

Kurikulum Bersepadu Tahfiz melalui KPM telah menyediakan platform pengajian tahfiz dan akademik secara integrasi. Melalui Hifz Al-Qur'ān KBT pelajar berpeluang mempelajari hafazan, dan kefahaman makna al-Qur'ān disamping mata pelajaran akademik yang lain. Pembelajaran Fiqh Ayat didapati kurang diberikan perhatian berbanding hafazan dalam pendidikan Tahfiz. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan Fiqh Ayat terhadap hafazan pelajar tahfiz di MITTIS Sabak Bernam. Justeru penggunaan kaedah *mix method* dapat memenuhi keperluan kajian ini. Hasil dapatan soal selidik dianalisis menggunakan aplikasi *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) sementara kajian kualitatif menggunakan analisis tematik. Dapatan analisis keseluruhan soal selidik terhadap 103 responden mendapati nilai min 3.40 dengan interpretasi sederhana menunjukkan tahap pembelajaran, penguasaan dan keberkesanan Fiqh Ayat di MITTIS perlu diberikan perhatian sewajarnya. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penguasaan Fiqh Ayat pelajar dapat ditambahbaik melalui faktor pengajaran guru dan pembelajaran pelajar. Hasil dapatan kajian turut mengesahkan bahawa Fiqh Ayat dapat memberi kesan terhadap penguasaan kefahaman ayat dan hafazan pelajar MITTIS. Diharapkan kajian ini dapat dimanfaatkan oleh institusi tahfiz bagi merealisasikan kemenjadian pelajar tahfiz KBT.

## ABSTRACT

The Integrated Tahfiz Curriculum via KPM has provided a tahfiz and academic study platform by integration. Through Hifz Al-Qur'ān KBT, students have the opportunity to master memorization of Quran, comprehension of its meaning, as well as other academics subjects. The study of Fiqh Ayat was found to get less attention than memorization in Tahfiz education. Therefore, this study aimed to investigate the effectiveness of Fiqh Ayat in influencing the Quran memorization of tahfiz students at MITTIS Sabak Bernam. A mixed method type approach was used to complete this study. The results of the questionnaires were analyzed using Statistical Package for the Social Sciences (SPSS), while the qualitative study was analyzed using thematic analysis. The questionnaire of 103 respondents resulted in a mean value of 3.40 with moderate interpretation, indicating that the level of learning, mastery and effectiveness of Fiqh Ayat in MITTIS should be given due attention. Findings of this study show that students' mastery of Fiqh Ayat can be improved through factors concerning the teachers' teaching and the students' learning. The results of the study also confirmed that Fiqh Ayat can give impact on the mastery of Quran verse comprehension and memorization of MITTIS students. It is hoped that this study can be utilized by tahfiz institutions to realize the potential of KBT tahfiz students.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah segala pujian seluruhnya hanya kepada Allah swt., selawat dan salam kepada junjungan besar nabi Muhammad saw. Dengan izinNya saya dapat menyelesaikan penulisan disertasi saya bagi memenuhi syarat memperoleh ijazah Sarjana Usuluddin, di Jabatan al-Qur'ān dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Bahagian Biasiswa dan Pembiayaan, Kementerian Pendidikan Malaysia kerana telah memberikan peluang kepada saya menyelesaikan pembelajaran peringkat sarjana ini. Penghargaan yang tidak terhingga saya tujukan kepada Doktor Selamat bin Amir selaku penyelia atas tunjuk ajar dan bantuan sepanjang kajian disertasi ini dijalankan. Tidak dilupakan juga kepada barisan pensyarah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya yang sentiasa memberikan bimbingan sepanjang proses kajian ini dijalankan. Saya juga ingin mengucapkan jutaan penghargaan kepada puan Nurazian binti Mustanuddin, puan Wan Habibah binti Wan Hussin, barisan pentadbir, barisan tenaga pengajar dan pelajar-pelajar Maahad Integrasi Tahfiz Tunas Ilmuwan Selangor atas kerjasama yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan. Jutaan penghargaan kepada ibu, bapa, isteri dan anak-anak yang sentiasa memberikan dorongan kepada saya. Akhir sekali, kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penulisan disertasi ini.

Syukr Abdul Hay Bin Kamat

Januari 2022

## ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
<b>PERAKUAN KEASLIAN</b>	<b>ii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>iii</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>iv</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>v</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>x</b>
<b>SENARAI TRANSLITERASI</b>	<b>xi</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xii</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xiii</b>
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
<b>1.0 Pengenalan</b>	<b>1</b>
<b>1.1 Latarbelakang Masalah</b>	<b>2</b>
<b>1.2 Masalah Kajian</b>	<b>3</b>
<b>1.3 Persoalan Kajian</b>	<b>7</b>
<b>1.4 Objektif</b>	<b>7</b>
<b>1.5 Kepentingan Kajian</b>	<b>7</b>
<b>1.6 Skop Kajian</b>	<b>8</b>
<b>1.7 Definisi Tajuk</b>	<b>9</b>
<b>1.8 Kerangka Teori</b>	<b>13</b>
<b>1.9 Rumusan</b>	<b>18</b>
<b>BAB 2 KAJIAN LITERATUR</b>	<b>20</b>
<b>2.0 Pengenalan</b>	<b>20</b>
<b>2.1 Kurikulum Kebangsaan</b>	<b>23</b>
<b>2.2 Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT)</b>	<b>25</b>

<b>2.2.1 Pembelajaran Fiqh Ayat di Malaysia</b>	<b>27</b>
<b>2.2.2 Penerapan Kefahaman Makna Ayat Dalam Pendidikan</b>	
<b>Arus Perdana</b>	<b>29</b>
<b>2.3 Huraian Sukatan</b>	<b>30</b>
<b>2.3.1 Dokumen Standard Kurikulum Dan Prestasi Hifz Al-Qur'ān</b>	
<b>(DSKP) KBT</b>	<b>31</b>
<b>2.3.2 Sukatan Pelajaran Fiqh Ayat (KBT)</b>	<b>33</b>
<b>2.3.3 Rancangan Pengajaran Fiqh Ayat MITTIS</b>	<b>39</b>
<b>2.4 Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran (Pdp) Fiqh Ayat Di</b>	
<b>MITTIS</b>	<b>41</b>
<b>2.4.1 Pengajaran Kelas Fiqh Ayat</b>	<b>42</b>
<b>2.5 Pelaksanaan Pembelajaran Fiqh Ayat Di MITTIS Sabak Bernam</b>	<b>45</b>
<b>2.5.1 Peruntukan Jadual Waktu Fiqh Ayat</b>	<b>45</b>
<b>2.5.2 Perubahan Waktu Pelaksanaan Fiqh Ayat MITTIS</b>	<b>46</b>
<b>2.6 Kaedah Pengajaran Guru Mittis Sabak Bernam</b>	<b>46</b>
<b>2.6.1 Penyediaan Rancangan Pengajaran</b>	<b>47</b>
<b>2.6.2 Persediaan dan pelaksanaan guru</b>	<b>48</b>
<b>2.7 Kaedah Pembelajaran Pelajar MITTIS Sabak Bernam</b>	<b>50</b>
<b>2.8 Kepentingan Pelaksanaan Fiqh Ayat Yang Berkesan</b>	<b>52</b>
<b>2.9 Faktor Peningkatan Penguasaan Fiqh Ayat</b>	<b>54</b>
<b>2.10 Keberkesanan Pelaksanaan Pdp Fiqh Ayat</b>	<b>58</b>
<b>2.10 Kajian Literatur</b>	<b>60</b>
<b>2.11 Rumusan</b>	<b>74</b>



<b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>75</b>
<b>3.1 Pengenalan</b>	<b>75</b>
<b>3.2 Reka Bentuk Kajian</b>	<b>75</b>
<b>3.3 Populasi Dan Sampel Kajian</b>	<b>78</b>
<b>3.4 Instrumen Kajian</b>	<b>80</b>
<b>3.4.1 Instrumen Soal Selidik</b>	<b>80</b>
<b>3.4.2 Instrumen Temu Bual</b>	<b>82</b>
<b>3.5 Kajian Rintis</b>	<b>83</b>
<b>3.6 Kesahan</b>	<b>84</b>
<b>3.7 Kaedah Pengumpulan Data</b>	<b>85</b>
<b>3.8 Kaedah Analisis Data</b>	<b>89</b>
<b>3.9 Metod Penguasaan</b>	<b>91</b>
<b>3.10 Rumusan</b>	<b>93</b>
<b>BAB 4 DAPATAN KAJIAN</b>	<b>95</b>
<b>4.1 Pengenalan</b>	<b>95</b>
<b>4.2 Dapatan Bahagian Latar Belakang</b>	<b>96</b>
<b>4.3 Dapatan Pembelajaran Fiqh Ayat</b>	<b>98</b>
<b>4.3.1 Dapatan Soal Selidik Pembelajaran Fiqh Ayat</b>	<b>99</b>
<b>4.3.2 Dapatan Temubual Pelaksanaan Pembelajaran Fiqh Ayat</b>	<b>102</b>
<b>4.4 Dapatan Tahap Penguasaan Fiqh Ayat</b>	<b>106</b>
<b>4.4.1 Dapatan Soal Selidik Tahap Penguasaan Fiqh Ayat</b>	<b>106</b>
<b>4.4.1.1 Penguasaan Fiqh Ayat Secara Kendiri</b>	<b>106</b>

4.4.1.2 Penguasaan Fiqh Ayat Yang Telah Dipelajari	110
4.4.2 Analisis Penguasaan Fiqh Ayat Berdasarkan Pemarkahan	114
4.4.3 Dapatan Temubual Penguasaan Ayat	121
4.5 Analisis Tahap Penguasaan Fiqh Ayat Secara Keseluruhan	126
4.6 Dapatan Keberkesanan Fiqh Ayat	128
4.6.1 Dapatan Soal Selidik Keberkesanan Fiqh Ayat	128
4.6.2 Dapatan Pemerhatian Dan Temubual Keberkesanan Fiqh Ayat	131
4.6.3 Dapatan Keberkesanan Fiqh Ayat Secara Keseluruhan	134
4.7 Perkaitan Fiqh Ayat Dengan Hafazan	138
4.8 Analisis Hasil Keberkesanan Fiqh Ayat Terhadap Hafazan	140
4.9 Analisis Objektif <i>Al-Qabṣī</i>	145
4.10 Rumusan	148
<b>BAB 5 KESIMPULAN DAN PERBINCANGAN</b>	<b>153</b>
5.1 Pengenalan	153
5.2 Rumusan Kajian	153
5.2.1 Latar Belakang Responden Kajian	153
5.2.2 Pelaksanaan Pembelajaran Fiqh Ayat Di MITTIS	154
5.2.3 Tahap Penguasaan Fiqh Ayat Pelajar MITTIS SABAK BERNAM	158
5.2.4 Analisis Keberkesanan Fiqh Ayat Terhadap Pelajar Tahfiz MITTIS SABAK BERNAM	161
5.3 Implikasi	163
5.4 Ulasan Dan Cadangan	165
5.5 Cadangan Kajian Lanjutan	169
<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>170</b>
<b>LAMPIRAN</b>	<b>181</b>

## SENARAI RAJAH DAN JADUAL

BIL	SENARAI JADUAL	HAL.
1	Rajah 1.1. Gred purata keseluruhan matapelajaran Fiqh Ayat MITTIS	6
2	Rajah 1.2 : Kerangka Teori Pendidikan Al-Qur'ān Al-Qab s .	14
3	Rajah 1.3 : Kerangka Konseptual	16
4	Jadual 2.1 : Sukatan Fiqh Ayat mengikut tingkatan di MITTIS.	38
5	Jadual 2.2 : Rancangan Pengajaran Tahunan MITTIS 2021.	40
6	Jadual 3.1 : Format Instrumen Soal Selidik.	82
7	Jadual 3.2 : Intepretasi Skor Min	90
8	Jadual 4.1 : Taburan Frekuensi dan Peratus Taburan Maklumat Jantina, Umur, Tingkatan dan Jumlah Juzuk Hafazan Pelajar.	96
9	Jadual 4.2 : Taburan Kekerapan, Min, Sisihan Piawai Dan Interpretasi tahap pembelajaran Fiqh Ayat pelajar	99
10	Jadual 4.3 : Taburan Kekerapan, Min, Sisihan Piawai Dan Interpretasi Persepsi Murid Terhadap Penguasaan Fiqh Ayat KBT Secara Umum	107
11	Jadual 4.4 : Taburan Kekerapan, Min, Sisihan Piawai Dan Interpretasi Penguasaan Fiqh Ayat KBT Yang Telah Dipelajari	110
12	Jadual 4.5 : Keputusan Markah Peperiksaan Pertengahan Tahun 2021 Hifz Al-Qur'ān dan Fiqh Ayat Bagi Tingkatan 1 hingga 4 MITTIS.	114
13	Jadual 4.6 : Dapatan Temubual Bersama Tenaga Pengajar Terhadap Penguasaan Fiqh Ayat 2021.	121
14	Jadual 4.7 : Pernyataan Standard Prestasi Tahap Penguasaan Fiqh Ayat	125
15	Jadual 4.8 : Taburan Kekerapan, Min, Sisihan Piawai Dan Interpretasi keberkesanan Fiqh Ayat KBT	129
16	Jadual 4.9 : Dapatan Keberkesanan Fiqh Ayat dari perspektif guru	132
17	Jadual 4.10 : Dapatan Keberkesanan Fiqh Ayat dari perspektif pelajar	133
18	Jadual 4.11 : Analisis Dapatan Kaedah Hafazan Dengan Kefahaman dan Tanpa Kefahaman	137
19	Jadual 4.12 : Analisis Keberkesanan Fiqh Ayat terhadap hafazan daripada pandangan guru dan pelajar	140
20	Jadual 4.13. Min, Sisihan Piawai Dan Interpretasi aspek <i>al-Hifz</i>	145
21	Jadual 4.14. Min, Sisihan Piawai Dan Interpretasi aspek <i>al-Istirja'</i>	146
22	Jadual 4.15. Min, Sisihan Piawai Dan Interpretasi aspek <i>al-Wa'yu</i>	147

## SENARAI TRANSLITERASI

### Konsonan

Arab	Roman
ا, ء	a, 'a
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	ḥ
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	ṣ
ض	ḍ
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	'
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
و	w
ه	h
ي	y
ة	h,t

### Vokal

Vokal Panjang	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
ا	a	قَات	<i>qanata</i>
ي	i	سَلِيم	<i>salima</i>
و	u	جَعَل	<i>Jui'la</i>

Vokal Panjang	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
ا, ي	ā	أَبْرِيَاب	<i>Bāb, kubrā</i>
ي		وَلِيْل	<i>Wak l</i>
و		سُورَة	<i>S rah</i>

## Diftong

Diftong	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
وَاوْ	aw	قَوْل	<i>qawl</i>
يَايْ	ay	خَيْر	<i>khayr</i>
وَوَاوْ	uww	قُوَّة	<i>quwwah</i>
يَايْ	iy,	عَرَبِي	<i>'arabiy/</i>

Sumber : Buku Panduan Penulisan Ilmiah (Edisi Keempat, 2020), Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

Universiti Malaya

## SENARAI SINGKATAN

APIUM	Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
Bil.	Bilangan
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
BPI	Bahagian Pendidikan Islam
Cet.	Cetakan
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum Prestasi
Dr.	Doktor
DQ	Darul Quran
Ed.	Edisi
et. al	Dan lain-lain
H	Hijrah
<i>Ibid</i>	Rujukan sama dengan sebelumnya
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
KBT	Kurikulum Bersepadu Tahfiz
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
M	Masihi
MITTIS	Maahad Integarasi Tahfiz Tunas Ilmuwan Selangor
PAK-21	Pembelajaran Abad ke-21
PdP	Pengajaran dan pembelajaran
RPH	Rancangan Pengajaran Harian
RPT	Rancangan Pengajaran Tahunan
SBP	Sekolah Berasrama Penuh
SABK	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
UM	Universiti Malaya

## SENARAI LAMPIRAN

- A SURAT LULUS PEMBENTANGAN PROPOSAL DEFENCE
- B SURAT LULUS PEMBENTANGAN CANDIDATURE DEFENCE
- C SURAT PENGESAHAN JABATAN AL-QURAN DAN AL-HADITH APIUM  
BAGI MENJALANKAN KAJIAN
- D SURAT PELANTIKAN PAKAR SPSS DALAM PEMBINAAN SOAL SELIDIK  
DISERTASI
- E SURAT PELANTIKAN PANEL PENILAI KESAHAN DALAM PEMBINAAN  
SOAL SELIDIK DISERTASI
- F SURAT KELULUSAN TAJUK DISERTASI
- G SOALAN TEMUBUAL PELAJAR
- H SOALAN TEMUBUAL TENAGA PENGAJAR

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.0 Pengenalan

Al-Quran merupakan sumber rujukan utama umat Islam. Isi kandungan al-Qur'ān yang sarat dengan panduan perlu diterapkan ke dalam jiwa umat Islam. Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah berusaha menerapkan kefahaman makna ayat al-Qur'ān dengan mewujudkan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) sejak tahun 2014.<sup>1</sup> KBT merupakan kurikulum tahfiz yang diwujudkan bagi memenuhi keperluan masyarakat terhadap pendidikan tahfiz al-Qur'ān di Malaysia. Matlamat KBT adalah untuk melahirkan pelajar yang dapat menghafaz dan memahami isi kandungan al-Qur'ān 30 juzuk serta menjadi muslim berkemahiran tinggi, beragama (*mutadayyin*) yang dapat memberi manfaat kepada masyarakat dan negara.<sup>2</sup>

KBT memayungi dua subjek utama iaitu Hifz al-Qur'ān dan Maharat al-Qur'ān. Di bawah komponen subjek *Hifz al-Qur'ān* mengandungi bidang Hifz (hafazan al-Qur'ān) dan Fiqh Ayat (kefahaman makna ayat). Manakala dibawah subjek *Maharat al-Qur'ān* terdiri daripada ilmu Tajwid, Adab, ilmu *Qirāat*, ilmu *Rasm* dan ilmu *Ḍoḇṭ*. Walaubagaimanapun kajian ini hanya akan menumpukan perhatian pada sub Kurikulum Bersepadu Tahfiz iaitu dibawah bidang Fiqh Ayat yang sangat berkaitan dengan bidang *Hifz al-Qur'ān*.

---

<sup>1</sup> Bahagian Pembangunan Kurikulum, “Dokumen Standard Kurikulum Hifz al-Quran Tingkatan 1” (Kementerian Pendidikan Malaysia, Mei 2015) 2.

<sup>2</sup> Surat pekeliling ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia bilangan 1 tahun 2016, “Pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab di sekolah menengah Kementerian Pendidikan Malaysia” (Kementerian Pendidikan Malaysia, KP/KPPM/6 Jld. 2/19,15 Jan 2016), 5.



## 1.1 Latarbelakang Kajian

Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz telah bermula sejak tahun 2014 di 3 buah sekolah kerajaan (SBP dan SMKA) . Kemudian KBT diperluaskan lagi ke sekolah-sekolah menengah agama dibawah kerajaan negeri dan beberapa buah sekolah tahfiz swasta yang terpilih sahaja. Pelaksanaan KBT secara keseluruhannya dimasukkan dalam jadual waktu rasmi persekolahan bermula jam 6.30 pagi hingga 9.00 pagi bagi fasa 1 dan bersambung pembelajaran akademik Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) sebelum bermula semula fasa 2 daripada jam 7.00 petang hingga 9.00 malam.

Waktu yang diperuntukkan bagi pembelajaran Fiqh Ayat dalam KBT adalah 1 jam pada hari akhir minggu persekolahan. Dalam tempoh 1 jam setiap pelajar diberikan masa selama 6 minit bagi membentangkan kefahaman makna ayat bagi 4 buah muka surat al-Qur'an yang telah dihafaz. Pembelajaran Fiqh Ayat pada hakikatnya lebih tertumpu pada usaha murid sendiri membaca, memahami serta menghafaz kefahaman makna ayat dan seterusnya membentangkan kefahaman dihadapan guru dalam sesi PdP. Setelah hampir 7 tahun pelaksanaan PdP Fiqh Ayat, masih belum wujud usaha penambahbaikan dalam aspek pembelajaran sedia ada ini sepertimana terdapat di dalam maklumat asas pelaksanaan KBT tahun 2015.

Pada dasarnya Kurikulum Bersepadu Tahfiz dibina bersesuaian dengan orientasi Pembelajaran Abad ke 21 yang berpusatkan pelajar dan guru hanya sebagai pemudahcara.<sup>3</sup> Sehubungan itu, pelajar perlu memanfaatkan al-Qur'an terjemahan serta sumber-sumber yang lain bagi membuat persediaan dalam membentuk kefahaman ayat. Hal ini penting

---

<sup>3</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). Pembelajaran abad ke-21 (PAK 21). Diakses pada 10 November 2020 di laman <https://www.slideshare.net/nsyairie74/kit-penerangan-pak21-79959132>

kerana pelajar perlu membentangkan pemahaman intisari ayat yang dihafaz kepada guru dalam sesi PdP.<sup>4</sup> Oleh itu pelajar perlu berusaha dengan membuat persediaan memahami maksud ayat disamping menghafaz al-Qur'ān sebelum dipersembahkan kepada guru dalam sesi PdP. Keadaan ini sudah pasti menyebabkan bebanan pelajar dengan tugas hafazan dan kefahaman makna ayat bertambah disamping matapelajaran akademik yang lain.

Situasi ini secara tidak langsung memberikan implikasi negatif kepada pelajar tahfiz kerana tidak dapat menguasai kefahaman makna ayat al-Qur'ān malah hafazan pelajar juga didapati kurang berkualiti. Justeru fokus kajian ini adalah bagi mengkaji berkenaan pelaksanaan Fiqh Ayat terhadap pelajar tahfiz swasta yang menggunakan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) di Maahad Integrasi Tahfiz Tunas Ilmuwan Selangor, Sabak Bernam.

## 1.2 Masalah Kajian

Objektif Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) adalah untuk menghasilkan pelajar yang menguasai hafazan dan kefahaman makna ayat (Fiqh Ayat) 30 juzuk al-Qur'ān. Namun demikian matlamat penguasaan Fiqh Ayat dalam kalangan pelajar tahfiz di MITTIS kurang tercapai. Dapatan ini ditemui berdasarkan kajian rintis yang telah dilakukan terhadap 36 orang pelajar MITTIS melalui soal selidik tidak berstruktur pada 2 Mac 2021.<sup>5</sup> Disamping itu, hasil dapatan temubual terhadap 3 orang tenaga pengajar<sup>6</sup> di sekolah tersebut turut

---

<sup>4</sup> Surat pekeliling iktisas Kementerian Pendidikan Malaysia bilangan 1 tahun 2016, "Pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab di sekolah menengah Kementerian Pendidikan Malaysia", KP/KPPM/6 Jld. 2/19,15 Jan 2016), 5.

<sup>5</sup> Soal selidik tidak berstruktur terhadap 36 pelajar MITTIS mendapati 73% (23 pelajar) daripadanya didapati tidak dapat menjawab soalan Fiqh Ayat. Kajian rintis soal selidik tidak berstruktur pada 3 Mac 2021.

<sup>6</sup> i. Wan Habibah, Pengarah Jabatan Quran MITTIS. Temubual pada 20 Februari 2021

ii. Fahim Sofiyuddin, Tenaga Pengajar MITTIS, Temubual pada 22 Disember 2020

mengesahkan masalah penguasaan Fiqh Ayat dalam kalangan pelajar menjadi masalah penting yang dapat dikenalpasti di sekolah ini.

Pelaksanaan Fiqh Ayat yang kurang komprehensif menyukarkan pelajar tahfiz menguasai mata pelajaran ini. Penekanan dan penerimaan pelajar dalam sesi PdP Fiqh Ayat merupakan perkara penting bagi membantu pelajar menguasai kefahaman makna ayat.<sup>7</sup> Pelaksanaan PdP yang baik dapat memberikan ruang liputan pembelajaran yang luas kepada pelajar.<sup>8</sup> Berdasarkan Kurikulum Bersepadu Tahfiz, pelajar diwajibkan untuk menguasai Fiqh Ayat 30 juzuk dalam tempoh 5 tahun pengajian.<sup>9</sup> Realitinya pelajar berhadapan dengan pelbagai bebanan diantaranya silibus Fiqh Ayat yang banyak, penumpuan terhadap hafazan al-Quran, pembelajaran akademik yang padat serta kurang mendapat bimbingan daripada guru.<sup>10</sup>

Pelajar juga tidak disediakan modul pembelajaran yang khusus untuk menguasai Fiqh Ayat. Berdasarkan hasil dapatan tinjauan tidak ada modul khusus bagi memudahkan pembelajaran Fiqh Ayat di sediakan oleh pihak berwajib.<sup>11</sup> Hakikatnya pelajar merasa sukar untuk menguasai kefahaman makna ayat kerana kandungan silibus terlalu banyak sehingga memilih untuk memberi tumpuan pada hafazan sahaja.<sup>12</sup> Tambahan pula tahap keupayaan

---

iii. Mohd Azam, Tenaga Pengajar MITTIS , Temubual pada 25 Mei 2021

<sup>7</sup> Siti Nurjanah Mastor Mustafa, et al., Tahap Pelaksanaan Aktiviti Hafazan dalam Kalangan Guru Tahfiz Sekolah Menengah. BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences 4.1(2020), 9-21

<sup>8</sup> Muhd Zulhilmi Haron, et al., Keperluan Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan Malaysia. Practitioner Research, 1.0 (2020), 289-316.

<sup>9</sup> Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia KPM. Maklumat asas pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz, (2015), 5

<sup>10</sup> Azmil Hashim, et al.. Latar Belakang Guru Tahfiz Dan Amalan Kaedah Pengajaran Tahfiz Al-Quran Di Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education*. 1.1 (2013), 28-39

<sup>11</sup> Wan Habibah , Pengarah Jabatan Quran MITTIS . Temubual pada 20 Februari 2021

<sup>12</sup> Azmil Hashim et al. Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Pembelajaran Tahfiz Al-Quran Di Malaysia. *Journal Of Islamic And Arabic Education*, 4.2 (2012), 1–10.

pembelajaran pelajar tahfiz di sekolah tahfiz swasta begitu terhad kerana sekolah ini tidak boleh melaksanakan tapisan pengambilan kemasukan pelajar dengan begitu ketat.<sup>13</sup> Realiti yang sama berlaku dari aspek keupayaan guru yang didapati kurang mahir dalam membuat perancangan guru terhadap pembelajaran Fiqh Ayat pelajar. Guru hanya mengajar berdasarkan pengalaman sedia ada menggunakan bahan bantu belajar yang terhad disekolah tersebut. Situasi ini menyebabkan penyampaian kurikulum Fiqh Ayat tidak ada keseragaman seterusnya mengakibatkan penguasaan Fiqh Ayat pelajar kurang tercapai.

Hal ini menimbulkan implikasi negatif terhadap hafazan pelajar terutamanya ketika peringkat permulaan hafazan dan aktiviti murajaah yang memerlukan daya fokus serta penghayatan makna.<sup>14</sup> Implikasi ini jelas dapat dilihat dalam aspek bagaimana pengaruh kefahaman makna ayat dapat membantu pelajar mengukuhkan ayat hafazan dalam ingatan dan menghasilkan kekhusyukan.<sup>15</sup> Ini bertepatan dengan matlamat KBT melalui pendedahan mata pelajaran Fiqh Ayat yang pada dasarnya adalah untuk membantu hafazan pelajar tetapi realitinya perkara ini kurang berlaku. Malah sebaliknya pelajar tahfiz di MITTIS kurang mengambil berat terhadap mata pelajaran ini. Ini dapat dilihat dalam jadual graf gred purata keseluruhan bagi keputusan peperiksaan Fiqh Ayat di MITTIS.<sup>16</sup>

---


<sup>13</sup> Wan Habibah, *op. cit.*

<sup>14</sup> Mohd Faizul Amri et al. Kaedah Penerapan Tadabbur Untuk Huffaz Al-Quran. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 6.2 (2020), 15-23.

<sup>15</sup> Mat Jafri et al. Keutamaan amalan tadabbur al-Quran terhadap pelajar tahfiz. *Jurnal al-Turath*, 3.2 (2018), 16-21

<sup>16</sup> Sumber dari Jabatan Al-Qur'an MITTIS diakses pada 4 Mac 2021

Rajah 1.1 Gred Purata Keseluruhan Mata Pelajaran Fiqh Ayat MITTIS 2018, 2019 Dan 2020



Sumber : Jabatan Al-Qur'ān MITTIS Sabak Bernam.

Rajah gred purata keseluruhan keputusan mata pelajaran Fiqh Ayat 3 tahun kebelakangan menunjukkan masalah penguasaan Fiqh Ayat amat kritikal di sekolah ini. Trend penurunan gred ini sekaligus mempengaruhi markah keputusan dan pencapaian hafazan kerana format markah Fiqh Ayat dan hafazan digabungkan dalam mata pelajaran *Hifz Al-Qur'ān* Kurikulum Bersepadu Tahfiz.

Berdasarkan perbincangan di atas maka dapat dirumuskan bahawa masalah penguasaan dan keberkesanan Fiqh Ayat pelajar MITTIS mempengaruhi pencapaian hafazan pelajar. Hal ini menarik minat pengkaji untuk menjalankan kajian berkenaan pelaksanaan, penguasaan Fiqh Ayat KBT dan keberkesannya dalam membantu hafazan pelajar. Justeru kajian ini perlu dilaksanakan untuk merungkai permasalahan yang timbul agar dapat dimanfaatkan bersama khususnya bagi institusi tahfiz yang mengikuti Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT).

### **1.3 Persoalan Kajian**

Berdasarkan pernyataan masalah diatas beberapa persoalan dapat dibangkitkan dan menjadi persoalan kajian dalam kajian ini seperti berikut:

1. Bagaimanakah pelaksanaan pembelajaran Fiqh Ayat KBT di MITTIS?.
2. Apakah tahap penguasaan Fiqh Ayat pelajar MITTIS ?
3. Bagaimanakah keberkesanan Fiqh Ayat terhadap hafazan pelajar MITTIS ?

### **1.4 Objektif**

Kajian ini dijalankan untuk menilai keberkeberkesanan pelaksanaan Fiqh Ayat di salah sebuah sekolah tahfiz swasta yang mengikuti Kurikulum Bersepadu Tahfiz . Kajian ini dijalankan bagi menjawab beberapa persoalan yang timbul daripada pelaksanaan kurikulum ini dengan memberi gambaran yang sebenar terhadap pelaksanaan Fiqh Ayat dan menilai tahap penguasaan serta keberkesanan Fiqh Ayat terhadap hafazan pelajar di lokasi kajian tersebut. Oleh itu secara terperinci, beberapa objektif kajian telah disusun seperti berikut:

1. Menerangkan pelaksanaan pembelajaran Fiqh Ayat KBT di MITTIS.
2. Mengkaji tahap penguasaan Fiqh Ayat pelajar MITTIS.
3. Menganalisis keberkesanan Fiqh Ayat terhadap hafazan pelajar MITTIS.

### **1.5 Kepentingan Kajian**

Berdasarkan perbincangan di atas beberapa kepentingan daripada kajian ini dapat dibentuk seperti berikut :

1. Kajian ini adalah untuk mengenalpasti pelaksanaan dan keberkesanan pembelajaran al-Qur'ān yang akhirnya memberikan dapatan kerangka PdP mata pelajaran Fiqh Ayat yang baik untuk kegunaan pelajar tahfiz di MITTIS dan sekolah-sekolah tahfiz lain.
2. Kerajaan Malaysia menasihatkan ramai graduan hafiz dapat dihasilkan yang akan menjadi pelapis kepimpinan Negara pada masa akan datang. Hal ini dapat dilaksanakan dengan memaksimumkan daya usaha dengan memperkemaskan pengajaran dan pembelajaran kefahaman makna ayat al-Qur'ān (Fiqh Ayat) di peringkat sekolah menengah .
3. Sebagai memenuhi tuntutan objektif KBT dalam aspek Quranik iaitu pelajar dapat menghafaz dan memahami makna ayat al-Qur'ān 30 juzuk<sup>17</sup> Kajian ini juga diharap dapat memberi perhatian kepada para pendidik dalam memperkemaskan proses pengajaran dan pembelajaran Fiqh Ayat di dalam kelas.
4. Pihak MITTIS dapat didedahkan dengan dapatan kajian yang sudah tentu memberikan maklumat kepada tumpuan penambahbaikan aspek kefahaman al-Qur'ān.
5. Kajian ini juga menasihatkan manfaat sumbangan ilmu kepada masyarakat bagi menambahbaik amalan berinteraksi dengan al-Qur'ān dalam meningkatkan kefahaman makna ayat .

## **1.6 Skop Kajian**

Penyelidikan ini hanya memberikan penumpuan kajian terhadap huraian Dokumen Standard Kurikulum Prestasi (DSKP) Fiqh Ayat , kaedah pelaksanaan dari aspek pengajaran (guru)

---

<sup>17</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). Surat pekeliling ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia bilangan 1 tahun 2016: Pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab di sekolah menengah Kementerian Pendidikan Malaysia

dan pembelajaran (pelajar) bagi Fiqh Ayat, tahap penguasaan Fiqh Ayat dan analisis keberkesanan Fiqh Ayat terhadap hafazan pelajar MITTIS.

a. Sampel Kajian

Seramai 103 pelajar orang pelajar lelaki dan perempuan daripada tingkatan 1 hingga 5 akan dilibatkan dalam kajian ini. Pelajar yang dipilih dalam kajian ini memenuhi kriteria yang ditetapkan iaitu mempunyai pengalaman mempelajari Fiqh Ayat dalam *Hifz al-Qur'ān* Kurikulum Bersepadu Tahfiz.

b. Lokasi Kajian

Maahad Integrasi Tahfiz Tunas Ilmuwan Selangor ini dipilih kerana memenuhi kriteria sekolah tahfiz swasta yang menggunakan Kurikulum Bersepadu Tahfiz. Justeru, lokasi kajian ini dipilih bagi melihat pelaksanaan dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran matapelajaran fiqh ayat secara menyeluruh di institusi tahfiz swasta.

### **1.7 Definisi Tajuk**

“Pelaksanaan Fiqh Ayat Dalam Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT): Analisis Penguasaan dan Keberkesanan Terhadap Pelajar Tahfiz Di MITTIS Sabak Bernam”

a. Pelaksanaan Fiqh Ayat



Pelaksanaan bermaksud perihal, perbuatan atau proses menjalankan, melaksanakan, mengusahakan rancangan atau tugas.<sup>18</sup> Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz membawa maksud menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan sub kurikulum Fiqh Ayat termasuk PdP dan program sokongan bagi tujuan menambahkan ilmu dan kemahiran bagi matapelajaran tertentu.

Fiqh Ayat adalah istilah bidang kefahaman makna ayat dalam subjek *Hifz al-Qur'ān*<sup>19</sup> Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT). Pelajar perlu mengetahui dan memahami makna ayat yang dihafaz serta menerapkan kefahaman al-Qur'ān yang dihafaz dalam amalan.<sup>20</sup> Batasan Fiqh Ayat (kefahaman makna ayat) dalam kajian ini ialah pelajar mampu menterjemahkan makna ayat al-Qur'ān yang di hafaz.

#### b. Kurikulum Bersepadu Tahfiz

Kurikulum bermaksud skop dan isi kandungan sesuatu mata pelajaran di sekolah dan lain-lain, senarai kesemua mata pelajaran (kursus pengajian) di sekolah dan lain-lain.<sup>21</sup> Kurikulum juga didefinisikan sebagai segala bentuk perancangan yang merangkumi ilmu pengetahuan, kemahiran, penerapan nilai, yang dikendalikan oleh institusi pendidikan atau sekolah. Kurikulum Bersepadu Tahfiz menaungi 2 mata pelajaran *Hifz al-Qur'ān* dan *Maharat al-Qur'ān*. Di bawah mata pelajaran *Hifz al-*

---

<sup>18</sup> Kamus Dewan Edisi Kedua, laman sesawang Dewan Bahasa Dan Pustaka, diakses pada 3 Januari 2021, <https://prpm.dbp.gov.my/CarianBestari?mode=ext&keyword=pelaksanaan>. 3

<sup>19</sup> Bahagian Pembangunan Kurikulum, “Dokumen Standard Kurikulum Hifz al-Qur'ān Tingkatan 3”, (Kementerian Pendidikan Malaysia, Disember 2018), 14.

<sup>20</sup> Misnan Jemali dan Ahmad Sadadi Hafidz, “Hubungan antara Kaedah Menghafaz al-Quran dengan Pencapaian Kursus Tahfiz wa al-Qiraat Pelajar Semester Empat dan Lima di Maahad Tahfiz wal Qiraat di Perak”, Seminar Kaedah Pengajaran Tahfiz al-Quran Peringkat Kebangsaan, Kolej Universiti Islam Malaysia. 2003.

<sup>21</sup> Kamus Dewan Bahasa Keempat, laman sesawang Dewan Bahasa Dan Pustaka, diakses pada 3 Mac 2021, <https://prpm.dbp.gov.my/CarianBestari?mode=ext&keyword=kurikulum>

*Qur'ān* mengandungi bidang Hifz dan Fiqh Ayat. Manakala dibawah mata pelajaran *Maharat al-Qur'ān* terdiri daripada ilmu Tajwid, Adab, ilmu *Qirāat*, ilmu *Rasm* dan ilmu *Do'bt*.<sup>22</sup> Matlamat Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) adalah untuk melahirkan golongan profesional, teknokrat dan usahawan hafiz yang mengamalkan ajaran Islam (*mutaddayin*) dan memiliki pelbagai kemahiran ilmu selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.<sup>23</sup>

### c. Pelaksanaan

Pelaksanaan Pelaksanaan bermaksud perbuatan atau proses melaksanakan rancangan dan tugas.<sup>24</sup> Pelaksanaan KBT adalah usaha menjalankan rancangan berdasarkan garis panduan yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.<sup>25</sup> Menurut kepada objektif KBT pelajar perlu menghafaz dan memahami 30 juzuk al-Qur'ān secara keseluruhan. Namun hal ini telah diperincikan dalam DSKP (Fiqh Ayat) dimana pelajar perlu membentangkan instisari ayat hafazan dihadapan guru secara individu.<sup>26</sup> Aktiviti pelaksanaan pembelajaran Fiqh Ayat berlaku pada hari akhir minggu persekolahan.<sup>27</sup> Merujuk kepada kepada pernyataan diatas maka dapat

---

<sup>22</sup> Surat pekeliling ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia bilangan 1 tahun 2016, "Pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab di sekolah menengah Kementerian Pendidikan Malaysia" (Kementerian Pendidikan Malaysia, KP/KPPM/6 Jld. 2/19,15 Jan 2016), 5.

<sup>23</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia Dasar Pendidikan Kebangsaan. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. (2017), 86

<sup>24</sup> Kamus Dewan Bahasa Keempat, laman sesawang Dewan Bahasa Dan Pustaka, diakses pada 15 Mac 2021, <https://prpm.dbp.gov.my/CarianBestari?mode=ext&keyword=pelaksanaan>

<sup>25</sup> Bahagian Pendidikan Islam, "Maklumat asas pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz", (Kementerian Pendidikan Malaysia, Mei 2015), 3.

<sup>26</sup> Bahagian Pembangunan Kurikulum. Kurikulum Standard Sekolah Menengah Hifz Al-Quran. Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran Tingkatan 3. Disember 2018. 14

<sup>27</sup> Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia KPM (2015), *op.cit*, 15

disimpulkan bahawa pelaksanaan adalah pengajaran guru dan pembelajaran pelajar bagi mata pelajaran Fiqh Ayat.

#### d. Penguasaan

Penguasaan menurut Kamus Dewan Edisi Keempat bermaksud perihal menguasai atau menguasai.<sup>28</sup> Tahap penguasaan yang ingin dilihat dalam kajian ini adalah merangkumi asas kemahiran kefahaman al-Qur'ān daripada aspek mengetahui makna ayat, memahami maksud ayat, dapat mengeluarkan intisari ayat serta menguasai butiran kandungan yang terdapat didalam buku teks Al-Qur'ān Al-Ka m dan Terjemahan (KPM).

#### e. Keberkesanan

Keberkesanan berasal daripada perkataan kesan yang memberi makna perihal berkesan, berkesannya sesuatu tindakan, perubahan.<sup>29</sup> Tahap keberkesanan sesuatu tindakan dapat dilihat daripada hasil tindakan tersebut. Keberkesanan sesuatu mata pelajaran akan merujuk kepada analisis mata pelajaran tersebut yang memberi respon kepada proses pembelajaran dan penguasaan subjek . Manakala keberkesanan dalam konteks kajian ini adalah hasil pembelajaran Fiqh Ayat yang dapat dianalisis dari pelbagai aspek sama ada faktor amalan pembelajaran, penguasaan dan penilaian pelajar kearah membantu meningkatkan hafazan pelajar MITTIS.

---

<sup>28</sup> Kamus Dewan Bahasa Keempat, laman sesawang Dewan Bahasa Dan Pustaka, diakses pada 15 April 2021, <https://prpm.dbp.gov.my/CarianBestari?mode=ext&keyword=penguasaan>

<sup>29</sup> Kamus Dewan Bahasa Keempat, laman sesawang Dewan Bahasa Dan Pustaka, diakses pada 3 Mei 2021, <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?Keyword=keberkesanan>

#### f. MITTIS

MITTIS adalah singkatan nama Maahad Integrasi Tahfiz Tunas Ilmuwan Selangor yang terletak di alamat lot 10318, Jalan Panchang Bedena, Bagan Sungai Besar, 45300 Sungai Besar, Selangor. Sekolah ini merupakan sekolah tahfiz milik persendirian (swasta) dibawah naungan Yayasan Pendidikan Islam Selangor (YAPIS). Keunikan sekolah ini dipilih kerana menawarkan kurikulum pendidikan secara formal menggunakan aliran Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) sejak tahun 2015 dan juga pendidikan agama Kurikulum Pendidikan Jabatan Agama Islam Selangor (SMART Q). Sekolah ini telah beroperasi sejak tahun 2012 dan telah menghasilkan 2 kohort keluaran 2019 dan 2020. Setakat ini MITTIS mempunyai seramai 140 orang pelajar terdiri daripada pelajar tingkatan 1 hingga 5 mengikuti pengajian di sekolah ini.

### 1.8 Kerangka Teori

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji pelaksanaan dalam memahami maksud ayat dalam kalangan pelajar tahfiz. Oleh itu, kajian ini telah merujuk kepada teori pendidikan al-Qur'an *Al-Qab s* yang telah diperkenalkan oleh *Al-Qab s* pada tahun 1955. Disamping itu kajian ini juga memuatkan gagasan pembelajaran melalui gabungan kefahaman dan hafazan oleh Christina Au dan Enswistle<sup>30</sup>, Kember dan Gow<sup>31</sup>. Gagasan pembelajaran ini menekankan

---

<sup>30</sup> Au, Christina, and Noel Entwistle. "Memorisation with Understanding' in Approaches to Studying: Cultural Variant or Response to Assessment Demands?" European Association for Research on Learning and Instruction Conference, (1999).

<sup>31</sup> David Kember, The intention to both memorise and understand: Another approach to learning?, Higher Education 31 (1996), 341-354

pendekatan gabungan diantara kefahaman dan hafazan. Gaya pembelajaran ini telah membuktikan bahawa hafazan yang di gabungkan dengan kefahaman dapat meningkatkan ingatan jangka masa panjang. Asas kepada kaedah pembelajaran ini adalah hafalan semata-mata adalah paksaan yang dimasukkan dalam ingatan, sedangkan hafazan yang disertai kefahaman akan memperdalamkan ingatan kepada sesuatu bahan hafalan. Kaedah pembelajaran ini sesuai dengan dengan situasi kajian ini dimana pelajar perlu menghafaz al-Qur’ān menggunakan bahasa bukan penutur.

Rajah 1.2 : Kerangka Teori Pendidikan Al-Qur’ān *Al-Qab s*



Sumber : *Al-Qab s . Abu Hasan Al Muhammad Khalaf* (1955)<sup>32</sup>

Rajah 1.2 menunjukkan pendekatan teori pendidikan al-Qur’ān *al-Qābi* berdasarkan 4 kaedah pembelajaran iaitu mengajar, latih tubi, kecenderungan dan kefahaman. Melalui 4 kaedah pembelajaran ini akan dapat menghasilkan objektif kepada teori ini iaitu *al-hifz* iaitu pelajar menghafaz al-Qur’ān. Kedua *al-wa’yu* iaitu penghayatan dan pemahaman ayat al-Qur’ān. Ketiga *al-Istirja’* adalah pelajar mampu mengingat dan membaca semula semua

<sup>32</sup> Al-Qab s Abi Hasan Ali Muhammad Khalaf. *Al-Risālah al-Mufasssolah Li al-Aḥwal al-Mua’līm n Wa Aḥkām al-Mua’līm m Wa al-Mutaa’līm n*. (Kaherah: Dār Ehyā’ al-Kutub al-A’rabiyyah,1987), 56.

hafazan al-Qur'ān kesan daripada hafazan dan kefahaman ayat. Teori pendidikan al-Qur'ān ini menggambarkan proses pembelajaran tahfiz perlu mencapai 3 objektif utama sebagai melengkapkan kemenjadian seorang hafiz.

Keutamaan menghafaz 30 juzuk al-Qur'ān tidak memadai hanya dengan keupayaan membaca hafazan tanpa melihat mashaf sahaja bahkan perlu ditambah dengan keupayaan memahami maksud ayat hafazan.<sup>33</sup> Kefahaman maksud ayat ini akhirnya akan mengukuhkan lagi ingatan terhadap ayat hafazan hasil daripada penghayatan maksud ayat.<sup>34</sup> Penggunaan teori ini dipilih bagi menghurai dan mengenalpasti serta mengesahkan kajian kefahaman ayat al-Qur'ān dalam kalangan pelajar MITTIS.

#### ii) Kerangka Konseptual

Kajian ini hanya menumpukan kepada pembelajaran (pelaksanaan) Fiqh Ayat KBT pelajar, tahap penguasaan Fiqh Ayat KBT pelajar dan keberkesanan Fiqh Ayat KBT dalam kalangan pelajar tahfiz MITTIS. Pelaksanaan yang memberi maksud pembelajaran Fiqh Ayat dapat dilihat berdasarkan objektif pendidikan al-Qur'ān yang ingin dicapai berdasarkan 3 objektif utama iaitu pelajar dapat menghafaz, memahami dan berupaya membaca semula ayat hafazan. Oleh itu penumpuan kajian ini hanya melibatkan kaedah pembelajaran yang menggunakan kaedah kefahaman sahaja. Rasionalnya kajian berkenaan kaedah kefahaman masih kurang dibincangkan berbanding kaedah-kaedah latihan, pengajaran dan minat.

---

<sup>33</sup> Mohd Jamalil Ismail, et al. Strategi Kecemerlangan Institusi Pendidikan Tahfiz Al-Quran Di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 15.1 (2017), 51-60.

<sup>34</sup> Mohd Zamrus Mohd Ali, et al., Cadangan Kaedah Hafazan Tematik Dengan Kurikulum Pendidikan Pintar Berbakat Integrasi Naqli Dan 'Aqli Kepada Murid Pintar Berbakat Di Kolej Genius Insan Usim , SAIS USIM, (2021),436-450.

Rajah 1.3 : Kerangka Konseptual



Sumber : Adaptasi daripada David Kember. (1996),<sup>35</sup> Azmil et al.,<sup>36</sup> Nurain Zainal Abidin (2017)<sup>37</sup>

Kajian ini dibentuk berdasarkan kerangka konseptual seperti rajah 1.3 di atas hasil daripada adaptasi kajian David Kember yang melihat kaedah hafalan dengan kefahaman dan kajian Nurain yang memfokuskan tahap amalan tadabbur. Pengkaji telah mengubahsuai dan menggabung jalinkan teori konseptual pengkaji lepas untuk disesuaikan dalam kajian ini. Aspek pembelajaran yang ingin dilihat adalah berkenaan pembelajaran Fiqh Ayat yang menumpukan hanya kepada kaedah kefahaman. Aspek pembelajaran ini dihuraikan dalam bentuk pelaksanaan pembelajaran Fiqh Ayat.

<sup>35</sup> David Kember, The intention to both memorise and understand: Another approach to learning?, Higher Education 31 (1996), 341-354.

<sup>36</sup> Azmil Hashim & Abdul Halim Tamuri, Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Pembelajaran Tahfiz Al-Quran Di Malaysia. *Journal Of Islamic And Arabic Education*, 4.2(2012), 1-10.

<sup>37</sup> Nurain Zainal Abidin, Tahap Pengetahuan Pelajar Tahfiz Terhadap Tadabbur Al-Quran Di Maahad Tahfiz Dar Al-Abrar, Teluk Rubiah Seri Manjung, Perak. Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, (2017).

Kajian ini adalah untuk melihat kekuatan kaedah hafazan dengan kefahaman. Oleh itu soal selidik yang dibina akan mengukur tahapan bagi objektif yang dinyatakan berdasarkan aspek pembelajaran, penguasaan dan keberkesanan. Didalam konstruk pembelajaran, penguasaan dan keberkesanan pengkaji meletakkan taburan beberapa item yang difokuskan dalam aspek wa'yu, hifz dan istirja' sebagai memenuhi subjek pelaksanaan pembelajaran Fiqh Ayat. Berdasarkan tahap penguasaan Fiqh Ayat yang diperolehi pengkaji dapat menganalisis keberkesanan Fiqh Ayat terhadap hafazan pelajar. Kajian ini diringkaskan seperti berikut:

Gagasan kaedah hafazan dengan kefahaman > pembelajaran , penguasaan (pembelajaran sendiri dan bersama guru) > keberkesanan

### iii) Landasan Teori

Beberapa kaedah pembelajaran tahfiz telah dikenalpasti menggunakan kaedah kefahaman didalam pembelajaran tahfiz. Walaupun kaedah kefahaman ini bukan satu-satunya kaedah hafazan yang utama tetapi kenyataannya kaedah hafazan dengan kefahaman telah diletakkan dalam aspek hafazan.<sup>38</sup> Ini menunjukkan bahawa kaedah kefahaman ini juga penting selain kaedah tiktar dan lain-lain. Maka kajian ini berusaha memfokuskan kaedah kefahaman dalam kerangka kajian yang akan dijalankan. Walaupun tiada teori secara khusus menempatkan kaedah kefahaman dalam teori pembelajaran tahfiz namun sekurang-kurangnya masih ada teori yang berkaitan dapat disandarkan dalam kajian ini. Justeru kajian ini akan membincangkan gagasan kaedah hafalan dengan kefahaman dan pembelajaran tahfiz seperti

---

<sup>38</sup> Azmil Hashim & Abdul Halim Tamuri, Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Pembelajaran Tahfiz Al-Quran Di Malaysia. *Journal Of Islamic And Arabic Education*, 4.2(2012), 1-10.



teori al-Qa dan beberapa kajian moden yang dapat dijadikan landasan teori bagi kajian ini.

Menyoroti kajian lepas dalam penyelidikan kefahaman al-Qur'ān didapati banyak kajian menggunakan kaedah *monomethode* yang berfokuskan kepada kajian kuantitatif sahaja seperti kajian Nur Ain,<sup>39</sup>Naziratul,<sup>40</sup> Zahriah<sup>41</sup> Manakala kajian bentuk kualitatif sahaja adalah seperti kajian Mohd Hakim,<sup>42</sup>Fathiyah,<sup>43</sup>Bazli.<sup>44</sup> Namun kajian yang berbentuk *mixmethode* masih kurang dilaksanakan. Sesuai dengan objektif kajian ini yang memerlukan kajian metod campuran untuk mendalami dan menggali pengetahuan berkenaan kefahaman ayat. Justeru kaedah pengumpulan data yang akan digunakan turut dipengaruhi oleh bentuk kajian ini iaitu menggunakan kaedah kaji selidik, temubual dan pemerhatian. Sementara itu analisis bagi kajian ini menggunakan analisis statistik deskriptif bagi soal selidik, analisis dokumen dan transkripsi temubual dan analisis tema bagi pemerhatian.

## 1.9 Rumusan

---

<sup>39</sup> Nurain Zainal Abidin, Tahap Pengetahuan Pelajar Tahfiz Terhadap Tadabbur Al-Quran Di Maahad Tahfiz Dar Al-Abrar, Teluk Rubiah Seri Manjung, Perak. Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, (2017).

<sup>40</sup> Naziratul Izzati Ani & Azmil Hashim. Penghayatan Akidah Dalam Pengajaran Ayat Kefahaman Pengajian Al-Quran Di Kalangan Murid Tingkatan Empat Di SMKA Di Sabah. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 2.2 (2016), 45–54.

<sup>41</sup> Zahriah Hussin, et al. (2021). Kepentingan skemata Arab terhadap kefahaman al-Quran dan pencapaian hafazan. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 18(1), 265-287

<sup>42</sup> Mohd Hakim Bin Mothar Rijan, et al. "Kefahaman Ayat Al-Quran Dikalangan Pelajar Tahfiz : Satu Sorotan" *Jurnal Maw'izah* 4.0 (2021), 1-10

<sup>43</sup> Fathiyah M. Fakhruddin, Che Ishak, S., & Asmawati, S. "Proses dan kaedah pembelajaran tahfiz dalam kalangan murid di sekolah menengah agama kerajaan di Malaysia. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 17.2 (2020), 311-340.

<sup>44</sup> Ahmad Bazli, et al.. Pembinaan Modul Pendidikan Al-Quran Untuk Pelajar Pintar Berbakat Model Permata Insan. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 1.1(2017), 194–207.

Penulisan ini disusun dengan membahagikan perbincangan kepada lima bab. Penulisan ini di mulai dengan bab pendahuluan dan diakhiri dengan bab rumusan dan cadangan Perbincangan bagi setiap bab akan memberi tumpuan kepada objektif dan persoalan kajian serta diakhiri dengan rumusan.

Penulisan pada bab pertama adalah berkenaan pendahuluan merangkumi latarbelakang masalah kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian dan skop kajian.. Bab kedua akan membincangkan latar belakang berkenaan pelaksanaan pembelajaran Fiqh Ayat di MITTIS. Pada bab ini juga pengkaji akan memberi perhatian kepada penulisan sorotan kajian literatur dengan mengulas kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kajian ini. Kemudian diteruskan dengan membincangkan landasan teori yang telah digunakan oleh kajian-kajian lepas. Bab ketiga merupakan perbincangan berkenaan metodologi kajian yang akan dijalankan meliputi reka bentuk kajian, populasi kajian, instrument kajian, kajian rintis, pengumpulan data dan penganalisan data

Pada bab keempat pula pengkaji akan menumpukan kepada dapatan kajian dan analisis berkenaan pelaksanaan pembelajaran Fiqh Ayat di MITTIS, penguasaan Fiqh Ayat pelajar MITTIS dan keberkesanan Fiqh Ayat terhadap pelajar MITTIS merangkumi hasil dapatan soal selidik, markah keputusan peperiksaan terkini disamping dapatan temubual dan pemerhatian. Sementara penulisan bab lima pengkaji akan merumuskan perbincangan dan membuat kesimpulan bagi setiap objektif kajian, memberikan ulasan dengan memuatkan penemuan dan solusi kajian sebelum, implikasi dan mencadangkan beberapa cadangan kajian yang berkaitan bagi penambahbaikan kajian.

## BAB 2

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.0 Pengenalan

Matapelajaran Fiqh Ayat adalah salah satu komponen dalam Hifz al-Qur'an bagi KBT. Didalam bahasa arab perkataan yang lebih menjurus kepada aspek kefahaman adalah perkataan *فقه* diambil dari kitab lisan arab

فَقْهٌ . الْفِقْهُ : الْعِلْمُ بِالشَّيْءِ وَالْفَهْمُ لَهُ . قَالَ عَيْرُهُ : الْفِقْهُ فِي الْأَصْلِ الْفَهْمُ . قَالَ عَزْرٌ  
وَ جَلَّ فِي الْقُرْآنِ ... لِيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَ كَمَا دَعَا النَّبِيُّ لِابْنِ عَبَّاسٍ : اَللَّهُمَّ عَلِّمْنَاهُ  
الدِّينَ وَ فَقْهَهُ التَّأْوِيلَ أَيَّ فَهْمُهُ تَأْوِيلُهُ وَ مَعْنَاهُ

Maksudnya: mengetahui sesuatu dan memahaminya. Berkata  
selainnya: Al-Fiqh berasal dari al-Fahm.<sup>45</sup> Allah swt berfirman  
didalam al-Qur'an:

﴿ وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنْفِرُوا كَافَّةً ۚ فَلَوْلَا نَفَرَ مِن كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ  
لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ ﴾

*Al-Taubah 9:122*

Terjemahan:” Tidak sepatutnya bagi mukminin itu pergi semuanya (ke  
medan perang). Oleh itu hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-

<sup>45</sup> Jamāludd n Ibnu Manz r, “Lisān al-‘Arab”.(1311).5:3481

tiap puak antara mereka supaya orang-orang yang tinggal itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut didalam agama. Dan supaya mereka dapat mengajar kaum mereka yang keluar berjuang apabila mereka kembali kepada mereka, mudah-mudahan mereka dapat berjaga dari melakukan larangan Allah.” ( al-Taubah 9:122)

Sebagaimana rasulullah s.a.w. pernah mendoakan kepada Sayyidina Ibn Abbas agar diberikan kefahaman agama :

اللَّهُمَّ فَفِّهْهُ فِي الدِّينِ وَعَلِّمَهُ التَّأْوِيلَ

Terjemahan: “Ya Allah, berilah kepadanya kefahaman dalam agama dan ajarkanlah dia al-Takwil.”<sup>46</sup>

Menurut hadith ini *Ibnu 'Abbās* telah didoakan Nabi Muhammad saw supaya difahamkan agama dan diberikan ilmu takwil ketika diperingkat awal kanak-kanak. Allah swt memakbulkan doa Nabi Muhammad saw dengan menjadikan *Ibnu 'Abbās* sebagai ahli tafsir yang sering menjadi tempat rujukan para sahabat setelah kewafatan baginda Nabi Muhammad saw.

Kefahaman adalah kata terbitan dari perkataan faham. Maksud faham ialah mengetahui sesuatu pengertian dengan mendalam serta menjadi pegangannya.<sup>47</sup> Menurut

<sup>46</sup> Ahmad, al-Hakim, al-Ṭabarān (*Al-Kabir, al-Ausat & al-Ṣaḡir*), Ibn Hibbān dan lain-lain, sanadnya dinilai sahih oleh Shu'aib al-Arna'ut dalam Musnad Ahmad, *Muassasah al-Risalah*, (Beirut, 1995), 5:215, (no hadith 3102)

<sup>47</sup> Kamus Dewan Edisi Keempat diakses pada 1 April 2021 di laman <https://prpm.dbp.gov.my/Carian/Bestari?mode=ext&keyword=faham>

Zulkifli Yusoff kefahaman itu adalah hasil daripada wasilah tafsir, ta'w l, taby n dan tafs l. Melalui tafsir , ta'w l, taby n dan tafs l pengetahuan tentang al-Qur'an akan dapat dibentuk dengan baik sehingga menghasilkan kefahaman terhadap nas al-Qur'an. Ini bermakna kefahaman makna ayat al-Qur'an adalah menjadi tujuan kepada tafsir dan juga ta'wil dan sebagainya.<sup>48</sup> Maka kefahaman makna ayat al-Qur'an itu sangat relevan untuk dibincangkan terutamanya dalam bidang pengajian tahfiz.

Kefahaman terhadap ayat al-Qur'an adalah anugerah yang besar disisi Allah swt dan hanya boleh diperolehi dengan usaha mengkaji dan memahami serta menghayati isi kandungan ayat al-Qur'an secara berterusan.<sup>49</sup> Dalam konteks memahami maksud ayat al-Qur'an diperingkat sekolah menengah (KBT), Kementerian Pendidikan Malaysia telah memberikan istilah kefahaman makna ayat sebagai Fiqh Ayat. Walaubagaimanapun definisi Fiqh Ayat tidak diberikan secara jelas hanya sekadar memberikan objektif dan makluman aktiviti seperti mengetahui makna terjemahan ayat tertentu dan menghuraikan intisari ayat hafazan terpilih.<sup>50</sup>

Dalam hal ini pengkaji cenderung kepada pernyataan bahawa peringkat kefahaman makna ayat di sekolah menengah perlu di bezakan dengan peringkat kefahaman di institusi pengajain tinggi seperti penafsiran al-Qur'an yang lebih luas. Peringkat tafsir didefinisikan oleh Imam al-Zarkasy sebagai satu bidang ilmu yang diketahui dengannya kefahaman berkenaan kitab Allah SWT yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW, dan penjelasan makna-maknanya, pengeluaran hukum-hakam dan hikmahnya. Hal ini memerlukan

---

<sup>48</sup> Zulkifli Bin Yusoff (Profesor, Jabatan al-Quran al-Hadith, Akademi Pengajian Islam,Universiti Malaya) dalam temubual bersama penulis pada 27 November 2019.

<sup>49</sup> Nurul Zakirah Mat Sin, "Definisi Qawa'id Tadabbur Satu Analisis Perbandingan Dengan Qawa'id al-Tafsir"(tesis kedoktoran, Universiti Malaya, 2014). 23

<sup>50</sup> KPM, Bahagian Pendidikan Islam Maklumat Asas Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz. (2015).4

penguasaan ilmu bahasa Arab, nahu, sorof, *bayān*, usul al-fiqh, *qirā'at*, *asbāb al-nuzul* dan *al-nāsikh wa al-mansukh*.<sup>51</sup> Maka agak mustahil bagi pelajar tahfiz yang sedang bertungkus lumus menghafaz ayat al-Qur'ān dapat menguasai kefahaman al-Qur'ān pada peringkat tafsir ini. Justeru perbincangan ini akan mengenengahkan kefahaman makna ayat berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum KBT.

Bab ini akan membincangkan berkenaan kefahaman makna ayat (Fiqh Ayat). Penulisan pada bab ini akan mengenengahkan sukatan pelajaran Fiqh Ayat, dasar kurikulum kebangsaan dalam KBT sebelum menumpukan perhatian kepada pelaksanaan Fiqh Ayat KBT yang mrangkumi rancangan pengajaran, jadual waktu, kaedah pengajaran, masalah pembelajaran dan faktor yang meningkatkan tahap penguasaan Fiqh Ayat. Pada akhir bab ini akan dimuatkan perbincangan sorotan kajian yang berkaitan dengan kajian.

## **2.1 Kurikulum Kebangsaan**

Pembentukan pendidikan di Malaysia didasari dengan semangat rukun negara yang diterjemahkan dalam falsafah pendidikan kebangsaan untuk memperkembangkan potensi dan melahirkan individu yang seimbang dari seluruh aspek kemenjadian agar dapat memberikan sumbangan keharmonian dan kemakmuran negara.<sup>52</sup> Justeru kurikulum kebangsaan merealisasikan hasrat ini dengan pembentukan suatu program pendidikan kurikulum dan kokurikulum yang mencakupi seluruh pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur

---

<sup>51</sup> Badr Ad-Din az-Zarkash . "*al-Burhān fī 'Ulum al-Qur'ān*," (t.tp, t.p, 1957). 1:13

<sup>52</sup> Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

kebudayaan dan kepercayaan bagi memperkembangkan nilai individu murid dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi berdasarkan ilmu pengetahuan.<sup>53</sup>

KSSM Hifz al-Qur'ān atau KBT digubal untuk menyediakan individu muslim yang dapat memahami, mengamalkan dan menghayati Islam secara holistik melalui hafazan dan kefahaman al-Qur'ān. KBT menumpukan kepada aspek ilmu, amali, amalan, penghayatan dan pembudayaan. Aspek ilmu dalam KSSM Hifz al-Qur'ān adalah keseluruhan isi kandungan al-Qur'ān yang akan diberi tumpuan dalam aspek amali dengan hafazan dan pemahaman maksudnya. Manakala aspek amalan mengkehendaki pelajar sentiasa mengamalkan bacaan al-Qur'ān secara hafazan dan kefahaman dalam kehidupan seharian.<sup>54</sup>

Daripada kefahaman makna ayat yang diperolehi akan menghasilkan aspek penghayatan amalan serta membuahkannya dalam melaksanakan segala tuntutan dan meninggalkan segala larangan al-Qur'ān. Seterusnya aspek pembudayaan dapat dilihat melalui kesan langsung dengan menjadikan amalan bacaan dan kefahaman al-Qur'ān sebagai budaya di sekolah dan diluar sekolah. Pelajar akan dibimbing memahami, mengamal dan menghayati isi kandungan al-Qur'ān yang dihafaz. Bimbingan ini sangat perlu diberikan agar pelajar mampu membentuk jati diri muslim yang berkeupayaan membangunkan masyarakat berpandukan al-Qur'ān dan al-Sunnah.<sup>55</sup>

Bagi mencapai matlamat ini maka pengajaran dan pembelajaran Fiqh Ayat perlu dirancang dan dilaksanakan dengan sebaik mungkin mengikut panduan yang diberikan di dalam bahan dokumen kurikulum (DSKP). Dalam proses PdP pelajar juga perlu dikenal pasti

---

<sup>53</sup> Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997 [PU(A)531/97.]

<sup>54</sup> Bahagian Pembangunan Kurikulum, Dokumen Standard Kurikulum Hifz al-Qur'ān Tingkatan 1 (Kementerian Pendidikan Malaysia, Januari 2017), 1.

<sup>55</sup> *Ibid.*

tahap penguasaan Fiqh Ayat melalui pentaksiran formatif<sup>56</sup> dan sumatif<sup>57</sup> terhadap kandungan matapelajaran Hifz Al-Qur'ān khususnya bidang Fiqh Ayat iaitu penguasaan kefahaman maksud ayat al-Qur'ān yang dihafaz.

## **2.2 Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT)**

Perkembangan kurikulum tahfiz ketika ini telah melalui fasa revolusi sesuai dengan perkembangan integrasi pendidikan. Penggabungan diantara pendidikan tahfiz dan akademik telah membentuk persepsi baru terhadap pendidikan tahfiz dalam kalangan masyarakat muslim. Permintaan pendidikan tahfiz yang semakin meningkat telah mencetuskan idea dan usaha pembentukan kurikulum tahfiz yang holistik dan sesuai dilaksanakan dalam kurikulum kebangsaan. Sehubungan dengan itu, satu Jawatankuasa Kurikulum Tahfiz dengan kerjasama daripada JAKIM, KPM, pakar akademik dan guru berpengalaman telah dibentuk untuk merealisasikan penubuhan KBT. Hasilnya, Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) telah diangkat menjadi salah satu daripada kurikulum kebangsaan dan dimasukkan dalam kurikulum rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Setelah melalui beberapa proses dan siri mesyuarat rasmi kerajaan,<sup>58</sup> maka akhirnya Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) mula dilaksanakan di 3 buah sekolah kerajaan pada tahun 2014 dibawah pengelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia KPM. Pada tahun 2015 dan seterusnya pelaksanaan kurikulum ini diperluaskan lagi ke Sekolah Agama Bantuan

---

<sup>56</sup> Pentaksiran formatif dijalankan secara berterusan semasa pengajaran dan pembelajaran untuk mengesan perkembangan dan pencapaian murid dalam pembelajaran.

<sup>57</sup> Pentaksiran sumatif dilaksanakan untuk menentukan tahap penguasaan dan pencapaian murid diakhir penggal persekolahan.

<sup>58</sup> Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Pusat bil. 3/2012 pada 25 Jun 2012 , Mesyuarat Perancangan Pendidikan kali ke-200 pada 26 Julai 2012, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam Mesyuarat kali ke-54 pada 3 Disember 2012 dan Mesyuarat Jawatankuasa (Exco) Pendidikan Negeri kali ke-5 bil1/2013 pada 29 Ogos 2013.



Kerajaan (SABK) serta institusi tahfiz swasta yang terpilih. Kurikulum Bersepadu Tahfiz menumpukan pendidikan tahfiz di peringkat menengah daripada tingkatan satu hingga tingkatan 5 persekolahan.<sup>59</sup>

Melalui KBT pelajar tahfiz perlu mempelajari 2 matapelajaran Hifz Al-Qur'an dan Maharat al-Qur'an. Bagi mata pelajaran Hifz al-Qur'an terdiri daripada Hifz dan Fiqh Ayat manakala Maharat al-Qur'an yang terdiri daripada Ilmu Tajw d Adab, Qirā'āt dan Rasm. Selain itu pelajar tahfiz turut mempelajari matapelajaran akademik yang lain dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Selari dengan pendidikan integrasi tahfiz dan akademik beberapa objektif KBT telah digariskan seperti berikut :

1. Melahirkan modal insan yang menghafaz dan memahami 30 juzu' al-Qur'an.
2. Melahirkan modal insan yang boleh menjalinkan hubungan dengan Allah, sesama manusia dan dengan kejadian alam berdasarkan kepada al-Qur'an dan al-Sunnah.
3. Melahirkan modal insan yang mahir dalam bidang keagamaan dan profesional berlandaskan al-Qur'an dan al-Sunnah.
4. Melahirkan modal insan yang berupaya memberi pandangan dalam menyelesaikan masalah, memaksimumkan keupayaan berfikir serta berfikiran kreatif dan inovatif.<sup>60</sup>

Secara keseluruhan, hasrat KBT adalah untuk melahirkan modal insan yang dapat menghafaz dan memahami 30 juzu' al-Qur'an serta dapat memanfaatkan isi kandungan al-

---

<sup>59</sup> Bahagian Pembangunan Kurikulum, *Dokumen Standard Kurikulum Hifz al - Quran Tingkatan 1* (Kementerian Pendidikan Malaysia, Januari 2017) 2.

<sup>60</sup> Bahagian Pendidikan Islam. "*Maklumat Asas Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz*"(Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015), 4

Qur'an dalam meningkatkan amalan, kemahiran, akidah dan dapat memberikan sumbangan kepada negara.

Meneliti subjek kajian iaitu memahami al-Qur'ān 30 juzu' pengkaji mendapati ia terlalu umum, besar dan sukar untuk dicapai oleh pelajar peringkat menengah yang sudah sedia terbeban dengan hafazan al-Qur'an. Oleh itu satu definisi kefahaman al-Qur'ān yang lebih sesuai perlu diberi perhatian dengan meneliti Dokumen Standard Kurikulum dan Perestasi (DSKP) yang dihuraikan pada bahagian selanjutnya.

### **2.2.1 Pembelajaran Fiqh Ayat Di Malaysia**

Pembelajaran al-Qur'ān pada peringkat awal di Malaysia lebih menumpukan aspek pembacaan dengan mengenalkan sebutan huruf dan tilawah al-Qur'ān.<sup>61</sup> Setelah menguasai aspek bacaan al-Qur'ān pembelajaran al-Qur'ān ditingkatkan lagi dengan pendedahan terhadap terjemahan al-Qur'ān, pengajian tadabbur dan pengajian tafsir al-Qur'ān. Pembelajaran al-Qur'ān di Malaysia lebih dikenali dengan pengajian tahfiz dimana pelajar perlu menguasai aspek bacaan ayat hafazan al-Qur'ān daripada awal hingga akhir. Pembelajaran tahfiz di institut tahfiz di Malaysia telah bermula sejak awal lagi dan telah dilaksanakan secara rasmi bermula tahun 1963 dibawah kelolaan JAKIM. Selain itu kemunculan institut tahfiz swasta juga membantu perkembangan pendidikan tahfiz di Malaysia.

---

<sup>61</sup> Murihah, et al., "Pendidikan Tahfiz di Malaysia: Satu Sorotan Sejarah." *International Conference On Islamic Education And Social Entrepreneurship*, (2015), 1153–1157.

Walaupun demikian, pendidikan berkenaan kefahaman makna ayat kurang mendapat perhatian dalam pendidikan tahfiz<sup>62</sup> malahan istilah “Fiqh Ayat” tidak pernah digunakan. Pembelajaran kefahaman makna ayat hanya diselitkan dalam celahan pendidikan tahfiz apabila guru memberikan sedikit komentar maksud ayat yang dihafaz bagi tujuan melancarkan proses tasmik. Usaha ini juga dapat dilihat melalui aktiviti memahami makna ayat kerana sukar untuk menghafaz al-Qur’ān, bacaan terjemahan al-Qur’ān secara individu dan perkongsian kefahaman ayat bersama rakan. Pembelajaran kefahaman ayat tidak menjadi keutamaan dalam bidang hafazan kerana lazimnya pelajar lebih menumpukan perhatian dalam aktiviti menghafaz dan murajaah ayat hafazan agar benar-benar tersimpan dalam ingatan.<sup>63</sup>

Oleh kerana itu pelajar tahfiz khususnya di institut tahfiz swasta digalakkan untuk menyambung pelajaran dalam bidang A’lim atau D n yang lebih fokus menumpukan isi kandungan al-Qur’ān seperti bidang pengajian tafsir dan lain-lain. Walaupun masalah penguasaan kefahaman makna ayat ini berlaku dalam tempoh pengajian tahfiz namun sedikit sebanyak dapat diatasi dengan mengikuti pengajian tafsir dan dini setelah selesai mengkhatamkan hafazan al-Qur’ān. Dalam hal ini sedikit kerugian masa berlaku kepada pelajar tahfiz kerana tidak mengambil kesempatan memahami makna ayat ketika proses menghafaz dan murajaah al-Qur’ān dengan lebih awal.

---

<sup>62</sup> Nurain, Z. A., et al., (2017). Tahap Pengetahuan Pelajar di Madrasah Al-Musthafawiyah Littahfizil Quran Bagi Terhadap Tadabbur Al-Quran. *Jurnal Al-Turath*, 2(1), 47–53.

<sup>63</sup> Siti Nurjanah Mastor Mustafa, et al.. “Tahap Pelaksanaan Aktiviti Hafazan dalam Kalangan Guru Tahfiz Sekolah Menengah.” *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, (2020) 9-21

Justeru pembentukan Fiqh Ayat yang dimasukkan secara rasmi dalam mata pelajaran Hifz al-Qur’ān Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) dapat menjimatkan masa pembelajaran al-Qur’ān disamping dapat mengukuhkan hafazan pelajar.

### **2.2.2 Penerapan Kefahaman Makna Ayat Dalam Pendidikan Arus Perdana**

Pembelajaran kefahaman makna ayat sebenarnya bukan suatu matapelajaran baru bahkan telah ada dalam sub topik al-Qur’ān mata pelajaran pendidikan Islam sekolah rendah yang merangkumi aspek tilawah, kefahaman makna ayat dan hafazan.<sup>64</sup> Pelajar sebenarnya telah didedahkan sejak di peringkat sekolah rendah berkenaan kefahaman makna ayat pada surah lazim dengan menumpukan kepada terjemahan makna perkataan dan ayat.<sup>65</sup> Pengetahuan sedia ada ini seterusnya dikembang luaskan dalam KBT dengan memberi tumpuan yang lebih fokus pada hafazan dan kefahaman al-Qur’ān secara keseluruhan.

Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) diwujudkan berdasarkan asas Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang ingin menghasilkan modal insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelektual dan sahsiah. Sukatan pelajaran bermaksud butir-butir ringkas daripada mata pelajaran yang di laksanakan di sekolah.<sup>66</sup> Manakala sukatan pelajaran menurut KPM adalah gambaran suatu kurikulum secara menyeluruh yang mengandungi aspek huraian mata pelajaran serta

---

<sup>64</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia, “Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Islam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tahun 1,” (Bahagian Pembangunan Kurikulum, Mei 2015), 16

<sup>65</sup> Temubual bersama Ust. Mastura Ibrahim (tenaga pengajar di Sekolah Kebangsaan Tun Teja Rawang) pada 1 Februari 2021.

<sup>66</sup> Kamus Dewan Edisi Keempat, dari laman <https://prpm.dbp.gov.my/CarianBestari?mode=ext&keyword=sukatan>. diakses pada 20 Mac 2021

menerangkan matlamat yang ingin dicapai. Dasar Kurikulum Bersepadu tahfiz diambil daripada semangat Dasar Pendidikan Kebangsaan seperti berikut:

“Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz sebagai kurikulum kebangsaan adalah untuk melahirkan murid yang seimbang dan cemerlang dalam mata pelajaran berasaskan naqli dan ‘aqli bagi menyediakan generasi ulama pelapis dan cendekiawan Islam yang serba boleh pada masa akan datang.”<sup>67</sup>

“TMUA bertujuan untuk melahirkan golongan profesional, teknokrat dan usahawan hafiz yang mengamalkan ajaran Islam (mutadayyin), dan memiliki pelbagai kemahiran ilmu selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. modulnya yang tersendiri serta peruntukan jadual waktu sedia ada, di samping penggunaan tenaga guru yang khusus untuk pemulihan, bimbingan, kemahiran, pengukuhan, pengayaan dan penghayatan murid.”<sup>68</sup>

KBT pada dasarnya dibentuk bagi melahirkan modal insan yang berketerampilan, berkemahiran, seimbang duniawi dan ukhrawi serta dapat menyumbang semula kepada negara.

### **2.3 Huraian Sukatan**

Sukatan pelajaran bermaksud butir-butir ringkas daripada mata pelajaran yang diberikan di sekolah.<sup>69</sup> Sukatan pelajar mempunyai gambaran menyeluruh berkenaan kurikulum (Falsafah Pendidikan Kebangsaan), aspek berkaitan isi kandungan subjek dan hala tuju yang ingin dicapai (objektif dan matlamat). Huraian sukatan adalah suatu rancangan pembelajaran bagi

---

<sup>67</sup> Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Dasar Pendidikan Kebangsaan Edisi Keempat (Selangor: Firdaus Press Sdn Bhd, 2017). 41-42

<sup>68</sup> *ibid.*, 86

<sup>69</sup> Kamus Dewan Edisi Keempat, laman sesawang Dewan Bahasa Dan Pustaka, diakses pada 1 April 2021, <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=sukatan>.

mata pelajaran tertentu yang disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) KPM. Kandungan sukatan pelajaran merangkumi objektif, kemahiran dan pembahagian unit pembelajaran mengikut peringkat tingkatan kelas.<sup>70</sup> Huraian sukatan Fiqh Ayat atau dikenali sebagai Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP) mata pelajaran Fiqh Ayat merupakan dokumen rasmi yang menyediakan garis panduan pelaksanaan mata pelajaran Fiqh Ayat. Kandungan DSKP Fiqh Ayat meliputi Falsafah Pendidikan Kebangsaan, objektif, isi kandungan pembelajaran dan pentaksiran.

### **2.3.1 Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran (DSKP) Hifz KBT**

DSKP ialah bahan dokumen rasmi yang mengintegrasikan kurikulum dan pentaksiran yang merangkumi Standard Kandungan (SK), Standard Pembelajaran (SP) dan Standard Prestasi (SPi). DSKP memastikan guru melaksanakan proses PdP dan seterusnya menjalankan pentaksiran dengan merujuk kepada satu dokumen sahaja. Guru melaksanakan PdP melalui SK dan SP serta mentaksir perkembangan dan pencapaian murid

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Hifz Al-Qur'ān KBT merangkumi dua sub mata pelajaran Hifz al-Qur'ān dan Fiqh Ayat yang saling berkaitan. Hafazan al-Qur'ān perlu diiringi dengan kefahaman makna ayat hafazan selaras dengan objektif DSKP Hifz al-Qur'ān.<sup>71</sup> Objektif ini sejajar dengan tujuan al-Qur'ān diturunkan sepertimana firman Allah swt :

---

<sup>70</sup> Mok Soon Sang, *Pedagogi 2 Strategi Pengajaran , Pembelajaran Pengajaran Mikro Persediaan Untuk Pengajaran Praktik* (Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd, 1991), 199

<sup>71</sup> Menghafaz 30 juzuk al-Quran dengan dengan meraikan hukum tajwid dan adab menghafaz al-Quran. Mengetahui maksud 30 juzuk al-Quran dalam bahasa Melayu.

كُتِبَ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَارَكٌ لِيَدَّبَّرَ آيَاتِهِ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُوا الْأَلْبَابِ

“Terjemahan: Inilah kitab yang di turunkan kepadamu (Nabi Muhammad saw) dengan penuh keberkatan untuk difahami serta dihayati ayat-ayatnya dan dapat menjadi pengajaran kepada orang yang berakal.” (Sod 38:26)

Kenyataan ini jelas menunjukkan bahawa pendidikan tahfiz al-Qur’ān perlu seiring dengan kefahaman makna ayat agar pemeliharaan ayat hafazan dapat dipertingkatkan lebih daripada sekadar aspek lafaz bacaan semata-mata. Kewujudan elemen Fiqh Ayat dalam Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) pada hakikatnya membezakan nilai tambah KBT dengan kurikulum tahfiz sedia ada.

Pengkaji mendapati perincian objektif memahami al-Qur’ān 30 juzu’ telah difokuskan dalam DSKP dengan mengetahui maksud ayat 30 juzuk al-Qur’ān dalam bahasa melayu<sup>72</sup> dan menerangkan intisari ayat yang telah dihafaz.<sup>73</sup> Intisari bermaksud ringkasan, singkatan atau isi yang terpenting menurut kamus dewan edisi keempat.<sup>74</sup> Manakala maksud ayat adalah makna terjemahan bagi sesuatu ayat didalam al-Qur’ān. Oleh itu pelajar tahfiz perlu mempunyai kemahiran mencari dan membuat ringkasan makna yang terdapat didalam sesuatu ayat al-Qur’ān. Kemahiran

<sup>72</sup> Bahagian Pembangunan Kurikulum, Dokumen Standard Kurikulum Hifz al – Quran Tingkatan 1 (Kementerian Pendidikan Malaysia, Januari 2017), 3

<sup>73</sup> KPM, Bahagian Pendidikan Islam. Maklumat Asas Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz. (2015), 15. diakses daripada <https://www.moe.gov.my/pemberitahuan/pengumuman/surat-pemakluman-pelaksanaan-dan-maklumat-asas-bagi-kurikulum-bersepadu-dini-kbd-dan-kurikulum-bersepadu-tahfiz-kbt>

<sup>74</sup> Kamus dewan Edisi Keempat, laman sesawang Dewan Bahasa Dan Pustaka, diakses pada 29 Mac 2021, <https://prpm.dbp.gov.my/CarianBestari?mode=ext&keyword=intisari+ayat>

ini memerlukan bimbingan yang secukupnya sejak dari tingkatan 1 sehingga pelajar terbiasa dan mahir dalam menghuraikan intisari ayat yang terdapat dalam sesuatu ayat yang dihafaz.

Didalam DSKP Fiqh Ayat ada dinyatakan bahawa kefahaman yang dibentuk adalah bersifat umum sesuai dengan peringkat sekolah menengah agar pelajar mudah mengeluarkan apa sahaja isi penting yang wujud dalam ayat tersebut. Perkara ini telah dijelaskan dalam skop kajian lalu supaya pembaca tidak keliru dengan menyatakan pelajar tahfiz perlu menguasai kefahaman makna ayat layaknya seorang penafsir. Maka dapat difahami disini bahawa pelajar tahfiz perlu menguasai sekurang - kurangnya makna terjemahan setiap ayat yang dapat memberikan isi penting bagi sesuatu ayat al-Qur'ān.

### **2.3.2 Sukatan Pelajaran Fiqh Ayat KBT**

Sukatan pelajaran Fiqh Ayat KBT adalah sama dengan sukatan hafazan al-Qur'ān. Maka sukatan Fiqh Ayat akan mengikut silibus hafazan yang telah dihafaz dengan penumpuan terhadap maksud ayat yang telah di *tasmi'*. Perincian tumpuan maksud ayat adalah pelajar perlu mengeluarkan intisari ayat yang dihafaz berdasarkan buku teks Al-Qur'ān Al-Karim Dan Terjemahan KPM. Pelajar akan dibekalkan dengan buku teks terjemahan al-Qur'ān sebagai bahan bantu belajar yang mengandungi makna terjemahan ayat, tema ayat, asbāb nuzul dan panduan *waqaf ibtida'* berwarna dengan perincian sebagaimana berikut:



i. Terjemahan Al-Qur'ān

Teks Al-Qur'ān Al-Karim Dan Terjemahan KPM disediakan sebagai buku teks Fiqh Ayat bagi memudahkan pelajar memahami dan membuat rujukan. Terjemahan berasal daripada kalimah arab *tarjama*, *yutarjimu*<sup>75</sup> bermaksud memindahkan sesuatu pernyataan daripada satu bahasa kepada bahasa yang lain.<sup>76</sup> Terjemahan dari segi istilah adalah satu bentuk perhubungan bahasa daripada teks, maklumat dan makna teks asal kepada bahasa sasaran dengan memelihara padanan makna yang paling hampir.<sup>77</sup>

Berdasarkan definisi diatas maka difahami bahawa terjemahan al-Qur'ān bukan sahaja memberikan makna dari sudut bahasa bahkan menyebabkan berlaku perubahan dari sudut gaya bahasa yang sebenar. Justeru ketelitian dalam memahami al-Qur'ān melalui terjemahan al-Qur'ān memerlukan tumpuan yang tinggi serta pengetahuan asas bahasa arab agar kefahaman yang dibentuk merupakan kefahaman yang benar.

ii. Tema Ayat

Diantara kemudahan yang terdapat di dalam teks Al-Qur'ān al-Karim Dan Terjemahan KPM adalah tema ayat berbahasa melayu bagi memudahkan kefahaman pelajar. Tema-tema yang disediakan dalam al-Qur'ān terjemahan

---

<sup>75</sup> Ahmad al Abid et.al., *al-Mu'jam al-'Arabi al-Asasi. Lil-Natiqin Bi al-'Arabiyah wa-Muta'alimiha.* (Larus t.p: 1999), 196-197

<sup>76</sup> Kamus Dewan Bahasa Keempat <https://prpm.dbp.gov.my/CarianBestari?mode=ext&keyword=terjemah>. diakses pada 1Mei 2021.

<sup>77</sup> Faizan, Bahrum, and Haziyah Hussin. "Kaedah Terjemahan Nas Al-Quran Dalam Tafsir Nur Al-Ihsan." *Islmiyyat* 30.1 (2014), 33–40. *Islmiyyat*. Web.

adalah berfokus terhadap satu maksud daripada himpunan ayat-ayat yang berturutan.

Sehubungan dengan itu, pendekatan kaedah ini adalah bersifat asas bagi tafsir tematik yang mampu memandu dan memberikan fokus kefahaman dengan lebih baik. Melalui pendekatan tafsir tematik setiap masalah dan persoalan yang timbul dapat diselesaikan dengan membuat analisis bagi setiap perkaitan ayat.<sup>78</sup> Kelebihan menggunakan pendekatan ini antaranya dapat menjimatkan masa, meningkatkan kualiti kefahaman, membezakan lafaz ayat *mutashābihāt*<sup>79</sup> disamping dapat membantu memperkukuhkan ayat hafazan al-Qur'ān pelajar.

Selain itu, tema ayat juga dapat membantu pelajar memahami konteks ayat dengan lebih pantas melalui tema seperti hukum Fiqh, kisah-kisah al-Qur'ān, pengajaran ayat dan lain-lain lagi. Penerapan asas tafsir tematik ini disesuaikan dengan peringkat sekolah menengah iaitu mengaplikasikan dengan cara mengungkapkan semula tema yang terdapat didalam teks terjemahan al-Qur'ān.<sup>80</sup> Walaubagaimanapun terdapat kekurangan dengan kaedah ini apabila pelajar hanya memetik tema yang tersedia tanpa cuba meneliti setiap ayat yang terhimpun bagi tema tersebut.

---

<sup>78</sup> Sja'roni." Studi Tafsir Tematik". *Jurnal Study Islam Panca Wahana*, . 1.12 (2014) , 1–13.

<sup>79</sup> Khilmi Hidayatulloh, M.. "Konsep Dan Metode Tafsir Tematik (Studi Komparasi Antara Al-Kumi Dan Mushthofa Muslim). *Al-Bayan: Jurnal Studi Ilmu Al- Qur'an Dan Tafsir*, 3.2 (2019), 11

<sup>80</sup> Al-Qur'ān al-Karīm dengan Terjemahan. Kementerian Pendidikan Malaysia.( t.t, Telaga Biru, 2015).

iii. *Asbāb Nuz l*

*Asbāb Nuz l* atau sebab penurunan ayat al-Qur'ān penting dalam usaha memahami makna ayat dengan lebih tepat. Sebahagian ayat al-Qur'ān tidak mempunyai sebab penurunan tetapi masih diperlukan bagi menjelaskan lagi kedudukan dan pengetahuan makna ayat.<sup>81</sup> Selain makna terjemahan teks al-Qur'ān al-Kar m dengan terjemahan KPM juga turut menyediakan *asbāb nuz l* yang dipersembahkan dengan ruangan kotak berwarna coklat. Rujukan *asbāb nuz l* diambil daripada kitab *Lubābun al-Nuq l fi Asbāb al-Nuz l* bagi ayat-ayat tertentu sebagai rujukan tambahan kepada pelajar tahfiz meneliti maksud dengan lebih menyeluruh.

iv. Tanda *waqaf ibtida'*

Didalam teks Al-Qur'ān al-Kar m Dan Terjemahan KPM juga ada menyediakan tanda bacaan *waqaf ibtida'* supaya dapat memudahkan pelajar tahfiz KBT memulakan dan memberhentikan bacaan al-Qur'ān dengan tepat. Disamping itu pelajar tahfiz secara tidak langsung diajar untuk menentukan makna ayat yang telah sempurna dan sesuai diwaqafkan. Sebaliknya makna ayat yang tidak sempurna perlu diberi perhatian agar makna ayat al-Qur'ān dapat dipelihara ketika memulakan dan memberhentikan bacaan. Penjagaan *waqaf ibtida'* sangat penting dalam meningkatkan kualiti hafazan dan kefahaman makna ayat pelajar. Paparan *waqaf ibtida'* di tandakan dengan

---

<sup>81</sup> *Ibid.*

warna hijau, merah dan biru. Penerangan panduan *waqaf ibtida'* juga turut disediakan di halaman 613 Al-Qur'an al-Karim Dan Terjemahan KPM.

Sukatan Fiqh ayat KBT merangkumi kefahaman isi kandungan ayat hafazan yang disusun bermula dari tingkatan satu hingga tingkatan lima berpandukan rancangan pembahagian juzuk mengikut aras tingkatan. Pelajar tingkatan 1 perlu menyelesaikan Fiqh Ayat sebanyak 6 juzuk dimulakan dengan juzuk 30, 1, 2, 3, 4 dan 5 dalam tempoh setahun pengajian. Seterusnya pelajar di tingkatan 2 perlu menyelesaikan 7 juzuk Fiqh Ayat daripada juzuk 6 sehingga juzuk 12, tingkatan 3 daripada juzuk 13 hingga juzuk 18.

Manakala peringkat menengah atas di tingkatan 4, pelajar perlu menyelesaikan 7 juzuk bermula daripada juzuk 19 hingga juzuk 25. Seterusnya baki 4 juzuk daripada juzuk 26 sehingga juzuk 29 perlu diselesaikan di tingkatan 5. Pelajar di berikan masa yang cukup untuk mengulangkaji Fiqh Ayat setelah selesai menghabiskan silibus 4 juzuk sehingga juzuk 29 (khatam) sebelum menghadapi peperiksaan SPM. Secara purata pelajar perlu memahami maksud ayat setiap hari 1 muka surat al-Qur'an pada hari persekolahan mengikut jumlah bilangan muka surat yang dihafaz.

Sukatan Fiqh Ayat dapat dilihat secara menyeluruh berpandukan jadual 2.1. berikut :

Jadual 2.1. Sukatan Fiqh Ayat mengikut tingkatan di MITTIS.

Tingkatan	Isi Kandungan Fiqh Ayat	Ukuran Pembelajaran
Jumlah Juzu'	Mengetahui makna ayat surah berikut :	
1 6 juzu': 30,1,2,3,4, 5	Surah <i>al-Nabā'</i> hingga surah <i>al-Nās</i> Surah <i>al-Fātiḥah</i> , <i>al-Baqarah</i> , <i>Āli 'Imrān</i> , <i>al-Nisā'</i> daripada ayat 1 sehingga ayat 147.	
2 7 juzu': 6,7,8,9,10, 11,12	Surah <i>al-Nisa'</i> ayat 148 - 186 , surah <i>al-Māi'dah</i> , <i>al-An'ām</i> , <i>al-A'rāf</i> , <i>al-Anfāl</i> , <i>Al-Taubah</i> , <i>Y nus</i> , <i>H d</i> , ayat 1 hingga 52 surah <i>Y suf</i>	
3 6 juzu': 13,14,15,16, 17, 18	Surah <i>Y suf</i> ayat 53 – 111, <i>al-Ra'du</i> , <i>Ibrāh m</i> , <i>al-Ḥijr</i> , <i>al-Naḥlu</i> , <i>al-Isrā'</i> . <i>Al-Kahfu</i> , <i>Maryam</i> , <i>Ṭāhā</i> , <i>al-Anbiyā'</i> , <i>al-Ḥajju</i> , <i>al-Mu'min n</i> , <i>al-N r</i> , ayat 1 hingga 20 surah <i>al-Furqān</i>	Menyebut makna ayat surah-surah berikut dalam bahasa Melayu
4 7 juzu': 19,20,21,22, 23,24.25	Surah <i>al-Furqān</i> ayat 21- 55, <i>al-Shuarā'</i> , <i>al-Namlu</i> , <i>al-Qaṣaṣ</i> , <i>al-'Ankab t</i> , <i>al-R m</i> , <i>Luqmān</i> , <i>al-Sajadah</i> , <i>al-Sabā'</i> , <i>Fāṭir</i> , <i>Yās n</i> , <i>al-Ṣ ffat</i> , <i>Ṣ d</i> , <i>al-Zumar</i> , <i>Ghāfir</i> , <i>Fuṣṣilat</i> , <i>al-Sh rā</i> , <i>al-Zukhr f</i> , <i>al-Dukhān</i> , <i>al-Jāthiah</i> .	
5 4 juzu': 26,27,28,29	Surah <i>al-Aḥqāf</i> , <i>Muhammad</i> , <i>al-Faṭḥu</i> , <i>al-Ḥujurāt</i> , <i>Qāf</i> , <i>al-Dhāriyāt</i> , <i>al-Ṭ r</i> , <i>al-Najmu</i> , <i>al-Qamar</i> , <i>al-Raḥmān</i> , <i>al-Wāqī`ah</i> , <i>al-Ḥad d</i> , <i>al-Mujādilah</i> , <i>al-Hashru</i> , <i>al-Mumtaḥanah</i> , <i>al-Ṣaff</i> , <i>al-Jumu`ah</i> , <i>al-Munāfiq n</i> , <i>al-Taghābun</i> , <i>al-Ṭalāq</i> , <i>al-Taḥr m</i> sehingga <i>al-Mursalāt</i>	

Sumber : Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP) Hifz al-Qur'ān Kurikulum Bersepadu Tahfiz.

### 2.3.3 Rancangan Pengajaran Fiqh Ayat MITTIS

Rancangan Pengajaran Tahunan adalah perancangan yang wajib disediakan oleh guru bagi melancarkan pelaksanaan pembelajaran secara bersistematik berpandukan DSKP yang disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Keseragaman kurikulum ini perlu bagi menyediakan standard pembelajaran Fiqh Ayat kepada semua sekolah KBT. Aktiviti pembelajaran penuh guru dan pelajar perlu bersesuaian dengan 42 minggu persekolahan dengan mengambil kira takwim tahunan sekolah serta tidak termasuk cuti persekolahan yang telah ditetapkan.<sup>82</sup>

Walaupun bagaimanapun pihak Jabatan Al-Qur'an MITTIS telah membuat sedikit pengubahsuaian sukatan Fiqh Ayat yang disesuaikan dengan sukatan Hifz Al-Qur'an. Dasar yang diambil pihak MITTIS adalah menyelesaikan silibus pembelajaran Fiqh Ayat dan hafazan lebih awal agar lebih banyak masa dapat diperuntukkan untuk mengulangkaji Fiqh Ayat di tingkatan lima. Perancangan pengajaran tahunan bagi setiap tingkatan boleh diperincikan sebagai berikut :

1. Pembelajaran Fiqh Ayat berlaku setiap hari persekolahan dengan menghuraikan intisari ayat hafazan bagi setiap muka surat yang di *tasmik* dihadapan guru.
2. Pembahagian dan penyusunan muka surat Fiqh Ayat adalah mengikut susunan ayat hafazan dalam silibus setiap tingkatan.

---

<sup>82</sup> Rujuk Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/1990 : Sukatan Pelajaran dan Peruntukan Masa Untuk Mata-Mata Pelajaran Program Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) Bagi Sekolah Menengah Atas Mulai Tahun 1992.

3. Tingkatan 1 dan 3 akan menyelesaikan silibus 7 juzu' Fiqh Ayat, Manakala tingkatan 2 dan 4 pula perlu menyelesaikan 8 juzu' Fiqh Ayat. Sementara tingkatan 5 akan dikhususkan untuk membuat ulangkaji sebelum menduduki peperiksaan SPM.
4. Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT) Fiqh Ayat akan disediakan sebelum awal penggal persekolahan. Seterusnya pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Fiqh Ayat akan berlangsung sepanjang tahun dan diakhiri dengan peperiksaan sumatif diakhir setiap penggal persekolahan.

Berikut ringkasan jadual Rancangan Pengajaran Tahunan Fiqh Ayat MITTIS bagi setiap tingkatan mengikut pembahagian penggal dan minggu persekolahan.

Jadual 2.2. Rancangan Pengajaran Tahunan MITTIS 2021

Penggal / minggu	Tingkatan 1	Tingkatan 2	Tingkatan 3	Tingkatan 4	Tingkatan 5
Penggal 1 Minggu 1- 18	Surah <i>al-Naba'</i> muka surat 582 hingga surah <i>Al-Nas</i> 604. Surah <i>Āli 'Imran</i> sehingga muka surat 70	Surah <i>Al-Māi'dah</i> muka surat 122 sehingga surah <i>Al-Taubah</i> muka surat 93	Surah <i>Al-Isra'</i> muka surat 282 sehingga surah <i>Al-Mukminun</i> muka surat 349	Surah <i>Al-Ahzab</i> muka surat 421 sehingga surah <i>Al-Ahqāf</i> muka surat 5	Ulangkaji
Penggal 2 Minggu 19- 42	Surah <i>Al-Baqarah</i> muka surat 37 sehingga surah <i>Al-Māi'dah</i> muka surat 121	Surah <i>al-A'raf</i> muka surat 177 sehingga surah <i>Al-Nahlu</i> muka surat 281	Surah <i>Maryam</i> 310 sehingga surah <i>Al-Ahzab</i> 421	Surah <i>Al-Ahqāf</i> muka surat 5 sehingga surah <i>al-Mursalāt</i> 581	Ulangkaji

Sumber : Jabatan Al-Qur'an MITTIS.

Disamping RPT penyediaan rancangan pengajaran harian (RPH) juga perlu ada sebagai dokumen perancangan gerak kerja pengajaran dan pembelajaran Fiqh Ayat. Perancangan

yang telah dibuat perlu disemak dan disahkan oleh Pentadbir Kurikulum sekolah bagi memastikan objektif pembelajaran dapat dicapai.

#### **2.4 Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran (Pdp) Fiqh Ayat Di MITTIS**

Pelaksanaan pembelajaran suatu mata pelajaran sudah pasti berkait rapat dengan kurikulum, guru, pelajar dan persekitaran. Kaedah bermaksud cara atau aturan membuat sesuatu<sup>83</sup> urusan. Kaedah juga merujuk kepada satu siri tindakan yang sistematik yang bertujuan untuk mencapai objektif pelajaran dengan langkah dan penyampaian yang tersusun.<sup>84</sup> Manakala pengajaran dan pembelajaran adalah aktiviti yang utama dalam pendidikan bagi memenuhi pelaksanaan pembelajaran Fiqh Ayat khususnya.

Pelaksanaan pembelajaran Fiqh Ayat sudah pasti berkait rapat dengan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang baik mampu meningkatkan kualiti ilmu pengetahuan dan kemahiran pelajar. Justeru perancangan yang teliti perlu diberi perhatian dalam pembinaan RPT dan RPH agar pelajar dapat mempelajari pelajaran dengan sempurna.

Bab ini akan membincangkan pelaksanaan pembelajaran Fiqh Ayat dari dua sudut iaitu pengajaran guru dan pembelajaran murid. Perbincangan pertama akan menumpukan kepada kaedah pengajaran guru yang merangkumi tiga langkah asas yang penting<sup>85</sup> dan

---

<sup>83</sup> Kamus Dewan Edisi Keempat, laman sesawang Dewan Bahasa Dan Pustaka, diakses 8 Jun 2021, <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=kaedah>

<sup>84</sup> Kamarul Azmi Jasmi dan Mohd Adri Che Noh, "Sejarah, Kaedah, serta Model Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran" ( Bengkel Pemulihan dan Pengayaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) alQuran SRA, 2013), 1-17.

<sup>85</sup> Anthony Haynes, *The Complete Guide To Lesson Planning And Preparation* (New York, Continuum International Publishing Group, 2010 ), 2.



pembelajaran Fiqh Ayat yang diamalkan di MITTIS Sabak Bernam. Perbincangan kedua pula akan menumpukan kepada pembelajaran pelajar. Pada perbincangan kedua pengkaji akan memuatkan dapatan soal selidik berkenaan pembelajaran pelajar MITTIS serta prosedur kajian secara ringkas. Dapatan kajian ini turut diperkukuhkan dengan dapatan temubual dan pemerhatian pengkaji terhadap pembelajaran Fiqh Ayat di MITTIS.

#### **2.4.1 Pengajaran Kelas Fiqh Ayat**

Pada umumnya pengajaran adalah segala yang berkaitan dengan peranan guru yang melaksanakan aktiviti merancang, melaksana dan menilai tugas mengajar. Keberkesanan pengajaran adalah Pengaruh guru dalam menerjemahkan pelaksanaan pengajaran yang bermakna kepada pelajar serta mampu memberikan suasana pengajaran yang menarik dapat menghasilkan pengajaran yang berkesan.<sup>86</sup>

##### **i) Definisi**

Pengajaran adalah komunikasi pembelajaran yang melibatkan proses pemikiran diantara guru dan pelajar dengan menggunakan pelbagai mekanisma seperti ceramah, aktiviti, tugas dan sebagainya. Pengajaran perlu dirancang dengan baik bagi memberikan hasil yang relatif terhadap perkembangan intelektual, emosi dan rohani pelajar melalui pendekatan yang pelbagai.

---

<sup>86</sup> Bahagian Pembangunan Kurikulum, "Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran Hifz al-Quran Tingkatan 1" (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017), 8.

Perancangan pengajaran yang sistematik perlu mengambil kira kesesuaian isi kandungan (ilmu atau kemahiran) yang ingin dicapai dengan kepelbagaian tahap kecerdasan pelajar. Justeru penguasaan isi kandungan pengajaran perlu difahami dengan baik agar penyampaian pengetahuan dapat dilaksanakan secara sistematik dan objektif yang dihasratkan dapat dicapai.

Keberhasilan suatu pengajaran adalah dipengaruhi oleh faktor guru, pelajar dan kaedah pengajaran yang sesuai digunakan. Oleh itu pelbagai pendekatan pengajaran sama ada berpusatkan guru, berpusatkan murid dan berpusatkan sumber (kaedah pengajaran) perlu diaplikasikan kerana proses pengajaran akan melibatkan pelajar, guru, kandungan, kaedah, tujuan, hasil dan penilaian.

Pembelajaran bermaksud proses kegiatan belajar melalui proses memperoleh ilmu pengetahuan atau kemahiran<sup>87</sup>. Pembelajaran boleh berlaku dengan apa sahaja keadaan sama ada secara rasmi di sekolah atau secara tidak rasmi melalui pengalaman, maklumat internet dan sebagainya. Pembelajaran secara asasnya mempunyai teori dan mazhab pembelajaran utama iaitu behavioris, kognitif, sosial dan humanis. Perbincangan pembelajaran sebenarnya terlalu luas kerana aktiviti pembelajaran tidak terbatas kepada guru dan pelajar bahkan setiap individu sentiasa boleh mempelajari sesuatu dengan menzahirkan tingkahlaku yang dibuat.

---

<sup>87</sup> Kamus Dewan Edisi Keempat, laman sesawang Dewan Bahasa Dan Pustaka, diakses pada 12 April 2021, <https://prpm.dbp.gov.my/CarianBestari?mode=ext&keyword=pembelajaran>

## **ii) Waktu Pengajaran Fiqh Ayat**

Waktu pengajaran dan pembelajaran Fiqh Ayat adalah pada hari khamis atau hari jumaat mengikut hari cuti minggu kumpulan negeri. Waktu rasmi pembelajaran Fiqh Ayat adalah mengambil masa waktu pembelajaran Hifz al-Qur'an selama tempoh 60 minit atau ringkasnya satu jam bagi tempoh seminggu pembelajaran menurut panduan yang disediakan oleh Bahagian Pendidikan Islam, KPM.<sup>88</sup> Ini menjelaskan bahawa komponen Fiqh Ayat adalah sebahagian daripada hafazan al-Qur'an itu sendiri. Pembelajaran Fiqh Ayat perlu dilaksanakan mengikut kesesuaian masa yang telah ditetapkan dengan mengambil kira tempoh masa yang telah diperuntukkan untuk pelaksanaan hafazan dan murajaah al-Qur'an.

## **iii) Pelaksanaan**

Pembelajaran Fiqh Ayat ketika ini lebih tertumpu kepada pendekatan pembelajaran berorientasikan pelajar. Oleh itu pelajar akan berusaha membaca, memahami dan menghayati Fiqh Ayat disamping aktiviti hafazan al-Qur'an. Aktiviti pembelajaran Fiqh Ayat yang dicadangkan KPM adalah pelajar perlu menghuraikan intisari ayat hafazan pada setiap hari akhir minggu persekolahan secara individu bagi silibus 4 muka surat ayat hafazan mingguan. Setiap pelajar akan membentangkan kefahaman makna ayat hafazan yang difahami dihadapan guru. Semenatara guru akan mendengar, menyemak dan merekod kefahaman makna ayat pelajar dan

---

<sup>88</sup> Bahagian Pendidikan Islam, "Maklumat Asas Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz", (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015), 5.

bertanggungjawab membetulkan kesalahan Fiqh Ayat pelajar. Perincian selanjutnya akan dibentangkan pada penulisan berikut.

## **2.5 Pelaksanaan Pembelajaran Fiqh Ayat Di MITTIS Sabak Bernam**

Pembelajaran Fiqh Ayat di MITTIS secara keseluruhan mengikut garis panduan yang telah diberikan oleh Bahagian Pendidikan Islam KPM. Sekolah ini juga berusaha menggunakan KBT dan KSSM sepenuhnya bagi menarik perhatian ibu bapa menghantar anak mereka yang tidak berpeluang mengikuti pembelajaran di sekolah kerajaan dapat belajar di MITTIS yang menawarkan KBT. Seramai 8 orang guru al-Qur'ān telah disediakan MITTIS dengan nisbah purata 1 guru mendidik 15 hingga 20 orang pelajar. Pelajar lelaki dan perempuan dipisahkan dalam pembelajaran Hifz al-Qur'ān dan Fiqh Ayat tetapi digabungkan dalam mata pelajaran akademik.<sup>89</sup> Bidang Fiqh Ayat dalam pembelajaran al-Qur'ān diletakkan seiring dengan hafazan al-Qur'an di MITTIS kerana al-Qur'ān bukan hanya di baca dan dihafaz bahkan yang lebih penting adalah kefahaman al-Qur'ān yang membuahkan amalan yang selari dengan kehendak al-Qur'ān .

### **2.5.1 Peruntukan Jadual Waktu Fiqh Ayat**

Jadual waktu Fiqh Ayat yang diperuntukkan oleh KPM adalah pada hari khamis atau jumaat<sup>90</sup> pada setiap hari akhir minggu persekolahan. Peruntukan masa yang diberikan adalah selama 60 minit atau satu jam (jam 8.30 pagi -9.30 pagi) yang diambil daripada jadual waktu rasmi mata pelajaran hifz al-Qur'ān iaitu pada jam

---

<sup>89</sup> Wan Habibah binti Wan Hussin (Pengarah, Jabatan Quran MITTIS Sabak Bernam) . dalam temubual dengan penulis , 4 Februari 2021.

<sup>90</sup> Mengikut hari cuti mingguan bagi kumpulan negeri A atau B.

6.30 pagi hingga 9.30 pagi.<sup>91</sup> Peruntukan masa ini penting dalam proses PdP bagi menyelesaikan silibus 4 muka surat Fiqh Ayat seiring dengan ayat hafazan mingguan pelajar.<sup>92</sup>

### **2.5.2 Perubahan Waktu Pelaksanaan Fiqh Ayat MITTIS**

Menghuraikan 4 muka surat intisari ayat sekaligus sangat membebankan guru dan pelajar. Selain itu peruntukan masa untuk murajaah hafazan pada hari jumaat terpaksa dikurangkan bagi memberi laluan kepada Fiqh Ayat. Ini menimbulkan sedikit kebimbangan guru dalam pemeliharaan hafazan pelajar yang sepatutnya melebihi waktu murajaah hafazan. Oleh kerana itu, para tenaga pengajar al-Qur'an MITTIS mengubah waktu pembelajaran Fiqh Ayat daripada hari jumaat kepada setiap hari selepas selesai sesi tasmik hafazan. Dengan ketetapan ini, pelajar perlu bersedia untuk tasmik dan mengeluarkan intisari ayat (Fiqh Ayat) secara serentak.

## **2.6 Kaedah Pengajaran Guru MITTIS Sabak Bernam**

Kaedah pengajaran merujuk kepada suatu siri aktiviti sistematik yang dirancang untuk mencapai matlamat pembelajaran dalam jangka masa yang ditentukan.<sup>93</sup> Hasan Langgulung menyatakan bahawa kaedah itu sebenarnya bermaksud jalan untuk mencapai tujuan<sup>94</sup> melalui

---

<sup>91</sup> Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 1 Tahun 2016, "Pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab di sekolah menengah Kementerian Pendidikan Malaysia", (Kementerian Pendidikan Malaysia, KP/KPPM/6, 15 Januari 2016)

<sup>92</sup> Bahagian Pendidikan Islam. "Maklumat Asas Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz", (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015), 6

<sup>93</sup> Mok Soon Sang. *Pedagogi 2 Strategi Pengajaran Pembelajaran Pengajaran Mikro Persediaan Untuk Pengajaran Praktik*, cet.ke-2, (Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn Bhd 1991), 2.

<sup>94</sup> Hasan Langgulung, *Beberapa tinjauan dalam pendidikan Islam*.(Kuala Lumpur: Pustaka Antara.1981), 34

perancangan yang teratur. Menurut Ragbir kaedah pengajaran perlu ditentukan setelah mengetahui strategi pengajaran yang sesuai digunakan.<sup>95</sup> Berdasarkan pernyataan diatas dapat difahami bahawa kaedah pengajaran Fiqh Ayat merupakan perancangan aktiviti pembelajaran Fiqh Ayat yang disusun untuk mencapai objektif penguasaan makna dan intisari ayat al-Qur’ān dalam suatu tempoh pembelajaran yang telah ditentukan.

Oleh itu pelbagai kaedah pengajaran bagi mata pelajaran Fiqh Ayat boleh digunakan sesuai dengan isi kandungan, kepelbagaian tahap pelajar dan bahan bantu belajar<sup>96</sup> seperti kaedah bercerita, penyoalan, perbincangan, penghuraian dan sebagainya. Hal ini berikutan kebiasaan aktiviti Fiqh Ayat sedia ada hanya menumpukan kepada satu kaedah iaitu pelajar perlu menghuraikan makna ayat al-Qur’ān berdasarkan kefahaman makna ayat yang telah dihafaz. Sedangkan ada banyak lagi kaedah pengajaran yang boleh dilaksanakan bagi mencapai objektif mengetahui makna ayat al-Qur’ān dengan bahasa melayu.<sup>97</sup>

### **2.6.1 Penyediaan Rancangan Pengajaran**

Dalam perbincangan yang lepas pengkaji telah mengemukakan Dokumen Standard Kurikulum Prestasi (DSKP) yang menjadi tunjang pembelajaran. Pengetahuan dan penguasaan guru terhadap DSKP sangat membantu melancarkan proses pembelajaran yang dimulakan fasa persediaan dengan membina Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT) dan fasa pra pelaksanaan dalam Rancangan Pengajaran Harian (RPH).

---

<sup>95</sup> Ragbir Kaur Joginder Singh, *Panduan Ilmu Pendidikan Untuk DPLI Pedagogi*. (Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn Bhd,2013).70.

<sup>96</sup> Abdul Sukor Shaari, *Guru Berkesan: Petua dan Panduan* (Kedah: UUM Press, 2008 ), 7.

<sup>97</sup> Shahabuddin Hashim et al., *Pedagogi: strategi dan teknik mengajar dengan berkesan* (PTS Proffesional , t.tp., 2007), 36.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi dari temubual Pengarah, Jabatan al-Qur'an MITTIS, RPT telah dibentuk oleh guru secara seragam mengikut tingkatan kelas berdasarkan panduan DSKP.<sup>98</sup>

Dengan adanya RPT guru dapat melaksanakan aktiviti pengajaran mengikut sukatan pelajaran secara bersistematik dan berperingkat. Melalui penyediaan RPT, guru al-Qur'an di MITTIS dapat membuat persediaan dan penafsiran sukatan pelajaran Fiqh Ayat lebih awal sebelum memilih kemahiran dan isi kandungan pelajaran yang akan disusun dalam sesi pembelajaran. Selain itu, guru dapat menentukan strategi dan kaedah pengajaran yang sesuai dengan isi kandungan pelajaran (Fiqh Ayat). Melalui RPT juga, penyediaan bahan bantu belajar dapat disediakan oleh guru mengikut sukatan pembelajaran yang telah dijadualkan.<sup>99</sup>

### **2.6.2 Persediaan Dan Pelaksanaan Guru**

Proses pengajaran guru memerlukan proses persediaan yang rapi agar pengajaran yang diberikan memberikan kesan bermakna kepada pelajar dengan melihat dari aspek perancangan, penyampaian dan penilaian<sup>100</sup> Dalam pelaksanaan PdP Fiqh Ayat, guru perlu membuat persediaan dengan mengkaji dan mengetahui isi kandungan Fiqh Ayat yang telah ditentukan. Dengan kata lain, segala konsep dan kemahiran yang sepatutnya disampaikan perlu dikuasai guru. Bahan bantu belajar juga turut disediakan bagi memudahkan pelajar menguasai Fiqh Ayat seperti al-Qur'an

---

<sup>98</sup> Wan Habibah binti Wan Hussin (Pengarah, Jabatan Quran MITTIS Sabak Bernam), dalam temubual bersama penulis, 20 Februari 2021.

<sup>99</sup> Mok Soon Sang, *Pedagogi 2 Strategi Pengajaran Pembelajaran Pengajaran Mikro Persediaan Untuk Pengajaran Praktik*, cet.ke-2, (Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd, 1991), 202.

<sup>100</sup> Esah Sulaiman, *Pengenalan Pedagogi* (Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2004), 33.

terjemahan, tafsir al-Qur'ān, lembaran huraian kefahaman dan sebagainya. Peruntukan masa bagi setiap aktiviti juga perlu diuruskan dengan baik agar penyampaian pembelajaran boleh menjamin penglibatan murid secara aktif.

Justeru keutamaan guru dalam menyediakan program lanjutan Fiqh Ayat perlu dilaksanakan melalui penilaian,<sup>101</sup> pentaksiran<sup>102</sup> dan aktiviti sokongan di luar bilik darjah.

a. Penilaian

Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KSSM) Hifz Al-Qur'ān dibentuk untuk membolehkan pelajar memperolehi ilmu dan kemahiran al-Qur'ān yang *shumul*. Sistem penilaian KSSM Hifz Al-Qur'ān juga turut diberikan keutamaan dengan menggunakan pendekatan holistik bagi menentukan perkembangan menyeluruh terhadap pelajar tahfiz. Tujuan diadakan penilaian adalah untuk mengesan perkembangan keseluruhan pelajar. Tahapan penguasaan pelajar penting bagi guru menilai keberkesanan pengajaran guru serta menambahbaik aktiviti pengajaran.<sup>103</sup> Justeru penilaian perlu dilaksanakan secara formatif dan sumatif.

---

<sup>101</sup> Penilaian ialah proses mendapatkan maklumat tentang sesuatu diikuti dengan proses memberi nilai atau interpretasi kepada maklumat itu.

<sup>102</sup> Pentaksiran ialah integrasi proses mengumpul maklumat, menginterpretasi maklumat dan membuat keputusan berdasarkan interpretasi yang dibuat ke atas maklumat.

<sup>103</sup> Ragbir Kaur Joginder Singh, *Panduan Ilmu Pendidikan Untuk DPLI Pedagogi*. (Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn Bhd,2013), 216.



Penilaian formatif adalah penilaian yang dilaksanakan sejajar dengan pelaksanaan Penilaian Bilik Darjah (PBD)<sup>104</sup> yang dilaksanakan sejurus selepas sesi PdP. Tahap penguasaan akan direkodkan secara terkumpul berdasarkan tahap band penguasaan dan sikap pelajar dalam matapelajaran Fiqh Ayat. Manakala penilaian sumatif dilaksanakan untuk menilai penguasaan pembelajaran pelajar diakhir setiap penggal persekolahan. Penilaian Sumatif di MITTIS diadakan 2 kali setahun dalam peperiksaan pertengahan tahun dan peperiksaan akhir tahun.

b. Aktiviti Luar Bilik Darjah

Pengukuhan Fiqh Ayat pelajar MITTIS bergantung kepada inisiatif tenaga pengajar yang telah dijadualkan memberikan tazkirah tafaqquh seminggu sekali. Program tafaqquh ini dilaksanakan pada setiap malam jumaat selepas solat maghrib yang membincangkan kupasan Fiqh Ayat dari sudut tafsir, ayat hukum, asbāb nuzul, kisah al-Qur'ān dan sebagainya.<sup>105</sup>

## 2.7 Kaedah Pembelajaran Pelajar MITTIS Sabak Bernam

Pembelajaran secara dasarnya membawa maksud perubahan tingkah laku melalui pengetahuan yang diperolehi hasil daripada proses pembelajaran.<sup>106</sup> Skop pembelajaran

---

<sup>104</sup> Bahagian Pembangunan Kurikulum, "Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah". (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018), 65.

<sup>105</sup> Najmuddin bin Mohd Sapie, (Guru Al-Qur'ān, MITTIS Sabak Bernam), dalam temubual dengan penulis, 5 Mei 2021.

<sup>106</sup> Ahmad Johari Sihes, "Konsep Pembelajaran", t.p ,t.t , diakses dari <https://core.ac.uk/download/pdf/11785735.pdf>.

adalah luas kerana tidak terhad kepada masa, aktiviti, bahan bantu bahkan ia boleh berlaku pada bila-bila masa yang difikirkan perlu oleh pelajar. Berdasarkan pernyataan sebelum kaedah pembelajaran difahami sebagai bentuk usaha memperolehi ilmu pengetahuan atau kemahiran atau apa sahaja yang menyebabkan perubahan tingkah laku serta cara berfikir melalui kaedah pembelajaran yg sesuai digunakan.<sup>107</sup>

Kaedah pembelajaran Fiqh Ayat yang baik akan mengambil kira kesesuaian isi kandungan, tempoh masa dan objektif pembelajaran. Pencapaian yang ingin dicapai seharusnya disusun dengan baik oleh pelajar dengan menggunakan kaedah yang lebih hampir mencapai objektif serta telah diperakui kesahan melalui bimbingan guru. Walaubagaimanapun pengkaji mengakui kepelbagaian kecerdasan pelajar mempengaruhi kaedah pembelajaran. Umumnya kaedah berdasarkan VARK<sup>108</sup> digunakan oleh pelajar. Pelajar dikesan mampu mencapai objektif pembelajaran dengan kecenderungan menggunakan gabungan lebih kaedah kepelbagaian kemahiran (VARK).<sup>109</sup>

Pelajar MITTIS telah sedia maklum berkenaan objektif pembelajaran yang perlu dicapai menerusi penerangan guru namun pelajar sendiri perlu berusaha menggunakan kaedah pembelajaran yang sesuai untuk mereka. Daya pembelajaran Fiqh Ayat pelajar MITTIS terhasil daripada kesedaran memahami objektif KBT disamping pengetahuan

---

<sup>107</sup> TP 1

<sup>108</sup> Kemahiran Visual, Audio, Read/Write, Kinestetik

<sup>109</sup> Ahmad Bazli, Ahmad Hilmi et al. "Pembinaan Modul Pendidikan Al-Quran Untuk Pelajar Pintar Berbakat: Pendekatan Di Kolej Permata Insan." *International Journal of Islamic Studies* 5.2 (2017), 20–31.

tentang kepentingan Fiqh Ayat yang dapat memudahkan proses hafazan ayat al-Qur'an sepertimana yang dinyatakan oleh informan P3.<sup>110</sup>

## 2.8 Kepentingan Pelaksanaan Fiqh Ayat Yang Berkesan

Pelaksanaan Fiqh Ayat yang berkesan adalah merangkumi segala proses, input dan output mata pelajaran Fiqh Ayat. Fiqh Ayat yang berkesan sangat penting kerana sebab berikut:

### a. Perintah Tadabbur Al-Qur'an

Al-Qur'an adalah merupakan sumber ilmu pengetahuan yang menjadi sandaran asas perundangan umat Islam. Mengambil perhatian al-Qur'an hanya dengan membaca dan menghafaz sahaja tidak cukup untuk seseorang individu mendapatkan manfaat daripada isi kandungan al-Qur'an. Allah swt memerintahkan hambaNya memahami, mengkaji dan mentadabbur al-Qur'an agar dapat memandu manusia ke jalan yang diređai Allah swt berdasarkan firman Allah swt dan hadith nabi saw.

كُنْتُ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَارَكًا لِيَدَّبَّرَ آيَاتِهِ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُوا الْأَلْبَابِ

“Terjemahan: Inilah kitab yang di turunkan kepadamu (Nabi Muhammad saw) dengan penuh keberkatan untuk difahami serta dihayati ayat-ayatnya dan dapat menjadi pengajaran kepada orang yang berakal.” (Sod 38:26)

Oleh itu umat Islam perlu menjalankan amanah memahami dan mentadabbur al-Qur'an, lebih-lebih lagi pelajar dalam bidang agama terutamanya tahfiz kerana

---

<sup>110</sup> P3 “Persediaan sebelum hafal saya tengok makna bermula tingkatan 3. Rasa macam rugi tidak tahu makna..”

mereka bakal menjadi sebahagian daripada sumber rujukan masyarakat kelak. Justeru pelajar tahfiz KBT bukan sahaja perlu menguasai hafazan malahan perlu berusaha memahami makna ayat al-Qur'ān dengan bersungguh-sungguh sebelum masuk ke dalam dunia sebenar.

#### b. Teori *Al-Qab s*

Tujuan pendidikan al-Qur'ān itu adalah untuk mendapatkan iman dan takwa kepada Allah swt. Menurut *al-Qab s* pelajar tahfiz perlu memenuhi 3 syarat pencapaian tahfiz iaitu hafazan, kesedaran( kefahaman ) dan kemampuan membaca semula ayat hafazan (kesan daripada kefahaman dan hafazan).<sup>111</sup> Pemenuhan syarat yang diperkenalkan oleh *Al-Qab s* ini pada hakikatnya adalah sangat berkaitan. Kemampuan mengingat ayat hafazan al-Qur'ān sebenarnya dapat ditingkatkan dengan kefahaman makna ayat yang baik. Pendedahan Fiqh Ayat secara berterusan mampu melebutkan hati pelajar untuk menerima hidayah Allah swt sekaligus dapat meningkatkan keimanan kepada Allah swt. Oleh itu dapat difahami bahawa Fiqh Ayat sangat penting dalam meningkatkan keimanan dan keupayaan hafazan pelajar.

#### c. Objektif KBT

Objektif KBT adalah untuk melahirkan pelajar yang menguasai hafazan dan kefahaman al-Qur'an 30 juzuk.<sup>112</sup> Objektif ini menunjukkan bahawa pihak kerajaan melalui KPM telah berusaha mengintegrasikan hafazan dan kefahaman al-Qur'an

---

<sup>111</sup> Abu Hasan Ali Al-Qabisi.. *Al-Mufasssal Li Al-Aḥwal Al-Mutha' Alaimin Wa Ahkām Al-Mua'llimm n Wa Al-Muta'allim n.* (Syarikah Al-Tunisiah Li al-Tauzi',1986), 126

<sup>112</sup> Bahagian Pembangunan Kurikulum. Kurikulum Standard Sekolah Menengah Hifz AlQuran.Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran Tingkatan 3 (Disember 2018), 2.

secara seimbang. Usaha penggabungan ini dapat menambahbaik kurikulum tahfiz sedia ada agar kemenjadian pelajar tahfiz menjadi lebih berketerampilan. Oleh itu, penguasaan hafazan tanpa penguasaan Fiqh Ayat belum dikatakan mencapai objektif tersebut. Justeru objektif KBT ini menyasarkan pelajar dapat memanfaatkan penguasaan Fiqh Ayat bagi membantu proses hafazan menjadi lebih baik. Maka dapat difahami bahawa Fiqh Ayat dan hafazan saling berkaitan diantara satu sama lain.

## **2.9 Faktor Peningkatan Penguasaan Fiqh Ayat**

Pada bahagian ini pengkaji mencadangkan beberapa penyelesaian terhadap masalah penguasaan Fiqh Ayat pelajar. Keberkesanan dari aspek penguasaan Fiqh Ayat boleh dicapai dengan memanfaatkan seluruh komponen pembelajaran serta penglibatan aktif guru dan pelajar. Penguasaan Fiqh Ayat dapat ditingkatkan melalui beberapa tindakan seperti berikut:

### **i. Pdp Yang Berkesan Dapat Meningkatkan Penguasaan Fiqh Ayat**

Penguasaan Fiqh Ayat sudah pasti dipengaruhi oleh aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP). PdP yang berkesan dengan memanfaatkan teknologi mampu meningkatkan pencapaian pelajar<sup>113</sup>terutamanya dalam Fiqh Ayat. Aktiviti PdP yang berkesan perlu mempunyai kriteria seperti berikut iaitu: perancangan, pelaksanaan

---

<sup>113</sup> Nur Aqilah Rozali, and Noor Dayana Abd Halim. "Kesan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri Dengan Integrasi Video Terhadap Pencapaian Pelajar Dalam Pembelajaran Matematik." *Innovative Teaching and Learning Journal* 3.2 (2020): 42–60.

dan penilaian.<sup>114</sup> Pengajaran yang terancang dan bersistematik akan dapat melicinkan pelaksanaan pembelajaran. Apabila kesemua kriteria PdP ini dapat dilaksanakan dengan baik, maka pelajar akan mudah mencapai penguasaan dalam pembelajaran Fiqh Ayat. Pelajar akan lebih menghargai PdP yang berkesan kerana dapat memberikan mereka pengetahuan dan pengalaman yang bermakna. Justeru guru disarankan untuk menyediakan aktiviti PdP yang menarik dan sesuai dengan kepelbagaian kecerdasan pelajar<sup>115</sup> agar dapat dimanfaatkan oleh pelajar pada masa akan datang.

ii. Usaha Pelajar Dalam Mencapai Keberkesanan Penguasaan Fiqh Ayat.

Penguasaan Fiqh Ayat sebenarnya lebih tertumpu kepada usaha pembelajaran pelajar sendiri selari dengan pembelajaran abad ke-21<sup>116</sup> dimana pelajar perlu membaca, memahami dan membentangkan dihadapan guru ketika PdP. Selain daripada mengikuti kelas PdP, pelajar perlu belajar secara sendiri dan berkolaboratif bersama rakan bagi mendapatkan pengalaman langsung pembelajaran lebih-lebih dalam zaman pandemik ini.<sup>117</sup> Oleh itu, pelajar perlu memberikan penekanan terhadap beberapa aspek asas Fiqh Ayat seperti menghafaz dengan kefahaman, memperbanyakkan makna perkataan, menguasai asas bahasa arab dan mengulangkaji pelajaran Fiqh Ayat. Justeru pelajar perlu bertanggungjawab menyelesaikan masalah pembelajaran

---

<sup>114</sup> Anthony Haynes, *The Complete Guide To Lesson Planning And Preparation* (New York, Continuum International Publishing Group, 2010 ), 2.

<sup>115</sup> Wardyawaty Rajikal, and Mohd Isa Hamzah. "Kajian Sistematik Pengajaran Abad Ke-21 (PAK21) Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam (GPI)." *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education* 4.2 (2020): 103–113.

<sup>116</sup> Zubaidah, Siti. "Keterampilan Abad Ke-21: Keterampilan Yang Diajarkan Melalui Pembelajaran." *Seminar Nasional Pendidikan dengan tema "Isu-isu Strategis Pembelajaran MIPA Abad 21* Desember (2019): 1–17.

<sup>117</sup> Seman, Mohamad Sayuti, and Mohd Zahuri Khairani. "Pendekatan Project Base Learning Mural Pendidikan Seni." *Journal of Applied Arts* 2.1 (2020): 158–163.

Fiqh Ayat yang dihadapi dengan meminta bantuan daripada guru dan rakan agar matlamat atau objektif KBT dapat dicapai.

### iii. Galakan Dan Bimbingan Guru

Guru perlu peka dengan tahap penguasaan Fiqh Ayat pelajar terutamanya kepada pelajar yang masih belum menguasai lagi. Oleh itu guru perlu segera mengesan pelajar yang mempunyai tahap penguasaan Fiqh Ayat yang lemah didalam kelas dengan lebih awal. Pengesanan golongan pelajar ini perlu disusuli dengan program intervensi serta mengambil kira jenis rawatan pembelajaran yang sesuai dengan tahap kecerdasan pelajar.<sup>118</sup> Bimbingan dan galakan yang betul mampu membantu pelajar menguasai Fiqh Ayat dengan baik.

### iv. Persekitaran Pembelajaran Fiqh Ayat

Suasana persekitaran pembelajaran Fiqh Ayat boleh dibina dengan memberikan keutamaan sewajarnya dalam membudayakan kemahiran berfikir aras tinggi berkaitan pengetahuan<sup>119</sup> berkaitan kefahaman al-Qur'an. Persekitaran pelajar yang mengutamakan Fiqh Ayat seiring dengan pencapaian hafazan perlu dilaksanakan dengan kesepakatan guru dan pentadbir . Keutamaan terhadap aspek hafazan sebelum ini perlu ditambah baik dengan mewujudkan persekitaran yang juga turut memberikan perhatian terhadap kefahaman makna ayat. Sedikit sebanyak pengaruh budaya persekitaran ini akan membuka kesedaran kepada pelajar untuk menjadikan aspek kefahaman juga penting seiring dengan aspek hafazan.

---

<sup>118</sup> Ching Peng, Chan, dan Roslinda Rosli. "Kebimbangan Matematik Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Pelajar Tingkatan Satu." *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 6.3 (2021): 30–40.

<sup>119</sup> Zakaria, Normah et al. "Aplikasi Peta Pemikiran I-Think Dalam Meningkatkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)." *Online Journal for TVET Practitioners* (2018): 1–8.

v. Fiqh Ayat Dengan Mempelbagaikan Aktiviti Sokongan

Selain pembelajaran didalam kelas pelbagai aktiviti sokongan Fiqh Ayat boleh diwujudkan. Program tazkirah Fiqh Ayat selepas solat umpamanya dapat memberikan pengisian kefahaman ayat al-Qur'an kepada pelajar. Perkongsian pintar kefahaman makna ayat yang diprogramkan diantara pelajar juga dapat membantu meningkatkan kefahaman makna ayat dalam kalangan pelajar. Selain itu pelajar boleh diminta membuat artikel berkenaan Fiqh Ayat secara ringkas dan ditampal di papan kenyataan sekolah sebagai rujukan kepada rakan pelajar.<sup>120</sup>

vi. Pembinaan Modul Fiqh Ayat Yang Bersasar

Kelemahan pelajar baru yang kurang berpengetahuan dan pengalaman dalam menguasai Fiqh Ayat dapat diatasi lebih awal dengan menyediakan modul asas pengukuhan Fiqh Ayat. Sasaran modul adalah untuk mengukuhkan asas kefahaman pelajar baru atau yang lama dengan memperbanyakkan perbendaharaan makna perkataan al-Qur'an dan asas nahwu saraf bahasa arab.<sup>121</sup> Pendedahan Fiqh Ayat dengan bantuan modul ini mampu meningkatkan tahap keberkesanan dan penguasaan Fiqh Ayat terhadap pelajar sasaran dengan lebih berkesan.

vii. Berdoa Kepada Allah

Sebagai umat Islam kita perlu yakin dengan senjata yang paling ampuh iaitu berdoa memohon kepada Allah swt agar dibukakan hati dan dipermudahkan pembelajaran

---

<sup>120</sup> Ahmad Bazli Ahmad Hilmi, Zulkarnin Zakaria, and MahizSpawi. "Pembinaan Modul Pendidikan Al-Quran Untuk Pelajar Pintar Berbakat Model Permata Insan." *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)* 1.1 (2017): 194–207.

<sup>121</sup> Mohd Abdul Nasir Abdul Latif & Ahmad Zulfiqar, Pembinaan Modul Hafalan Berdasarkan Tematik Ayat Bagi Membantu Penguasaan Pemahaman AL-Qur'an Dalam Kalangan Huffaz, *The Online Journal Of Islamic Education* 8.1 (2020). 1-26.



Fiqh Ayat dan diberikan kefahaman al-Qur'ān yang benar. Sesungguhnya Allah swt yang berkuasa memberikan kefahaman isi kandungan al-Qur'ān kepada hamba-hamba yang dikehendakiNya.

## 2.10 Keberkesanan Pelaksanaan Pdp Fiqh Ayat

Keberkesanan Pdp Fiqh Ayat di MITTIS dipengaruhi oleh beberapa faktor. Faktor keberkesanan Pdp Fiqh Ayat boleh dilihat dari empat sudut iaitu : pengajaran guru<sup>122</sup> dan pembelajaran pelajar<sup>123</sup> bahan bantu belajar<sup>124</sup> dan Persekitaran. Faktor pengajaran yang berkesan dapat diperoleh dengan tiga konsep utama iaitu perancangan, pelaksanaan dan penilaian.<sup>125</sup> Perancangan guru meliputi kefahaman terhadap DSKP yang diterjemahkan dalam RPT dan RPH. Kemudian pelaksanaan pembelajaran dengan menggunakan pendekatan dan bahan bantu belajar yang bersesuaian perlu dimanfaatkan. Setelah itu, penilaian perlu dilakukan bagi menilai tahap penguasaan pelajar serta tahap keberkesanan pengajaran bagi tujuan penambahbaikan. Situasi pengajaran guru di MITTIS secara keseluruhan memperlihatkan asas amalan pengajaran berlaku namun dalam keadaan yang

---

<sup>122</sup> Abdul Rahim, Mohd Marzuqi, et al., "Pengaruh Insentif Keimanan Terhadap Amalan Pengajaran Guru Tahfiz Al-Quran Di Negeri Perak (The Influence of Faith Incentive on the Teaching Practices of the Tahfiz's Teachers in Perak)." *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 5.2 (2018).

<sup>123</sup> Zakaria, Farah Ilyani, et al., "Amalan Pembelajaran Pelajar Tahfiz Di Institusi Tahfiz Swasta." *Jurnal Pendidikan Malaysia* 1.1 (2018): 141–148.

<sup>124</sup> Mohamad Marzuqi Abdul Rahim et al. "Tahap Penggunaan Alat Bantu Hafazan (ABH) Dalam Kalangan Pensyarah Tahfiz Al-Quran Di Malaysia." *Seminar Memperkasa Generasi Penghafaz Al-Quran* December (2016): 87–96.

<sup>125</sup> Ragbir Kaur Joginder Singh, *Panduan Ilmu Pendidikan untuk DPLI Pedagogi*, (Kuala Lumpur, Kumpulan Budiman Sdn Bhd, 2013),4.

sederhana terutamanya dari sudut perancangan RPH dan pelaksanaan PdP yang kurang memuaskan.<sup>126</sup>

Sementara faktor pembelajaran yang berkesan mampu diraih dengan usaha minimum melalui kriteria pembelajaran seperti berikut: memahami asas atau gagasan sesuatu ilmu, mengingat fakta suatu ilmu dan mampu mengolah dan mengadaptasi sesuatu ilmu dalam kehidupan seharian.<sup>127</sup> Pelajar perlu merancang tujuan yang ingin dicapai dengan memahami bagaimana sesuatu ilmu itu dapat dikuasai. Pembelajaran boleh berlaku tanpa ada had masa dan tempat. Oleh itu peluang pembelajaran yang luas ini perlu dimanfaatkan oleh pelajar dengan menguasai fakta sesuatu ilmu. Seterusnya ilmu yang dikuasai perlu diamalkan dengan penuh amanah sehingga dapat memberi manfaat kepada dirinya dan orang lain. Hasil dapatan temubual dan pemerhatian mendapati pelajar mengamalkan pembelajaran sendiri dengan lebih berdikari membaca, memahami dan mengingat fakta Fiqh Ayat sebelum atau semasa kelas PdP berlangsung.

Selain itu, faktor bahan bantu juga penting kepada keberkesanan PdP melalui penggunaan al-Qur'ān terjemahan dan kitab tafsir. Guru dilihat sentiasa merujuk al-Qur'ān terjemahan dan kitab tafsir dalam pengajaran. Kekangan pengetahuan bahasa arab dalam kalangan pelajar menyebabkan penggunaan al-Qur'ān terjemahan dalam pembelajaran didalam dan diluar kelas. Pembelajaran berbantuan teknologi mampu meningkatkan

---

<sup>126</sup> RPH Fiqh Ayat tidak disediakan menyebabkan kaedah pengajaran guru lebih kepada kaedah pertanyaan (guru bertanyakan pelajar apa yang difahami daripada ayat yang dihafaz), namun tidak dinafikan terdapat sebahagian guru berusaha mempelbagaikan kaedah pengajaran.

<sup>127</sup> Khalid Mohamad Nor, Belajar Teknik Belajar, ( Kuala Lumpur : PTS Millenia Sdn bhd, 2002), 7

pencapaian dan penguasaan pelajar dalam mata pelajaran Fiqh Ayat selari dengan pembelajaran abad ke 21.<sup>128</sup>

Faktor persekitaran pembelajaran juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan tahap keberkesanan Fiqh Ayat. Persekitaran pembelajaran di sekolah tahfiz lazimnya lebih menumpukan terhadap pencapaian hafazan sahaja berbanding Fiqh Ayat. Justeru pengaruh persekitaran dan aktiviti sosial<sup>129</sup> yang menumpukan kefahaman al-Qur'ān perlu diwujudkan melalui peranan pentadbir, guru dan sekolah agar penguasaan kefahaman makna ayat pelajar dapat dicapai.

## 2.11 Kajian Literatur

Berdasarkan kajian literatur yang telah dijalankan, pengkaji mendapati banyak kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji lepas berkaitan Fiqh Ayat secara langsung dan tidak langsung.

### a. Kefahaman Makna Ayat Al-Qur'ān

Meneliti kajian lepas pengkaji mendapati terdapat beberapa kajian lalu telah dilaksanakan dalam aspek kefahaman al-Qur'ān. Antaranya laporan penyelidikan Abdul Jalal et al. 2015 bertajuk “Keberkesanan Kaedah Kefahaman Makna Ayat Al-Quran Berbantuan Al-Qur'ān Pembelajaran Hifz Al-Qur'ān”. Kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan kaedah kefahaman makna ayat dan melihat hubungan kefahaman dan pengekal hafazan bagi pelajar semester 1 di Darul Quran. Kajian ini

---

<sup>128</sup> Noradilah binti Aziz, and Lai Wei Sieng. “Impak Pendidikan Berasaskan Teknologi Terhadap Peningkatan Prestasi Pelajar Di UKM.” *Jurnal Personalia Pelajar* 22.1 (2019): 69–75.

<sup>129</sup> Noorhidayah binti Abu Hasim et al. “Pengaruh Persekitaran Dalam Penggunaan Strategi Memori Kosa Kata Pelajar Kuim.” *Kesidang* 5 (2020): 1–9.

merupakan kajian eksperimen menggunakan reka bentuk eksperimen benar (true experimental design) yang melibatkan kaedah berbentuk deskriptif dan inferensi menggunakan dua reka bentuk iaitu ujian pasca dan ujian pra-pasca. Reka bentuk experimental benar ini terdapat dua pemboleh ubah yang dikaji, iaitu pemboleh ubah bersandar ialah pengajaran dan pembelajaran hifz al-quran. manakala pemboleh ubah bebas pula ialah kaedah kefahaman makna ayat al-Qur'ān berbantuan al-Qur'ān terjemahan. Dapatan kajian mendapati bahawa pelajar dapat meningkatkan kefahaman makna ayat al-Qur'ān dengan menggunakan al-Qur'ān terjemahan. Menariknya dapatan kajian ini menunjukkan tiada hubungan yang signifikan antara kefahaman makna dan pengejalan hafazan.<sup>130</sup>

Seterusnya disertasi Nur Ain Zainal Abidin 2017 bertajuk “ Tahap Pengetahuan Pelajar Tahfiz Terhadap Tadabbur Al-Qur'ān Di Maahad Tahfiz Dar Al-Abrar, Teluk Rubiah Seri Manjung, Perak”. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap pengetahuan pelajar terhadap tadabbur (baca kefahaman ayat) serta mengenalpasti masalah yang dihadapi pelajar dalam pembelajaran al-Qur'ān dan tadabbur (kefahaman). Walaupun tajuk penulisan ini adalah tadabbur tetapi yang dikehendaki adalah kefahaman al-Qur'ān. kajian ini telah dijalankan di Maahad tahfiz swasta di Perak dengan penglibatan pelajar yang berumur 13 hingga 19 tahun. Metodologi kajian ini adalah kualitatif menggunakan reka bentuk deskriptif . hasil

---

<sup>130</sup> Abdul Jalal et al., “Keberkesanan Kaedah Kefahaman Makna Al-Quran Berbantuan Al-Quran Terjemahan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Hifz Al-Quran”. Laporan Penyelidikan Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia , (2015).

dapatan kajian mendapati bahawa pelajar tahfiz mempunyai tahap pengetahuan yang sangat terhadap terhadap tadabbur (kefahaman al-Qur'ān).<sup>131</sup>

Selanjutnya Yusuf *al-Qarḍawī* menyatakan didalam bukunya *kayfa nataā'malu ma'a al-Qur'ān al-A'z m* bahawa umat islam pada zaman ini menjadikan al-Qur'ān sesuatu yang asing walaupun teks al-Qur'ān dihafaz tetapi hukum al-Qur'ān tidak difahami dan tidak diamalkan sebagaimana umat bani Isrāil yang diberi kitab Taurat namun tidak mahu beriman.<sup>132</sup> Kemudian tajuk buku yang sama daripada karangan Muhammad *al-Ghazālī* berjudul *kayfa nataā'malu ma'a al-Qur'ān* memperlihatkan kerosakan umat islam yang jauh daripada petunjuk. al-Qur'ān hanya disamakan dari sudut tilawah sahaja seperti tajwid dan melagukan al-Qur'ān sehingga lafaz al-Qur'ān yang dihafaz. Akan tetapi dari sudut berinteraksi dengan memahami dan mengamalkan al-Qur'ān tidak diutamakan, berbeza dengan umat Islam terdahulu yang mengagungkan al-Qur'ān dengan kefahaman dan penerapan yang sehati dalam jiwa.<sup>133</sup>

Terdapat juga kajian yang mempunyai tajuk yang difikirkan ada hubungan dengan kajian pengkaji namun terlalu sedikit input yang dapat diambil daripada kajian Nur Syamira et al. bertajuk “ Kefahaman Al-Qur'ān Dan Jawi Melalui Permainan Bahasa Bermultimedia” menekankan kemahiran membaca tulisan jawi bagi menunjukkan kefahaman al-Qur'ān. Ini berikutan penguasaan kefahaman al-Qur'ān

---

<sup>131</sup> Nurain Zainal Abidin, Tahap Pengetahuan Pelajar Tahfiz Terhadap Tadabbur Al-Quran Di Maahad Tahfiz Dar Al-Abrar, Teluk Rubiah Seri Manjung, Perak. Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, (2017).

<sup>132</sup> Yusuf Al-Qarḍāwī, *Kayfa Nataā'malu Ma'a Al-Qur'ān Al-A'z m*. (Darul Syuruq.Cet. Ke 3, 2000), 13.

<sup>133</sup> Muhammad Al-Ghazālī. *Kayfa Naa'malu Ma'a Al-Quran*,.( Taba' Nahdah Masr Cet.7.2005).25

dan jawi kalangan sekolah rendah masih lemah. Kajian kualitatif ini menzahirkan bahawa alat bantu multimedia mampu menarik minat pelajar untuk menguasai tulisan jawi al-Qur'ān. Kajian ini juga mendapati ramai guru kurang memaksimumkan bahan bantu mengajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran.<sup>134</sup>

Seterusnya kefahaman al-Qur'ān yang dihubungkan dengan akidah di SMKA Sabah dalam kajian Naziratul menunjukkan tahap akidah melalui penghayatan kefahaman al-Qur'ān dalam kalangan pelajar lemah dan perlu dipertingkatkan. Kajian ini adalah kajian kuantitatif yang bertujuan untuk menjelaskan berkenaan penghayatan akidah dalam pengajaran kefahaman al-Qur'ān. Seramai 254 pelajar tingkatan 4 dilibatkan secara rawak dalam kajian ini menjawab 39 indikator aspek akidah dalam kefahaman al-Quran bagi subjek PQS.<sup>135</sup>

Kajian Azmil Hashim dan Abd Halim telah membuat kajian berkenaan persepsi kaedah amalan pelajar tahfiz Darul Qur'ān dan Maahad Tahfiz Negeri berasaskan kaedah talaqqi musyafahah, tasmi', takrar, penulisan dan tahriri dan kefahaman ayat. Kajian ini menggunakan kaedah campuran kuantitatif dan kualitatif. Seramai 212 pelajar semester 6 di 11 institusi tahfiz terlibat dalam kajian ini. Hasil dapatan kajian

---

<sup>134</sup> Nur Syamira Abdul Wahab, Maimun Aqsha Lubis, Ramlee Mustapha, Aisyah Sjahrony, & Dedek Febrian. "Kefahaman Al-Quran Dan Jawi Melalui Permainan Bahasa Bermultimedia". *ASEAN Comparative Education Research Journal On Islam And Civilization (ACER-J)*, 1.11 (2017), 41–53.

<sup>135</sup> Naziratul Izzati Ani & Azmil Hashim. Penghayatan Akidah Dalam Pengajaran Ayat Kefahaman Pengajian Al-Quran Di Kalangan Murid Tingkatan Empat Di SMKA Di Sabah. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 2.2 (2016), 45–54.

mendapati kaedah kefahaman ayat sering diabaikan kerana memberi keutamaan kepada talaqqi musyafahah, tasmi dan tiktir.<sup>136</sup>

Menyelidiki kepelbagaian gaya pembelajaran pelajar tahfiz dalam proses hafazan dan kefahaman makna al-Qur'ān. Kajian yang didasari isu pelajar tidak menghabiskan sukatan hafazan sekaligus menyebabkan kefahaman al-Qur'ān juga terabai berikutan elemen pengajaran guru yang berbeza. Seramai 20 orang orang pelajar berumur 13 hingga 17 tahun dilibatkan dalam kajian *Quasi* eksperimen dengan memberikan peluang menghafaz mengikut gaya hafazan dominan masing-masing. Kajian ini mendapati bahawa pelajar lebih selesa dan bermotivasi dapat menggunakan 2 atau lebih gaya pembelajaran VARK.<sup>137</sup>

Sementara itu Mohd Hakim menyasarkan kajian kefahaman ayat al-Qur'ān pelajar tahfiz perlu dipergiatkan kesan daripada dapatan kajian lepas yang menyatakan kurangnya aspek kefahaman dalam pembelajaran tahfiz. Menyedari akan kepentingan dalam memahami dan menghayati al-Qur'ān beberapa metod kajian perlu diberikan perhatian terutamanya penerokaan kefahaman terhadap ayat hafazan yang dibaca serta mengenalpasti bentuk terjemahan yang sesuai dengan pembelajaran pelajar tahfiz<sup>138</sup> agar kualiti pelajar tahfiz dapat ditingkatkan.

Dalam kajian Azmil bertajuk "Kaedah pembelajaran tahfiz dan hubungannya dengan pencapaian hafazan pelajar" turut mendapati aspek usaha pelajar dalam

---

<sup>136</sup> Azmil Hashim & Abdul Halim Tamuri, Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Pembelajaran Tahfiz Al-Quran Di Malaysia. *Journal Of Islamic And Arabic Education*, 4.2(2012), 1–10.

<sup>137</sup> Nor Musliza Mustafā, M. B. & S. A, Gaya Pembelajaran Pelajar Dalam Proses Hafazan Dan Kefahaman Makna Al-Quran: Satu Tinjauan. *Seminar Antara Universiti Pengajian Lulusan Ijazah*, (2016), 1–5.

<sup>138</sup> Mohd Hakim Bin Mothar Rijan, et al. "Kefahaman Ayat Al-Quran Dikalangan Pelajar Tahfiz : Satu Sorotan" *Jurnal Maw'izah* 4.0 (2021), 1-10

mencari makna dan maksud ayat dalam proses menghafaz al-Qur'ān berada tahap sederhana tinggi. Hal ini tidak selari dengan kaedah hafazan kefahaman makna ayat yang diyakini dapat membantu hafazan pelajar.<sup>139</sup>

Menurut Raghīb memahami makna ayat yang dihafaz dapat memudahkan lagi proses menghafaz. Proses menghafaz akan menjadi lebih bermakna apabila menghafaz al-Qur'ān memahami kisah-kisah yang terdapat didalam al-Qur'ān, hukum-hukum, dan memahami sebab penurunan ayat. Beliau menegaskan kewajipan dalam memahami maksud ayat agar dapat mengamalkan al-Qur'ān dalam kehidupan. Sehubungan dengan itu beliau menyatakan bahawa hafazan yang sedikit dan difahami lebih baik daripada hafazan banyak yang tidak difahami. Keadaan ini memberikan dimensi kaedah hafazan yang pelbagai selain mengutamakan kaedah tkrar ketika menghafaz.<sup>140</sup>

'Alī menyebut didalam bukunya *Da'ufa Hifz Al-Qur'ān Asbābuhu Wa Ṭuruqu 'Ilājīhi* bahawa antara punca lemahnya hafazan pelajar adalah kerana tidak membiasakan diri memahami makna ayat yang dihafaz. Kefahaman makna ayat secara umum pada hakikatnya mampu memudahkan dan mengukuhkan ingatan pelajar tahfiz terhadap ayat hafazan. Bahkan ayat hafazan yang difahami akan dapat didalami isi kandungannya secara langsung.<sup>141</sup>

---

<sup>139</sup> Azmil Hashim, et al., "Kaedah Pembelajaran Tahfiz dan Hubungannya dengan Pencapaian Hafazan Pelajar" *Journal of Al-Quran and Tarbiyyah*, 1.1 (2014), 9-16

<sup>140</sup> Rāghīb Al-Sarjānī, *Kaifa Tahfaz Al-Qur'ān Al-Karīm*, (Qāhirah Aqlām Tashri' Wa Tauzi', 2012), 33

<sup>141</sup> 'Alī Ahmad 'Alī M sāl, *Da'ufa Hifz Al-Qur'ān Asbābuhu Wa Ṭuruqu 'Ilājīhi*, (Saudi 'Arābia, Maṭba' Syatī' Al-Ḥadīthah 2018), 39- 41



Teori pendidikan al-Qur'ān al-Qābis turut disebut dalam kajian Mohd Jamalil yang menegaskan bahawa pelajar tahfiz yang memiliki kemahiran al-hifz, al-wa'yu, al-istirja' merupakan mereka yang telah menghafaz al-Qur'ān dengan baik. Justeru amalan pembelajaran tahfiz bagi memenuhi kemahiran ini perlu diberikan perhatian dalam proses pembelajaran hafazan termasuk menghafaz dan memahami makna ayat.<sup>142</sup>

Proses memahami maksud ayat pada masa kini adalah lebih mudah dengan kemudahan ICT. Kemudahan teknologi ini dapat membantu ramai pelajar tahfiz mengakses maksud ayat dengan lebih mudah. Hal ini dapat dirujuk daripada dapatan kajian penggunaan ICT dalam pembelajaran tahfiz oleh Mardhiah yang menunjukkan majoriti pelajar tahfiz mewakili 46.3% bersetuju menggunakan ICT untuk memahami makna ayat hafazan.<sup>143</sup>

Penerapan kaedah hafazan dengan kefahaman tematik terhadap pelajar tahfiz di kolej genius pintar Insan Usim telah dilaksanakan dengan jayanya. Kajian yang menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif telah melalui beberapa proses pengumpulan data awal sebelum mendapatkan data akhir. Hasil awal kajian oleh Mohd Zamrus ini mendapati pelajar dapat meningkatkan prestasi hafazan, kefahaman, penghayatan dan penulisan melalui kaedah hafazan ini.<sup>144</sup>

---

<sup>142</sup> Mohd Jamalil Ismail, et al. Strategi Kecemerlangan Institusi Pendidikan Tahfiz Al-Quran Di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 15.1 (2017), 51-60

<sup>143</sup> Mardhiah Yahya, et al., "Penggunaan ICT dalam Pengajaran Tahfiz", dalam *Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat*, FFPI KUIS, (2020), 53-61

<sup>144</sup> Mohd Zamrus Mohd Ali, et al., *Cadangan Kaedah Hafazan Tematik Dengan Kurikulum Pendidikan Pintar Berbakat Integrasi Naqli Dan 'Aqli Kepada Murid Pintar Berbakat Di Kolej Genius Insan Usim*, SAIS USIM, (2021), 436-450

Menurut Fathiyah dalam kajian proses dan kaedah pembelajaran tahfiz mendapati kaedah hafazan dengan kefahaman masih kurang digunakan walaupun sudah terbukti keberkesannya dalam hafazan. Kajian kualitatif melalui kaedah temubual individu ini melibatkan 12 orang pelajar tahfiz. Beliau mendapati 2 daripadanya mengakui bahawa kaedah hafazan dengan kefahaman dapat memudahkan mereka menghafaz terutamanya apabila cerita-cerita al-Qur'an dapat diketahui.<sup>145</sup>

#### b. Kajian Berkenaan Pelaksanaan dan Kaedah Memahami Maksud Ayat Al-Qur'an

Kajian Pelaksanaan KBT dalam kalangan guru tahfiz di sekolah menengah oleh Siti Nurjanah mendapati aktiviti pelaksanaan Fiqh Ayat berada tahap sederhana tinggi dengan skor min 3.98. Perincian daripada dapatan ini memperlihatkan masih kedapatan sejumlah 32% aktiviti Fiqh Ayat tidak dilaksanakan dengan sempurna dimana ada guru yang pernah tidak melaksanakan Fiqh Ayat. Kekurangan ini sudah tentu akan memberikan kesan terhadap pencapaian Fiqh Ayat dan hafazan.<sup>146</sup>

Sementara itu, Muhd Zulhilmi mencadangkan agar pelaksanaan kurikulum program TMUA yang telah bermula sejak tahun 2014 perlu dinilai semula berikutan terdapat kelemahan dalam pelaksanaannya. Beliau turut menyebut didalam kajiannya daripada dapatan pemeriksaan Penarafaan Pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab

---

<sup>145</sup> Fathiyah M. Fakhruddin, Che Ishak, S., & Asmawati, S. "Proses dan kaedah pembelajaran tahfiz dalam kalangan murid di sekolah menengah agama kerajaan di Malaysia. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 17.2 (2020), 311-340.

<sup>146</sup> Siti Nurjanah, et al. "Tahap Pelaksanaan Aktiviti Hafazan Dalam Kalangan Guru Tahfiz Sekolah Menengah" *Bitara International Journal of Civilization Studies and Human Sciences*, 4.1 (2021), 9-21

(TMUA) oleh jemaah nazir Perlis 2017 di SMKA Kedah mendapati bahawa PdPc berkaitan Fiqh Ayat tidak dilaksanakan secara tekal dan konsisten.<sup>147</sup>

Merujuk kajian kefahaman yang lalu penulis mendapati beberapa perbincangan yang menarik untuk diketengahkan agar pembaca dapat memahami penulisan ini secara mendalam. Hafalan akan menjadi lebih mudah apabila sesuatu ayat yang akan dihafal difahami dengan baik. Pelajar tahfiz perlu melalui proses menghafaz dengan melengkapkan hafazan secara sempurna bagi setiap perkataan dan makna (verbal) al-Qur'ān, proses ini juga berlaku kepada pelakon yang perlu menghafal skrip lakonan secara berulang-ulang sehingga dapat memahami dan menjiwai lakonannya.<sup>148</sup>

Kajian Wan Ahmad Zakry yang bertujuan untuk memahami aplikasi program hafazan al-Qur'an IMTIAZ menggunakan teori hafazan al-Ghauthani. Beliau menggunakan kaedah kualitatif dengan kaedah pengumpulan data melalui temubual dan pemerhatian. Memetik fokus Fiqh Ayat dalam kajian ini mendapati pelajar merasa mudah menghafaz kerana telah memahami maksud ayat. Selain itu, kaedah ini juga dapat menambahkan maklumat pelajar tentang asbab nuzul, hukum hakam, kisah al-Qur'an, ilmu sains dan lain-lain. Walaupun begitu kepakaran guru dituntut agar berperanan menyalurkan maklumat Fiqh Ayat kepada pelajar.<sup>149</sup>

---

<sup>147</sup> Muhd Zulhilmi Haron, et al.. "Keperluan Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan Malaysia," *Practitioner Research* 1.0 (2019), 289-316.

<sup>148</sup> Soenjono Dardjowidjojo, *Psikolinguistik: Memahami Asas Pemerolehan Bahasa.*, PTS Akademik (2005),239

<sup>149</sup> Wan Ahmad Zakry Wan Kamarudin, et al., *Aplikasi Model Hafazan al-Qur'an Ulul Albab di Sekolah Intiaz Terengganu*, *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3.3 h(2020), 1-33

Pelaksanaan pembelajaran kefahaman ayat adalah meliputi aktiviti yang dilaksanakan bagi mencapai tujuan memahami maksud ayat termasuk pelaksanaan pembelajaran kaedah memahami maksud ayat. Pengkaji mendapati banyak kajian berkenaan dengan pelaksanaan pembelajaran dalam memahami makna ayat. Justeru pengkaji cenderung mengkategorikan beberapa pembelajaran yang telah dilaksanakan bagi membantu pelajar memahami al-Qur'ān.

i. Penguasaan Bahasa Arab

Bahasa al-Qur'ān adalah menggunakan bahasa arab, pengetahuan bahasa arab sangat diperlukan untuk memahami isi kandungan al-Qur'ān.<sup>150</sup> Terdapat juga metode memahami al-Quran dengan memanfaatkan penguasaan bahasa Arab seperti metode manhaji<sup>151</sup> yang menggabungkan hafazan dan kefahaman al-Qur'ān melalui pembelajaran asas nahu hingga peringkat balāghah al-Qur'ān. Penguasaan bahasa arab termasuk ilmu nahu akan dapat merungkaikan kefahaman sekaligus mampu mempercepatkan proses hafazan.<sup>152</sup> Kajian kefahaman al-Qur'ān menerusi pengetahuan ilmu nahu dan sorof dalam kalangan pelajar Ma'ahad Qiraāt Al-Azhar mengesahkan kepentingannya.<sup>153</sup>

---

<sup>150</sup> Alwizar, Ahammiyah Ta'lim al-Lughatu al-A'rabiyyah Fi Fahmi al-Qur'an al-A'zim, *Al-Manar* 8.1 (2017), 25-34

<sup>151</sup> Shobron, S., & Ramadhon, S.. Model Pelaksanaan Metode Manhaji Dalam Program Tafh mul Qur'an Juz 1 (Satu). *Profetika Jurnal Studi Islam*, 19.2 (2019), 136–143.

<sup>152</sup> Zahriah Hussin, Nik Farhan Mustapha, Che Radiah Mezah, Pabiyah Toklubok@HajiMaming, Normaliza Abd Rahim.. Kepentingan Nahu Arab dalam Menghafaz al- Quran. *GEMA Online® Journal of Language Studies* Volume 16.2 (2016), 95-110

<sup>153</sup> Ashraf Ismail, et al., Memorizing And Understand The Qur'an In Arabic Language Among Malaysian Students Of The Al-Azhar Institute Of Qiraat Shobra Egypt, *Humanities & Social Reviews*, 7.4 (2019), 223-228.

Ini membuktikan penguasaan bahasa arab sangat penting untuk menguasai kefahaman al-Qur'ān yang sebenar.<sup>154</sup>

## ii. Memahami Ayat Secara Konteks Ayat

Kefahaman dapat diperolehi menerusi kefahaman konteks ayat. Pelajar perlu memilih perkataan dan ayat yang tertentu untuk dikuasai maksudnya sebagai kata kunci untuk membantu memahami makna ayat dengan merujuk ayat sebelum dan selepas dan mencari isi penting intisari ayat. Selain itu pelajar juga boleh memanfaatkan tema ayat yang ada di dalam al-Qur'ān terjemahan sedia ada sepertimana yang dianjurkan oleh al-Ahdal.<sup>155</sup> Beberapa dapatan analisis tema utama yang telah dikenalpasti di dalam al-Qur'ān melalui kajian Nasir dan Zulfiqar iaitu Aqidah, Ibadah, Adab, Akhlak dan Qasas dapat dimanfaatkan pelajar untuk memudahkan pemahaman dalam hafazan.<sup>156</sup> Disamping itu terdapat juga kajian pembelajaran yang mendorong kefahaman ayat disamping hafazan al-Qur'ān dengan meraikan gaya pembelajaran kinestetik melalui gerakan isyarat tangan.<sup>157</sup>

---

<sup>154</sup> Siti Nurshiamul Kamilah, "Pengaruh Hafalan al-Quran Juz 1-4 Terhadap Penguasaan Bahasa Arab Siswa Kelas VIII di Asrama Takhasus Puteri Madrasah Tsanawiyah Wahid Hasyim Yogyakarta." (Tesis Sarjana. Program Studi Pendidikan Bahasa Arab, Fakultas Ilmu Tarbiyah dan Keguruan, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta. 2014), 95.

<sup>155</sup> Al-Ahdal, Hashim Ali, *Ta'al m Tadabbur al-Qur'ān al-Kar m Asālib `Amaliyyah wa Marāhil Manhajiyyah*, (Jeddah:al-Jami'iyyah al-Khairiyyah li al-Hifz al-Qur'ān, 1429),138.

<sup>156</sup> Mohd Abdul Nasir Abdul Latif & Ahmad Zulfiqar Shah Abdul Hadi, Pembinaan Modul Hafalan Al-Qur'ān Berdasarkan Tematik Ayat Bagi Membantu Penguasaan Pemahaman Al-Qur'ān Dalam Kalangan Huffaz, *The Online Journal Of Islamic Education*, 8.1 (2020), 1-26

<sup>157</sup> Karim, D. A., Muhammad, H. N., & Arifin, A. Z.. Metode Yadain Li Tahfiz Al-Qur'ān, Implementasi Program Karantina Sebulan Hafal Al-Qur'ān di Desa Maniskidul Kuningan Jawa Barat, *Studia Quranika*, 4.2 (2020). 181.

### iii. Mengaplikasikan Kefahaman Dalam Hafazan

Penyataan yang digariskan oleh KPM melalui maklumat asas Kurikulum Bersepadu Tahfiz 2015<sup>158</sup> lebih menumpukan kepada objektif menguasai hafazan dan kefahaman al-Qur'ān. Kaedah KPM ini menggariskan pembelajaran berpusatkan pelajar selari dengan pembelajaran abad ke 21 yang mana pelajar perlu membuat persediaan memahami al-Qur'ān ketika proses menghafaz sebelum membentangkan kepada guru dalam sesi Pdp dan berusaha mengekalkan kefahaman melalui aktiviti murajaah al-Qur'ān. Kaedah ini juga turut diaplikasikan kepada pelajar permata pintar dengan menambah elemen penulisan artikel berkenaan kefahaman ayat tertentu.<sup>159</sup>

Kajian Asma' dalam keberkesanan hafazan masrur membuktikan kaedah hafazan yang menekankan kefahaman dapat membantu pelajar meningkatkan hafazan pelajar.<sup>160</sup> Selain itu terdapat kajian lain yang mendapati bahawa pelajar yang menggunakan kaedah hafazan dengan kefahaman sangat membantu pelajar dalam mengingat hafazan dengan lebih cepat dan berkesan.<sup>161</sup>

Sementara itu, pengetahuan tentang kisah-kisah al-Qur'ān bukan hanya dapat memudahkan proses menghafaz dan murajaah bahkan

---

<sup>158</sup> Bahagian Pendidikan Islam, "Maklumat asas pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz" ((Kementerian Pendidikan Malaysia, Mei 2015),7.

<sup>159</sup> Ahmad Bazli, et al.. Pembinaan Modul Pendidikan Al-Quran Untuk Pelajar Pintar Berbakat Model Permata Insan. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 1.1(2017), 194–207.

<sup>160</sup> Asma' Salsabilah, Zaipudin. "Hafazan Masrur Dalam Membantu Meningkatkan Minat Dan Penguasaan Murid Untuk Menghafaz Surah Al-Adiyat." *Jurnal Pendidikan Islam Kontemporari* 1 (2018): 18–26.

<sup>161</sup> Fathiyah Mohd Fakhruddin, et al., "Proses Dan Kaedah Pembelajaran Tahfiz Dalam Kalangan Murid Di Sekolah Menengah Agama Kerajaan Di Malaysia." *Malaysian Journal of Learning and Instruction* 17.2 (2020): 311–340.

menimbulkan minat serta motivasi untuk terus menghafaz al-Qur'ān.<sup>162</sup> Melalui kisah-kisah ini juga dapat menarik para huffaz mengetahui sebab penurunan ayat<sup>163</sup> serta menjadikan kisah-kisah terdahulu sebagai i'tibar dan panduan dalam kehidupan. Selain itu, pengetahuan tentang hukum syara' mampu digarap oleh pelajar melalui kefahaman al-Qur'ān.<sup>164</sup>

### c. Kajian Berkenaan Tahap Penguasaan Kefahaman Makna Ayat

Setelah melalui proses pelaksanaan maka prestasi pelajar perlu dinilai bagi mendapatkan tahap penguasaan pelajaran. Sistem penilaian di sekolah akan melalui pentaksiran sumatif dan formatif. Pentaksiran sumatif adalah penilaian terhadap pelajar secara langsung setelah selesai proses pengajaran dan pembelajaran. Manakala pentaksiran formatif pula akan dilaksanakan diujung semester pembelajaran untuk menilai penguasaan keseluruhan seperti peperiksaan akhir tahun, peperiksaan SPM dan lain-lain. Sistem pentaksiran bilik darjah PBD ketika ini telah menggariskan peringkat band keupayaan dan kemahiran mengikut sekala menaik bermula daripada

---

<sup>162</sup> Syafawati Binti Salihan, Muhammad Hafizan bin Abd Hamid, Siti Salma Binti Mohamad Shokri, Pembentukan Disiplin Pelajar Melalui Proses pembacaan Dan Hafazan Al-Quran : Satu Pemerhatian, dalam Isu-Isu Kontemporaridalam Pengajian Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat, Penerbit Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI) KUIS, (2020), 84-91.

<sup>163</sup> Ahmad Bazli Ahmad Hilmi, Muhammad Hafiz Saleh, Adibah Sulaiman @ Mohamad, Kaedah Memahami Makna Ayat Hafazan Dalam Kalangan PelajarTahfiz, *The Malaysian Journal of Islamic Science* , 33.3(2021), 176-199.

<sup>164</sup> Rohana, Zakaria, Hussin Hayati, and Rasdi Mohd Nur Adzam. "Tadabbur Al-Quran : Syarat Utama Yang Diperlukan Untuk Mencapai Objektif Al-Quran." *International Conference on Aqidah, Dakwah And Syariah 2015 (IRSYAD2015) 2015*: 13

band 1 hingga band 6. Pelajar yang menguasai isi kandungan dan kemahiran pelajaran dengan sempurna layak dianugerahkan pangkat band 6.<sup>165</sup>

Pengetahuan berkenaan tahap penguasaan pelajar khususnya dalam kefahaman makna ayat adalah penting bagi menentukan tahap kesesuaian pembelajaran yang perlu diterima sepertimana kajian Saadah et al.<sup>166</sup> Kajian Nurain Zainal Abidin turut menumpukan perhatian dalam kajian tahap kefahaman al-Qur'ān pelajar tahfiz<sup>167</sup> yang mendapati tahap penguasaan kefahaman al-Quran pelajar lemah dan perlu penambahbaikan dalam proses pembelajaran. Pengkaji juga mendapati kajian berkenaan tahap hafazan banyak telah dilaksanakan namun kajian yang berkaitan tahap kefahaman dalam hafazan masih kurang dijalankan. Oleh itu pengkaji cenderung mengkaji tahap penguasaan kefahaman (Fiqh Ayat) disamping hafazan al-Qur'ān pelajar tahfiz.

#### d. Kajian Keberkesanan Kefahaman Makna Ayat Terhadap Hafazan.

Kajian Abd Jalal et al., mendapati kefahaman makna ayat dan hafazan tidak mempunyai signifikan kerana menurutnya ada pelajar yang menguasai hafazan sedangkan pelajar tersebut tidak memahami maksud ayat.<sup>168</sup> Ini berlainan pula dengan pendapat Mohd Faizulamri yang menyatakan pelajar tahfiz akan menjadi cemerlang apabila menggunakan kaedah kefahaman makna terjemahan, kisah al-

---

<sup>165</sup> Bahagian Pembangunan Kurikulum. "Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah", (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018), 65.

<sup>166</sup> Saadah Abd Rahman, et al., "Exploring The Level Of Understanding The Content Of Quran Among Diverse Groups Of People," *Sains Insani*, 2.1 (2017), 61–65.

<sup>167</sup> Nurain Zainal Abidin, et al., "Tahap Pengetahuan Pelajar Di Madrasah Al-Musthafawiyah Littahfizil Quran Bagi Terhadap Tadabbur Al-Quran," *Jurnal Al-Turath*, 2.1, (2017), 47–53.

<sup>168</sup> Abdul Jalal et al., "Keberkesanan Kaedah Kefahaman Makna Al-Quran Berbantuan Al-Quran Terjemahan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Hifz Al-Quran". *Jurnal Darul Quran*, 19.1, (2015), 14–36.



Qur'ān dan menganalisis ayat hafazan dalam hafazan al-Qur'ān .<sup>169</sup> Ini disokong dengan pendapat al-Ahdal yang menyatakan kefahaman makna ayat dapat membantu proses hafazan serta dapat memperkukuh hafazan.<sup>170</sup> Justeru pengkaji tampil cuba mengesahkan sejauhmanakah keberkesanan Fiqh Ayat (kefahaman makna ayat) terhadap hafazan pelajar tahfiz.

## 2.11 Rumusan

Kementerian Pelajaran Malaysia telah menyediakan platform baru dalam pendidikan tahfiz moden melalui Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) berdasarkan Falsafah Pendidikan Negara. Usaha ini perlu dilaksanakan oleh guru dan pelajar melalui penguasaan pengetahuan berkenaan sukatan pelajaran yang terdapat di dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Prestasi (DSKP) Fiqh Ayat.

Sehubungan dengan itu rancangan pengajaran guru sama ada rancangan pengajaran tahunan (RPT) atau rancangan pengajaran harian (RPH) perlu merujuk kepada buku teks Al-Qur'ān Al-Karim Dengan Terjemahan (KPM) dan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Fiqh Ayat (DSKP) agar pelaksanaan Fiqh Ayat KBT berada di landasan yang sepatutnya. Jadual waktu yang diperuntukkan perlu diberikan perhatian sewajarnya agar kesesuaian kaedah pengajaran menepati objektif pengajaran yang ingin dicapai. Pada bab ini juga turut membincangkan berkenaan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kajian ini sebagai landasan kajian yang akan dilaksanakan.

---

<sup>169</sup> Mohd Faizul Amri, "Kaedah Penerapan Tadabbur Untuk Huffaz Al-Quran," *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 6.2 (2020), 15-23.

<sup>170</sup> Sabri Mohamad, et al., *Pembangunan Kurikulum Pendidikan Tahfiz: Prinsip dan Kaedah dalam membina Kurikulum Tahfiz al-Quran*. Kuala Kubu Bharu Darul Quran dalam *Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran*. Mohd Yakub Zulkifli Mohd Yusoff & Nordin Ahmad, (Kuala Kubu Bharu: Darul Quran JAKIM, 2016), 145-153.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 Pengenalan**

Bab ini membincangkan berkenaan metodologi kajian yang akan dijalankan. Metodologi kajian merupakan tatacara bagaimana pengkaji mendapatkan maklumat bagi mencapai suatu matlamat pendidikan.<sup>171</sup> Pengkaji akan membincangkan metodologi yang akan digunakan dalam kajian ini. Susunan metodologi akan diperincikan meliputi reka bentuk kajian, populasi, sampel kajian, instrumen kajian, prosedur pengumpulan data dan analisis data. Pengkaji juga akan menerangkan kaedah pengumpulan dan analisis data bagi menyempurnakan objektif kajian.

#### **3.2. Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian ini adalah kaedah penyelidikan campuran dimana pengkaji mengumpulkan, menganalisis, mengintegrasikan data dan membuat kesimpulan menggunakan jenis kaedah kajian kuantitatif dan kualitatif.<sup>172</sup> Kajian kuantitatif adalah berasaskan teori daripada kajian lepas yang bertujuan untuk menguji kebenaran suatu objektif kajian. Hasil dapatan kajian kuantitatif dapat digeneralisasikan bagi membuktikan sesuatu. Kajian kuantitatif adalah kajian tinjauan dan pengukuran menggunakan instrumen

---

<sup>171</sup> Mohd Majid Konting. Kaedah penyelidikan pendidikan (5th ed.). Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur. 2000.

<sup>172</sup> Charles Teddlie & Abbas Tashakkori, Foundations of Mixed Methods Research Integrating Quantitative and Qualitative Approaches in the Social and Behavioral Sciences,( SAGE Publications, Inc., 2009), 14

soal selidik terhadap responden bagi mendapat maklumat yang diperlukan.<sup>173</sup> Pendekatan deduktif digunakan dalam kajian kuantitatif bagi menguji hipotesis kajian berdasarkan teori yang diketengahkan.<sup>174</sup>

Manakala kajian kualitatif pula adalah berdasarkan interpretasi daripada sesuatu situasi yang natural.<sup>175</sup> Kajian kualitatif adalah bertujuan untuk memahami sikap dan perangai manusia dengan lebih mendalam bagi suatu isu yang perlu dikaji. Dapatan kajian akan diinterpretasi berdasarkan pandangan partisipan, dokumen dan pemerhatian menggunakan pendekatan induktif. Bagi tujuan tersebut kajian lapangan ini akan menggunakan kaedah penyelidikan campuran (*mix method*) dengan pemilihan *explanatory sequential mixed methods*<sup>176</sup> sebagai asas kajian.

Pengkaji akan menjalankan kajian dengan kaedah kuantitatif terlebih dahulu dengan menggunakan persampelan rawak mudah. Untuk tujuan itu, borang soal selidik yang telah disahkan akan diedarkan kepada responden bagi mendapatkan data. Dapatan daripada kaji selidik ini akan dianalisis<sup>177</sup> sebelum kaedah temu bual dijalankan<sup>178</sup> terhadap responden yang memiliki keseimbangan data daripada kajian kuantitatif.<sup>179</sup> Hal ini wajar

---

<sup>173</sup> Richard M. Grinnell, Jr, Yvonne A. Unrau, *Social Work Research and Evaluation Quantitative And Qualitative Approaches*, , (New York, Oxford University Press Inc, Seven Edition, 2005), 63

<sup>174</sup> Douglass Ezzy, *Qualitative Analysis Practice and Innovation*, (London : Routledge Taylor & Francis Group, 2002),8.

<sup>175</sup> W.Lawrence Neuman, *Social Research Methods Qualitative And Quantitative Approaches*,(United States of America: Pearson Education, Inc, 2006), 157.

<sup>176</sup> John W. Creswell, *Research design : qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (SAGE Publications, Inc, 4th ed 2014) , 44

<sup>177</sup> Membuat beberapa kesimpulan daripada dapatan analisis kaji selidik untuk dimanfaatkan dalam mendapatkan maklumat yang lebih kukuh melalui kaedah temubual.

<sup>178</sup> Jumlah bilangan 5 orang pelajar yang dipilih sudah memadai untuk menjadi responden berdasarkan saranan pakar Dr Muhammad Azrien Bin Adnan

<sup>179</sup> Data temubual pelajar akan diwakili dengan P1,P2,P3,P4 dan P5.

dipertimbangkan supaya maklumat temubual yang diperolehi dapat menghasilkan dapatan kajian yang baik.

Seterusnya pengkaji akan menjalankan kajian kualitatif menggunakan persampelan *purposive* (bertujuan) melalui temubual separa stuktur bagi menjelaskan lagi kajian kuantitatif. Pendekatan kajian menggunakan kaedah campuran ini telah dilakukan oleh ramai pengkaji bagi memperolehi data secara integrasi dan dapat mengesahkan maklumat dengan lebih terperinci.<sup>180</sup>

Pada masa yang sama pengkaji turut menjalankan kaedah pemerhatian terhadap sampel kajian yang melibatkan pelajar tahfiz di MITTIS. Kaedah pemerhatian ini penting bagi mendapatkan maklumat berkenaan pendapat, pengalaman, sikap dan kepercayaan responden kepada pembuat keputusan.<sup>181</sup>

Analisis dokumen akan diaplikasikan bagi menjelaskan objektif yang pertama. Seterusnya analisis statistik deskriptif akan digunakan bagi setiap objektif kajian ini sebelum dibincangkan dengan lebih terperinci berdasarkan kajian kualitatif. Sifat dan ciri-ciri pembolehubah dapat diperolehi melalui analisis deskriptif yang berfungsi bagi membuat ramalan dan rumusan kepada pembolehubah yang dikaji. Seterusnya kajian kualitatif dilaksanakan melalui kaedah temu bual dan pemerhatian dapat dijadikan data sokongan disamping dapat menjelaskan data kajian kuantitatif.

Kaedah campuran kualitatif dan kuantitatif digunakan kerana kesesuaian objektif kajian ini bagi memahami kajian dengan lebih mendalam. Kaedah campuran ini dapat

---

<sup>180</sup> John W Cresswell & J. David Creswell, *Research Design Qualitative, Quantitative, Mix Methods Approaches*, (United States of America: SAGE Publication, Inc, 2018), 56.

<sup>181</sup> Creswell, J., W.. *Educational research planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research* (5th ed. University of Nebraska-Lincoln). 379

digambarkan melalui skor item dari data yang dianalisis bagi kajian kuantitatif dan data kualitatif dapat memberikan maklumat dari pelbagai perspektif dengan lebih mendalam.<sup>182</sup> Bagi kajian ini pengkaji tidak hanya menggunakan kajian berbentuk kuantitatif bahkan memerlukan bentuk kajian kualitatif agar dapat mendalami dapatan yang sukar didapati dari kajian kuantitatif. Kaedah analisis dokumen, pemerhatian dan temubual dilihat mampu memberi impak dapatan yang dapat memenuhi objektif pelaksanaan dan penguasaan Fiqh Ayat. Tambahan pula objektif utama kajian ini memerlukan pengkaji melihat perkaitan kefahaman al-Qur'ān dalam hafazan pelajar yang tidak mungkin dicapai hanya dengan melalui kajian kuantitatif (soal selidik) semata-mata.

### **3.3 Populasi Dan Sampel Kajian**

Sampel adalah individu yang mempunyai sifat atau ciri-ciri yang sama terhadap populasi. Persampelan merupakan cara untuk mendapatkan maklumat bagi menyelesaikan sesuatu masalah tanpa menggunakan seluruh ahli sesuatu populasi. Persampelan adalah sebahagian daripada jumlah populasi yang boleh mewakili maklumat populasi yang dikaji.

#### **i. Populasi Kajian**

Populasi adalah objek atau subjek yang mempunyai kuantiti dan ciri tertentu yang ditentukan oleh pengkaji yang akan dikaji dan kemudian dibuat kesimpulan. Populasi adalah kumpulan (jumlah keseluruhan) individu atau unit yang mempunyai kriteria yang telah ditentukan terlebih dahulu oleh pengkaji<sup>183</sup> Sampel adalah sebahagian

---

<sup>182</sup> Ibid. 537

<sup>183</sup> Raihan, Metodologi Penelitian, (Jakarta : Universiti Islam Jakarta , 2017), 85

daripada populasi yang menjadi objek kajian. Sampel suatu kajian perlu memenuhi ketepatan gambaran populasi. Dengan kata lain sampel harus memiliki kriteria yang sama dengan populasinya.<sup>184</sup> Oleh itu, sampel yang mewakili populasi perlu mencukupi agar dapatan data dapat digeneralisasikan.

Pengkaji memilih pelajar di sekolah tahfiz Maahad Integrasi Tahfiz Tunas Ilmuwan Selangor (MITTIS) Sabak Bernam kerana ia adalah salah sebuah sekolah tahfiz swasta yang mengikuti Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT). Pengkaji menetapkan kriteria pelajar yang dipilih adalah pelajar tingkatan satu hingga tingkatan lima serta mempunyai pengalaman mengikuti pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Fiqh Ayat.

#### ii. Pemilihan Sampel Kajian

Berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan<sup>185</sup> pengkaji memilih sebanyak 103 orang responden bagi kajian kuantitatif yang mewakili keseluruhan populasi 140 orang pelajar di Maahad Integrasi Tahfiz Tunas Ilmuwan Selangor. Oleh kerana sukar untuk menghimpunkan kesemua sampel kajian dalam satu-satu masa maka pemilihan rawak mudah akan digunakan bagi mendapatkan nilai data yang benar.

Pengkaji turut mengambil beberapa sampel *purposive*<sup>186</sup> daripada dapatan soal selidik yang terpilih bagi tujuan menjalankan proses temubual pelajar bagi mendapatkan maklumat yang terperinci berkenaan kajian. Disamping itu pengkaji

---

<sup>184</sup> Surahman, Mochamad Rachmat, Sudibyo Supardi, Metodologi Penelitian ( Jakarta : Kementerian Kesehatan Indonesia, 2016), 85

<sup>185</sup> Robert V. Krejcie dan Daryle W. Morgan, 'Determining Sample Size for Research Activities', Educational and Psychological Measurement, Vol 30 ( Duluth : University of Minnesota) 607 – 610

<sup>186</sup> sampel yang memenuhi kriteria, sifat & maklumat yang diperlukan dalam sesuatu kajian..

juga akan menemubual empat tenaga pengajar lelaki dan dua orang perempuan bagi menjelaskan objektif yang ingin dicapai. Pengkaji juga turut mendapatkan keizinan daripada pentadbir sekolah dan tenaga pengajar bagi membuat pemerhatian proses pengajaran dan pembelajaran Fiqh Ayat.

Selain itu pengkaji turut menjalankan temubual terhadap lima orang pelajar MITTIS bagi melihat keberkesanan proses hafazan dengan kefahaman.<sup>187</sup> Pemilihan 5 pelajar ini adalah memadai berdasarkan perbincangan dengan pakar yang telah dirujuk.

### **3.4 Instrumen Kajian**

Instrumen bagi kajian ini adalah menggunakan dua instrumen. Instrumen ini bersesuaian dengan kajian kuantitatif yang menggunakan instrumen soal selidik, manakala kajian kualitatif menggunakan instrumen temu bual.

#### **3.4.1 Instrumen Soal Selidik**

Soal selidik adalah bahagian penting dalam pengumpulan maklumat dan data. Soal selidik sesuai bagi mendapatkan respon bagi populasi yang ramai serta dapat menjimatkan masa dan tenaga.<sup>188</sup> Kandungan soal selidik merupakan senarai item

---

<sup>187</sup> Kajian ujian hafazan terhadap 5 orang pelajar MITTIS.

<sup>188</sup> Fauzi Hussin et al., *Kaedah Penyelidikan dan Analisis Data SPSS* (Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2014), 106

yang dirangka khas bagi mendapatkan data kajian yang dijalankan terhadap sasaran kajian.<sup>189</sup>

Pengkaji membina item soal selidik berdasarkan sukatan mata pelajaran Fiqh Ayat dalam Kurikulum Bersepadu Tahfiz. Hal ini perlu diberikan perhatian supaya tidak berlaku kekeliruan kepada pembaca terhadap had kefahaman makna ayat yang lebih luas dan mungkin tidak dapat dicapai oleh pelajar di peringkat sekolah menengah. Justeru pembinaan item soal selidik ini perlu disesuaikan dengan objektif KBT yang ingin dicapai serta mengikut isi kandungan buku teks Al-Qur'ān Al-Karim Dengan Terjemahan KPM. Soal selidik yang dirancang secara teratur dan berkesan mampu menghasilkan hasil dapatan data yang mudah dianalisis dan dibuat kesimpulan.<sup>190</sup>

Instrumen kajian ini terdiri daripada 4 bahagian iaitu latar belakang responden, pembelajaran Fiqh Ayat, penguasaan Fiqh Ayat dan keberkesanan Fiqh Ayat. Pengkaji membezakan kaedah penilaian skala likert bagi bahagian pembelajaran dan keberkesanan Fiqh Ayat dengan menggunakan lima skala iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju. Manakala pada bahagian penguasaan pengkaji disarankan oleh pakar untuk menggunakan lima skala yang lain iaitu sangat lemah, lemah, sederhana, baik dan sangat baik bagi menggambarkan tahap penguasaan responden.

Skala kajian ini dapat di gambarkan seperti jadual 3.1. berikut:

---

<sup>189</sup> Fuad Mohamed Berawi, Metodologi Penyelidikan: Panduan Menulis Tesis (Sintok, Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2017), 117

<sup>190</sup> Azizi Yahaya, et al., Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan: Teori, Analisis & Interpretasi Data (Kuala Lumpur: PTS Profesional, 2006),163



Jadual 3.1 : Format Instrumen Soal Selidik.

<b>Bahagian B: Pembelajaran Fiqh Ayat</b>				
1	2	3	4	5
Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju
STS	TS	TP	S	ST
<b>Bahagian C: Penguasaan Fiqh Ayat</b>				
1	2	3	4	5
Sangat lemah	Lemah	Sederhana	Baik	Sangat baik
SL	L	S	B	SB
<b>Bahagian D: Keberkesanan Fiqh Ayat</b>				
1	2	3	4	5
Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju
STS	TS	TP	S	ST

Sumber : Soal Selidik Kajian Pelaksanaan Fiqh Ayat.

Seterusnya instrumen soal selidik ini mengadungi 21 item ini telah disahkan oleh 2 orang pakar sebelum diuji dalam kajian rintis bagi mendapatkan kebolehpercayaan dan kesahan. Setelah itu, instrumen ini ditatarkan kepada responden dalam kajian yang sebenar bagi mendapatkan maklumat dan data yang diperlukan.

### 3.4.2 Instrumen Temubual

Instrumen temubual separa struktur ini melibatkan 5 orang pelajar dan 6 orang tenaga pengajar di MITTIS serta dirakam menggunakan rakaman audio. Temubual ini penting bagi mendapatkan maklumat yang sukar diperolehi seperti minat, pengalaman, sikap, pandangan dan keyakinan.<sup>191</sup> Item temubual diubahsuai dari

<sup>191</sup> Patton, M. C.. Qualitative research and evaluation methods. Ed. Ke-3. (Thousand Oaks: Sage Publications, 2002), 85.

instrumen soal selidik dan penilai pakar diminta memberi pandangan. Hasilnya instrumen temubual dapat dihasilkan mengikut konstruk yang dibentuk iaitu pelaksanaan pembelajaran, tahap penguasaan dan keberkesanan. Data temubual dianalisis mengikut konstruk serta direkodkan dalam bentuk transkrip dan disahkan oleh subjek kajian.

### 3.5 Kajian Rintis

Kajian rintis adalah pra pengujian atau kajian percubaan bagi menguji dan memastikan kebolehpercayaan sesuatu kajian. Kajian rintis amat penting untuk mengesahkan kesesuaian instrumen soal selidik disamping melatih pengkaji menjalankan kajian yang sebenar.<sup>192</sup> Kajian rintis perlu dijalankan bukan kepada sampel yang sebenar tetapi mempunyai ciri-ciri yang sama atau hampir sama dengan sampel sebenar.<sup>193</sup>

Kajian rintis dilaksanakan bertujuan untuk menambahbaik instrumen soal selidik agar mudah difahami responden, mengesahkan perancangan kajian sebenar yang lebih sesuai dan membantu menganggarkan parameter populasi yang lebih tepat. Selain itu, kajian rintis juga dapat mengurangkan beberapa masalah yang tidak dapat dijangka boleh berlaku ketika kajian sebenar dilaksanakan. Melalui kajian rintis juga pengkaji dapat menilai lebih awal ketepatan prosedur statistik untuk penganalisan data.<sup>194</sup>

---

<sup>192</sup> Azizi Yahaya, et al., *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan: Teori, Analisis & Interpretasi Data* (Kuala Lumpur: PTS Profesional, 2006), 158.

<sup>193</sup> Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin, *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan* (Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, 2018), 118.

<sup>194</sup> Fauzi Hussin et al., *Kaedah Penyelidikan dan Analisis Data SPSS* (Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2014), 114.

Pengkaji telah melaksanakan ujian rintis di sebuah sekolah tahfiz swasta yang juga menggunakan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) di Puchong, Selangor. Kajian rintis ini dilaksanakan pada 16 April 2021 di Sekolah Sekolah Bina Insan (SBI), Puchong Selangor. Bagi memudahkann kajian pengkaji telah meminta bantuan tenaga pengajar di sekolah tersebut menyelia dan memberi taklimat serta mengedar borang soal selidik setelah pengkaji menerangkan tatacara pengisian borang soal selidik kepada wakil tenaga pengajar sekolah tersebut. Hasil dapatan soal selidik telah dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences Version 22* . Nilai keseluruhan soal selidik menunjukkan koefisien kebolehpercayaan adalah pada nilai alpha 0.91 yang dapat ditakrif berada pada tahap yang tinggi. Manakala instrumen temubual pula turut ditatarkan kepada responden terlebih dahulu bagi melihat kesesuaian dan ketepatan item. Oleh itu, beberapa penambahbaikan perkataan dan ayat dalam instrumen temubual telah dibuat bagi meningkatkan kesahan instrumen sebelum melaksanakan temubual sebenar.

### **3.6 Kesahan**

Kesahan bermaksud keupayaan suatu ujian untuk mengukur suatu kajian yang dikehendaki. Kesahan merujuk kepada sejauh mana ketepatan kajian yang dijalankan dapat menilai konsep khusus yang cuba diukur.<sup>195</sup> Kesahan menunjukkan kejituan item kaji selidik secara realiti dapat mengukur kajian yang sebenar sesuai dengan konstruk yang digunakan dalam memahami kajian tersebut.<sup>196</sup>

---

<sup>195</sup> Fauzi Hussin et al., *Kaedah Penyelidikan dan Analisis Data SPSS* (Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2014), 81.

<sup>196</sup> W. Lawrence Neuman, *Social Research Methods Qualitative And Quantitative Approaches* (Boston: Pearson, 2006), 188.

Pengkaji telah mendapatkan nasihat daripada penyelia agar membuat kesahan kaji selidik dengan pakar bidang. Oleh itu pengkaji telah berbincang dengan salah seorang pakar bidang pembinaan soal selidik di Akademik Pengajian Islam Universiti Malaya.<sup>197</sup> Hasil perbincangan bersama pakar beberapa penambahbaikan soal selidik telah dibuat antaranya penukaran terma skala likert daripada terma sangat tidak setuju hingga sangat setuju kepada terma lemah hingga cemerlang pada bahagian tahap penguasaan Fiqh Ayat. Selain itu terdapat beberapa kekeliruan penggunaan ayat dalam pernyataan soal selidik telah dibetulkan atas cadangan pakar. Pakar juga turut mengesahkan bahagian soal selidik dibahagikan kepada 4 bahagian sesuai dengan objektif yang telah ditetapkan. Selain itu, pengkaji juga turut mendapatkan khidmat pakar dengan meminta pandangan daripada pakar kajian berkenaan kefahaman makna ayat.<sup>198</sup> Hasilnya beberapa pembetulan ayat telah dilakukan dengan memberikan perhatian kepada setiap konstruk yang akan dikaji.

### **3.7 Kaedah Pengumpulan Data**

Pengumpulan data merupakan proses mengukur pembolehubah kajian. Proses pengumpulan data merupakan perkara penting dalam melancarkan sesuatu kajian agar data yang diperolehi sahih dan tepat. Pengumpulan data ini adalah bertujuan untuk mendapatkan data yang diperlukan dalam memenuhi semua persoalan dan objektif kajian.<sup>199</sup> Pengkaji menggunakan kaedah analisis kandungan, borang soal selidik, kaedah tinjauan, temu bual bagi memperoleh data. Kaedah pengumpulan data yang digunakan pengkaji adalah seperti berikut:

---

<sup>197</sup> Dr Mohamad Azrien bin Mohamed Adnan, pensyarah Program Pendidikan Islam Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

<sup>198</sup> Prof. Madya Dr. Mohamad Marzuqi Bin Abdul Rahim. Fakulti Sains Kemanusiaan, Jabatan Pengajian Islam, Universiti Pendidikan Sultan Idris

<sup>199</sup> Sulaiman Masri, Kaedah Penyelidikan dalam Panduan (Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2003) 59

#### i) Analisis Kandungan

Analisis kandungan yang digunakan diambil daripada dua sumber iaitu sumber primer dan sumber skunder. Kaedah analisis kandungan digunakan untuk mendapatkan pengetahuan dan maklumat dalam kajian serta dapat mendalami kajian dengan baik<sup>200</sup> khususnya berkenaan pembelajaran (pelaksanaan) kefahaman makna ayat. Sumber primer diperolehi daripada al-Qur'an, kitab tafsir, dari sumber KPM dan MITTIS serta transkrip temu bual manakala sumber skunder diperolehi daripada tesis, jurnal, buku rujukan dan lain-lain yang berkaitan. Selain itu aplikasi pencarian internet seperti google search, mendeley dan lain-lain turut digunakan bagi mendalami pengetahuan kajian yang dibuat. Kaedah ini digunakan

#### ii) Kaedah Borang Soal Selidik

Kaedah soal selidik dijalankan bagi kajian kuantitatif bertujuan mengumpulkan maklumat daripada responden. Kaedah ini menggunakan soal selidik dengan *likert scale* lima mata sebagai sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju.<sup>201</sup> Bagi mengesahkan item soal selidik pengkaji akan mengajukan kepada pakar bagi tujuan pengesahan. Setelah mendapatkan pengesahan pakar, pengkaji

---

<sup>200</sup> Jasmi, K. A. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif in Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012 at Puteri Resort Melaka on 28-29 Mac 2012. Organized by Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim.

<sup>201</sup> Raihan, Metodologi Penelitian, (Jakarta : Universiti Islam Jakarta , 2017), 116.

akan menjalankan ujian rintis di lokasi yang ditetapkan untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan sebelum boleh dilaksanakan di lokasi kajian sebenar.<sup>202</sup>

Pengkaji telah membina hubungan baik bersama guru al-Qur'an dan penolong kanan pentadbiran MITTIS sejak daripada awal kajian bagi mengenalpasti subjek kajian. Setelah menyelesaikan prosedur instrumen kajian, pengkaji menuju ke lokasi kajian serta berjumpa pentadbir sekolah bagi mendapatkan keizinan untuk menjalankan kajian terhadap responden mengikut ketetapan tempoh dan masa yang diaturkan.

Setelah mendapatkan persetujuan daripada pentadbir, pengkaji telah menghimpunkan responden didalam dewan terbuka sekolah dengan bantuan warden yang bertugas. Pengkaji telah mengedarkan borang soal selidik sendiri serta memberikan taklimat berkenaan kajian yang akan dijalankan kepada responden. Taklimat ini penting agar responden memahami maksud kajian dengan baik sebelum mengisi borang selidik. Responden juga turut diberi peluang bersoal jawab bersama pengkaji untuk mengelakkan kekeliruan ketika mengisi borang selidik.

Proses pengisian data ini berlaku dalam tempoh masa 20 minit selepas responden benar-benar faham maksud kajian yang sedang dijalankan. Semua borang soal selidik dikutip semula sejurus selepas sahaja diisi oleh responden tanpa ada yang tertinggal.

### iii) Kaedah Pemerhatian

---

<sup>202</sup> W.Lawrence Neuman, Social Research Methods Qualitative And Quantitative Approaches,(United States of America: Pearson Education, Inc, 2006), 191.

Pengkaji turut menggunakan kaedah pemerhatian tanpa penyertaan dalam kajian kualitatif bagi mendapatkan dapatan kajian sesuai dengan objektif yang dibina. Melalui kajian pemerhatian pengkaji dapat mengesahkan sendiri data-data daripada soal selidik agar segala keraguan dapat dirungkaikan. Selain itu, pengkaji juga dapat mengetahui dan mendalami<sup>203</sup> kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan secara terperinci. Bagi melicinkan kajian pengkaji memohon keizinan daripada pentadbir sekolah untuk membuat pemerhatian aktiviti pembelajaran Fiqh Ayat di dalam kelas. Peluang ini digunakan sebaiknya untuk melihat secara dekat pembelajaran Fqh Ayat yang dilaksanakan.

### iii) Kaedah Temu bual

Kaedah temubual dilakukan bagi mendapatkan pemahaman yang lebih lanjut daripada pendapat yang dikemukakan.<sup>204</sup> Dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah temu bual semi struktur berdasarkan tema-tema yang telah ditentukan. Melalui kaedah ini dapatan data yang lebih mendalam dapat diperolehi bagi menyokong dapatan soal selidik. Kaedah temubual ini sangat sesuai digunakan untuk mendapatkan data secara fleksibel dan natural kerana orang yang ditemuduga lebih mudah mengekspresikan maklumat dengan kata-kata.<sup>205</sup>

---

<sup>203</sup> Jeane W. Anastas, *Obsevation in Social Work Research and Evaluation Quantitative And Qualitative Approaches*, ed. Richard M. Grinnell, Jr, Yvonne A. Unrau, (New York, Oxford University Press Inc, Seven Edition, 2005), 214

<sup>204</sup> Fauzi Hussin, et al., *Kaedah Penyelidikan dan Analisis Data SPSS*. (Sintok, Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2014.), 121.

<sup>205</sup> Harvey L. Gochros, *Interviewing in Social Work Research and Evaluation Quantitative And Qualitative Approaches*, ed. Richard M. Grinnell, Jr, Yvonne A. Unrau (New York, Oxford University Press Inc, Seven Edition, 2005), 246

Bagi temu bual individu, seramai 5 orang pelajar dan 6 orang tenaga pengajar dilibatkan dalam sesi temubual setelah mendapatkan persetujuan. Temu bual dijalankan mengikut kesesuaian masa dan lokasi yang telah diatur. Pengkaji mendapatkan maklumat secara terperinci kaedah pelaksanaan Pdp Fiqh Ayat serta kesan langsung dan tidak langsung kepada pencapaian Fiqh Ayat dan hafazan. Setelah itu, seramai 5 orang pelajar pula dipilih untuk mengikuti proses hafazan dengan makna dan tanpa makna. Pelajar yang terlibat ini diberikan penerangan yang secukupnya sebelum aktiviti ini dilaksanakan. Seterusnya, pengkaji mendapatkan data pelajar melalui temu bual berdasarkan pengalaman proses menghafaz dengan makna dan tanpa makna.

### **3.8 Kaedah Analisis Data**

Pengkaji memilih kaedah analisis data sesuai dengan kaedah kajian kuantitatif dan kualitatif. Pendekatan metode analisis data secara induktif dan deduktif mengikut kesesuaian kajian.

#### **i. Analisis Data Kuantitatif**

Data kajian ini dianalisis dengan menggunakan perisian aplikasi *Statistical Package for the Social Sciences* SPSS yang ke-23. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif yang melibatkan pengiraan min, sisihan piawai. Dapatan soal selidik akan dianalisis secara deskriptif dengan melihat frekuensi, skor min, sisihan piawai. Kajian ini menggunakan interpretasi skor min dengan tiga tahapan iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Berdasarkan



kepada interpretasi skor min tersebut, nilai min (1.00 - 2.33) menunjukkan tahapan yang rendah, manakala nilai (2.34 - 3.66) pula menunjukkan kadar tahapan sederhana. Sementara nilai (3.67 – 5.00) pula menunjukkan tahap penguasaan yang tinggi. Semua nilai skor min ini akan diukur seperti jadual 3.2 berikut.

Jadual 3.2 Interpretasi Skor Min

Skor Min	Intepretasi (Tahap)
1.00- 2.33	Rendah
2.34- 3.66	Sederhana
3.67- 5.00	Tinggi

Sumber : Pallant (2007)<sup>206</sup>

Seterusnya analisis kaedah deduktif (menganalisis fakta yang general untuk menghasilkan fakta yang spesifik)<sup>207</sup> akan dijana bagi menyesuaikan dan mendapatkan jawapan kepada persoalan kajian dan objektif kajian.

Kaedah ini diperlukan bagi menangani kelompongan yang berlaku hasil daripada soal selidik yang dilaksanakan. Justeru kaedah ini dapat dimanfaatkan bagi mendapatkan hasil akhir bagi sesuatu kajian disamping dapat menentukan responden yang sesuai untuk tujuan temubual dan pemerhatian.

## ii. Analisis Data Kualitatif

<sup>206</sup> Pallant, J. (2007). SPSS Survival Manual. A Step by Step Guide to Data Analysis Using SPSS. Third Edition. Allen & Unwin.

<sup>207</sup> Memerlukan teori yang mengukur pembolehubah daripada konstruk yang diperincikan dalam instrumen soal selidik yang sebenarnya tidak lari daripada teori kajian.

Pengkaji menganalisis data kualitatif dengan melakukan tiga aktiviti analisis. Pertama: pengkaji membuat saringan data dengan mendapatkan data-data yang diperlukan daripada analisis dokumen, temubual dan tinjauan. Kedua: proses yang penting dalam aktiviti ini adalah pengekodan tema berdasarkan konstruk yang telah ditetapkan. Ketiga: data disusun mengikut konstruk dan objektif kajian agar mudah difahami dalam bentuk huraian tanpa mengasingkan dapatan antara responden.<sup>208</sup>

Pengkaji juga turut menggunakan kaedah analisis induktif (menganalisis suatu fakta spesifik kepada general)<sup>209</sup> daripada dapatan kajian kualitatif bagi membuat kesimpulan dalam kajian ini. Kaedah induktif yang digunakan dapat dilihat dalam menganalisis hasil dapatan yang mempunyai persamaan data ketara sekaligus dapat dimanfaatkan untuk memahami dan mendalami kajian ini. Seterusnya pengkaji membuat rumusan dan kesimpulan bagi menjawab persoalan-persoalan kajian yang dirancang.

### **3.9 Metode Penguasaan**

Penggedan diri sendiri telah dilakukan oleh pengkaji lepas dalam bidang bahasa dan klinikal dimana pelajar akan mengged diri mereka sendiri selepas melakukan sesuatu tugas. Selain markah peperiksaan sebenarnya banyak lagi kajian tahap penguasaan seseorang dapat diukur.

---

<sup>208</sup> W. Lawrence Neuman. *Social Research Methods Qualitative And Quantitative Approaches*. Pearson International Edition. 2006, 465.

<sup>209</sup> Mengeluarkan pembolehubah yang terhasil daripada dapatan temubual bersama partisipan yang terlibat dengan kajian ini secara mendalam.

Pelajar juga boleh dinilai melalui pemantauan dan pemerhatian terhadap pencapaian pelajar didalam kelas.<sup>210</sup> Oleh itu penilaian boleh berlaku secara external dan internal. *External* atau secara luaran adalah penilaian yang dilakukan menurut perspektif penguji atau guru melalui ujian atau peperiksaan. Manakala *internal* pula bermaksud penilaian dalaman iaitu penilaian dari diri sendiri.<sup>211</sup>

Justeru, tahap penguasaan secara sendiri (*self rating*) sesuai digunakan dalam kajian ini untuk menentukan tahap penguasaan yang mampu dicapai oleh pelajar. Kelebihan menggunakan kaedah ini adalah supaya dapat mengimbangkan gred markah secara luaran dan dalaman di antara guru dan pelajar sendiri. Kaedah ini juga penting dalam meningkatkan motivasi dengan usaha penambahbaikan yang boleh diberi perhatian terutamanya terhadap pengetahuan rubrik pemarkahan dalam kalangan pelajar. Kesedaran ini juga akan meningkatkan tahap professional penguji atau guru ketika memberikan gred markah kepada pelajar.<sup>212</sup>

Dalam teori pembelajaran dan motivasi (kognitif dan konstruktif) penilaian sendiri termasuk aspek terpenting didalam pembelajaran ini. Pelajar akan sentiasa menambahbaik pembelajaran dengan cara menyusun, menilai, serta menghubungkan pengetahuan dan kemahiran sedia ada dengan ilmu yang baru. Hal ini menyebabkan pelajar melalui

---

<sup>210</sup> Bernard S. Linn, et al., "Performance rating scale for peer and self assessment." *Medical Education*, (2009) 9:2, 98-101.

<sup>211</sup> Matt Occarson, "Self- Assessment of Language Proficiency : Rational And Applications," *Language Testing* (1989) 6: 1

<sup>212</sup> James H. McMillan and Jessica Hearn, "Student Self-Assessment: The Key to Stronger Student Motivation and Higher Achievement," *Educational Horizons*, (2008), 40-49.

pembelajaran yang lebih bermakna dan dapat meningkatkan motivasi pembelajaran dengan lebih baik.<sup>213</sup>

Berdasarkan kenyataan diatas pengkaji mendapati bahawa penilaian sendiri dalam kajian soal selidik wajar diketengahkan bagi mendapatkan maklumat berkenaan penguasaan dan pencapaian pelajar khususnya dalam kontek kajian Fiqh Ayat ini. Tambahan pula pengkaji turut memuatkan juga markah peperiksaan terkini pelajar bagi menyokong tahap penguasaan Fiqh Ayat. Disamping itu pengkaji turut membuat pemerhatian bagi mengesahkan penguasaan pelajar yang mengikuti kelas PdP Fiqh Ayat.

### **3.10 Rumusan**

Pada bab ini membincangkan berkenaan metodologi kajian yang dijalankan berkaitan sampel kajian, populasi kajian, pembinaan instrumen kajian, kajian rintis, kesahan, kebolehpercayaan, prosedur pengumpulan data dan kaedah analisis yang digunakan. Reka bentuk kajian ini menggunakan kajian kuantitatif berbentuk tinjauan dengan instrumen soal selidik dan kajian kualitatif berbentuk tinjauan dan temubual bagi menjelaskan lagi kajian ini. Pengumpulan data kuantitatif diperolehi daripada instrumen soal selidik pelajar di MITTIS dan data kuantitatif diperolehi melalui protokol temubual bersama pelajar MITTIS yang terpilih. Data kajian kuantitatif dianalisis menggunakan perisian SPSS sementara analisis data kualitatif dibuat secara induktif. Kemudian data keseluruhan akan dianalisis bersesuaian dengan keperluan kajian. Secara keseluruhan bab ini dapat mennggambarkan

---

<sup>213</sup> Lorrie A. Shepard, *The Role of Classroom Assessment in Teaching and Learning*, (Los Angeles: The Regents of the University of California, 2000), 54-58

kaedah kajian dan kaedah analisis yang dijalankan dalam kajian ini agar dapatan kajian yang dihasilkan dapat didalami dengan baik.

Universiti Malaya

## **BAB 4**

### **DAPATAN KAJIAN**

#### **4.1 Pengenalan**

Penulisan pada bab ini akan dimulakan dengan membentangkan dapatan bahagian latar belakang responden. Seterusnya dapatan kaji selidik akan dipaparkan mengikut susunan bahagian A, B, C dan D iaitu bahagian latar belakang, pembelajaran, penguasaan dan keberkesanan. Dalam kajian soal selidik ini, hanya dua bentuk analisis yang akan digunakan iaitu analisis komparatif yang bertujuan menerangkan perbandingan antara skala sangat setuju sehingga sangat tidak setuju serta skala sangat baik sehingga sangat lemah.

Manakala analisis statistik deskriptif akan menerangkan nilai min, sisihan piawai, kekerapan, peratusan. Sementara Analisis latar belakang responden merujuk kepada maklumat latar belakang jantina, umur, tingkatan dan jumlah juzuk hafazan. Disamping itu pengkaji juga menyertakan sekali dapatan temubual 6 orang tenaga pengajar MITTIS yang akan diwakili dengan TP1, TP2, TP3, TP4, TP5 dan TP6. Manakala dapatan temubual bersama 5 pelajar akan diwakili dengan P1, P2, P3, P4 dan P5.

Seterusnya dapatan kaji selidik pelajar dalam penguasaan Fiqh Ayat akan dibentangkan berdasarkan pembelajaran secara umum dan pembelajaran PdP Fiqh Ayat setelah mempelajari Fiqh Ayat. Selain daripada kaji selidik ini, pengkaji turut menyelidiki tahap penguasaan Fiqh Ayat pelajar MITTIS melalui markah keputusan peperiksaan terkini dengan mengkategorikan beberapa tahap penguasaan Fiqh Ayat dengan hafazan pelajar.

Disamping itu pengkaji turut menjalankan penyelidikan secara mendalam melalui temubual bersama tenaga pengajar serta mendapatkan dapatan pemerhatian.

Penulisan ini dilanjutkan dengan membincangkan analisis keberkesanan Fiqh Ayat terhadap hafazan berdasarkan hasil dapatan kaji selidik dan temubual serta mengemukakan perbincangan berkenaan keberkesanan Fiqh Ayat pelajar MITTIS. Disamping itu pengkaji turut membincangkan perkaitan diantara hafazan dan kefahaman al-Qur’ān bagi menjelaskan objektif kajian. Pada akhirnya rumusan bab akan menamatkan perbincangan pada bab ini.

## 4.2 Dapatan Bahagian Latar Belakang

Jadual 4.1. Taburan Frekuensi dan Peratus Taburan Maklumat Jantina, Umur, Tingkatan dan Jumlah Juzuk Hafazan Pelajar.

		<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Jantina</b>	Lelaki	75	72.8
	Perempuan	28	27.2
	Jumlah	103	100
<b>Umur &amp; Tingkatan</b>	13	21	20.4
	14	20	19.4
	15	35	34.
	16	12	11.7
	17	15	14.6
	Jumlah	103	100
<b>Jumlah Juzuk Hafazan</b>	1 – 6	36	37.0
	7 – 13	26	26.7
	14 – 19	23	23.6
	20 – 26	10	10.3
	27 – 30	8	8.24
	Jumlah	103	100

Sumber: Soal selidik terhadap 103 orang responden di MITTIS Sabak Bernam, 16 Mei 2021.

Jadual 4.1 menunjukkan taburan frekuensi dan peratus taburan maklumat jantina, umur, tingkatan dan jumlah juzuk hafazan pelajar yang melibatkan 103<sup>214</sup> responden dalam kalangan pelajar Maahad Integrasi Tahfiz Tunas Ilmuwan Islam Sabak Bernam yang mengikuti Kurikulum Bersepadu Tahfiz. Responden ini dipilih secara rawak mudah terdiri daripada 75 atau (72.8%) responden lelaki dan 28 atau (27.2%) responden perempuan. Pengkaji memilih responden berlainan jantina kerana ingin memastikan jumlah sampel mencukupi dan merangkumi pelajar lelaki dan perempuan

Responden juga dipilih daripada pelbagai umur dan tingkatan kerana dipercayai dapat memberikan maklumat sebenar yang mewakili populasi pengalaman pembelajaran KBT di MITTIS. Pengkaji juga turut mendapatkan responden yang mempunyai bilangan juzuk hafazan yang pelbagai bagi mendapatkan data yang lebih sebenar. Responden kajian ini terdiri daripada 19 orang pelajar tingkatan satu berumur 13 tahun mewakili (18.4%) , 22 orang pelajar tingkatan 2 berumur 14 tahun mewakili (21.4%).

Sementara responden daripada tingkatan tiga berumur 35 tahun mencatatkan bilangan tertinggi iaitu 35 responden . Sementara itu responden bagi tingkatan 5 berumur 18 tahun mewakili (14.6%) dicatatkan sebanyak 15 orang pelajar. Sebanyak 12 responden daripada pelajar tingkatan 4 berumur 16 tahun mewakili (11.7%) menjadi kelompok yang paling rendah. Jumlah bilangan yang tidak sekata ini adalah berdasarkan jumlah kemasukan tahunan yang berbeza setiap tahun di MITTIS.

---

<sup>214</sup> Sampel responden mewakili populasi 140 orang pelajar MITTIS berdasarkan jadual kiraan kaedah persampelan Krjcie dan Morgan.



Berdasarkan umur pelajar yang pelbagai maka jumlah juzuk hafazan juga berbeza bagi setiap tingkatan. Tahapan jumlah juzuk yang dihafaz ini telah dikelompokkan mengikut kategori juzuk tertentu. Kategori jumlah juzuk hafazan yang paling ramai ialah (1- 6) juzuk terdapat seramai 36 responden mewakili (37%) diikuti kategori jumlah juzuk (7-13) seramai 23 responden mewakili (26.7%). Seterusnya kategori (14-19) dicatatkan seramai 23 responden mewakili (23.6%) dan kategori (20-26) terdapat seramai 10 responden mewakili (10.3%). Sementara bagi kategori (27-30) pula terdapat 8 responden mewakili (8.34%) dicatatkan menjadikan jumlah bilangan yang paling sedikit dicapai oleh responden. Taburan perbezaan tahap juzuk hafazan ini penting bagi pengkaji membuat penilaian dan analisis tahap penguasaan Fiqh Ayat yang mempunyai kaitan silibus dengan hafazan.

Dapatan bahagian A latarbelakang bagi mendapatkan gambaran keseluruhan responden dan penting bagi pengkaji untuk membuat penilaian dalam memilih peserta kajian yang sesuai untuk sesi temubual dan sebagai subjek pemerhatian. Jumlah bilangan pelajar lelaki dan perempuan bagi setiap kluster tingkatan yang tidak sekata ini diperlukan bagi menentukan subjek kajian yang dapat mewakili keseluruhan populasi.

### **4.3 Dapatan Pembelajaran Fiqh Ayat**

Dapatan pembelajaran Fiqh Ayat ini adalah merangkumi dapatan soal selidik dan temubual. Dapatan soal selidik pembelajaran Fiqh Ayat akan dibentangkan terlebih dahulu dengan menggunakan analisis deskriptif seterusnya diikuti dengan perbincangan daripada data temubual pelaksanaan pembelajaran Fiqh Ayat.

### 4.3.1 Dapatan Soal Selidik Pembelajaran Fiqh Ayat

Dapatan soal selidik pembelajaran Fiqh Ayat terhadap responden dalam kalangan pelajar MITTIS adalah seperti mana yang terdapat di Jadual 3.6.

Jadual 4.2 : Taburan Kekerapan, Min, Sisihan Piawai Dan Interpretasi Pembelajaran Fiqh Ayat pelajar

Bil	Pernyataan	Frekuensi					Min	SP	Indikator
		STS	TS	TP	S	SS			
1	Penggunaan terjemahan al-Qur'ān membantu saya memahami maksud ayat.	-	1	8	56	38	4.27	0.64	Tinggi
2	Penguasaan asas bahasa arab dapat membantu saya menterjemahkan makna ayat.	-	8	19	53	23	3.88	0.84	Tinggi
3	Saya dapat memahami makna ayat dengan bimbingan guru.	1	7	26	46	23	3.81	0.89	Tinggi
4	Saya lebih memahami makna ayat apabila kaedah pengajaran Fiqh Ayat dipelbagaikan.	2	8	50	25	18	3.48	0.93	Sederhana
5	Masa yang diperuntukkan dalam pembelajaran Fiqh.	4	24	52	22	1	2.92	0.80	Sederhana
Min Keseluruhan							3.67	0.82	Tinggi

Sumber: Soal selidik terhadap 103 orang responden di MITTIS Sabak Bernam, 16 Mei 2021.

Dapatan kajian di atas menunjukkan pembelajaran Fiqh Ayat dalam kalangan pelajar MITTIS, pengkaji telah menganalisis data yang diperolehi daripada soal selidik responden. Jadual 3.6 di bawah menunjukkan taburan min, kekerapan (frekuensi), sisihan piawai dan interpretasi pembelajaran Fiqh Ayat pelajar MITTIS. Dapatan kajian yang dijalankan menunjukkan min pada tahap tinggi bagi satu pernyataan dan tiga pernyataan dengan sederhana serta satu pernyataan pada tahap

rendah. Min keseluruhan bagi tahap pembelajaran Fiqh Ayat dalam kalangan responden ialah 3.67 dengan sisihan piawai 0.82 berada pada tahap tinggi.

Bagi pernyataan penggunaan terjemahan al-Qur'ān membantu saya memahami maksud ayat (min: 4.27, sisihan piawai: 0.64), 56 orang mewakili 54.4 peratus daripada responden bersetuju dengan pernyataan dan 38 orang mewakili 36.9 peratus daripada responden sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut. Berbanding 1 orang mewakili 1 peratus tidak bersetuju dengan pernyataan ini.

Bagi pernyataan Penguasaan asas bahasa arab dapat membantu saya menterjemahkan makna ayat (min: 3.88, sisihan piawai: 0.84), 53 orang mewakili 51.5 peratus daripada responden bersetuju dan 23 orang mewakili 22.3 peratus daripada responden sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut. Berbanding 8 orang mewakili 7.8 peratus daripada responden tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Pernyataan saya dapat memahami makna ayat dengan bimbingan guru (min: 3.81, sisihan piawai: 0.89), menunjukkan seramai 46 orang mewakili 44.7 peratus responden bersetuju dan 23 orang mewakili 22.3 peratus daripada responden sangat bersetuju dengan pernyataan yang diberikan. Berbanding 7 orang mewakili 6.8 peratus daripada responden tidak bersetuju dan seorang mewakili 1 peratus responden sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Pernyataan saya lebih memahami makna ayat apabila kaedah pengajaran Fiqh Ayat dipelbagaikan ( min: 3.48, sisihan piawai 0.93), seramai 25 orang mewakili 24.3 peratus responden bersetuju dan 18 orang mewakili 17.5 peratus responden sangat

bersetuju dengan pernyataan tersebut. Manakala 8 orang mewakili 7.8 peratus daripada responden tidak bersetuju dan 2 orang mewakili 1.9 peratus responden sangat tidak bersetuju dengan pernyataan yang diberikan. Bagi pernyataan Masa yang diperuntukkan dalam pembelajaran Fiqh. (min: 2.92, sisihan piawai: 0.80), 24 orang mewakili 23.3 peratus daripada responden tidak bersetuju dengan pernyataan yang diberikan. Berbanding 22 orang mewakili 21.4 peratus setuju dengan pernyataan ini dan seorang mewakili 1 peratus sangat setuju dengan pernyataan tersebut.

Analisis pembelajaran Fiqh Ayat dalam kalangan pelajar menunjukkan penggunaan terjemahan al-Qur'ān sangat diperlukan responden dalam memahami maksud ayat al-Qur'ān dengan nilai min tertinggi sesuai dengan dapatan kefahaman makna ayat dapat ditingkatkan dengan penggunaan al-Qur'ān terjemahan oleh Abdul Jalal.<sup>215</sup> Ini berikutan kekangan penguasaan asas bahasa arab yang menyebabkan responden memerlukan bimbingan guru dari aspek memahami maksud ayat al-Qur'ān yang benar. Disamping itu, dapatan berkenaan masa yang diperuntukkan dalam pembelajaran Fiqh Ayat dikenalpasti pada tahap sederhana oleh responden. Kecenderungan ini berikutan sebahagian pelajar telah bersedia daripada awal membaca dan memahami makna ayat serta tidak lagi memerlukan masa yang lebih lama dalam kelas Fiqh Ayat.

Analisis persepsi pelajar terhadap pengajaran guru dapat dilihat berdasarkan item “saya lebih memahami makna ayat apabila kaedah pengajaran Fiqh Ayat

---

<sup>215</sup> Abdul Jalal et al., “Keberkesanan Kaedah Kefahaman Makna Al-Quran Berbantuan Al-Quran Terjemahan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Hifz Al-Quran”. Laporan Penyelidikan Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia , (2015).

dipelbagaikan” menunjukkan nilai min berada pada tahap sederhana lebih kurang sama dengan dapatan Azmil.<sup>216</sup> Hal ini kerana pelaksanaan pembelajaran guru masih perlu ditambah baik kerana pelajar meyakini bahawa mereka mampu memahami maksud ayat dengan bimbingan guru<sup>217</sup> sebagaimana nilai min yang berada pada tahap tinggi pada item “Saya dapat memahami makna ayat dengan bimbingan guru.”

#### **4.3.2 Dapatan Temu Bual Pelaksanaan Pembelajaran Fiqh Ayat**

Pelaksanaan pembelajaran sangat berkait rapat dengan guru dan pelajar. Pelaksanaan pembelajaran juga adalah aktiviti yang dijalankan dalam proses pembelajaran. Pembelajaran akan sentiasa berlaku sama ada secara rasmi atau tidak rasmi. Penumpuan penulisan pada bahagian ini akan memfokuskan berkenaan pelaksanaan pembelajaran Fiqh Ayat dari aspek sebelum, semasa dan selepas pembelajaran di MITTIS .

##### **i. Sebelum**

Sebahagian pelajar MITTIS menentukan dahulu ayat yang akan dihafaz dan difahami maknanya. Seterusnya ayat hafazan akan dibaca dan difahami maknanya dengan memperincikan dahulu makna perkataan demi perkataan. Setelah itu terjemahan perkataan-perkataan dalam ayat al-Qur’ān digabungkan bagi membentuk kefahaman makna ayat berdasarkan teks terjemahan al-Qur’ān. Proses ini boleh berlaku sama ada sebelum atau selepas menghafaz al-

---

<sup>216</sup> Azmil Hashim, et al.. “Strategi Pengajaran Tafsir Al-Quran Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam.” *Journal of Islamic and Arabic Education* 10.2 (2018): 1–9.

<sup>217</sup> *Ibid.*

Qur'ān. Berdasarkan dapatan, pelajar lebih memilih membaca dan memahami makna ayat al-Qur'ān selepas selesai menghafaz al-Qur'ān. Namun begitu ada sebahagian pelajar sangat mementingkan kefahaman makna ayat kerana dapat memudahkan proses menghafaz berdasarkan temubual bersama informan.<sup>218</sup>Walaupun, sebahagian pelajar telah membuat persediaan Fiqh Ayat sebelum kelas Fiqh Ayat dilaksanakan berdasarkan dapatan temubual berikut.<sup>219</sup>Pelajar turut memastikan persediaan Fiqh Ayat akan berlaku pertambahan seiring dengan hafazan mengikut silibus yang telah ditetapkan.<sup>220</sup>

ii. Semasa

Peruntukan jadual waktu Fiqh Ayat adalah termasuk dalam waktu Hifz al-Qur'ān. Sesi Pdp Fiqh Ayat dilaksanakan sejurus selepas pelajar telah menyelesaikan aktiviti tasmik hafazan. Pembelajaran Fiqh Ayat adalah sebagai aktiviti pengayaan dan pengukuhan selari dengan objektif KBT iaitu mengetahui makna ayat al-Qur'ān. Pelaksanaan pembelajaran Fiqh Ayat didapati berdasarkan panduan aktiviti KBT secara umum. Namun panduan itu belum memadai kerana setakat ini masih tiada modul Fiqh Ayat yang khusus yang dibekalkan pihak berwajib dalam memudahkan guru dan pelajar melaksanakan pembelajaran Fiqh Ayat dari sudut isi kandungan.<sup>221</sup>

---

<sup>218</sup> P2: "Aaa.. saya mula sejak form2 baru try guna macam kaedah guna maksud ni kan. Baru try guna form 2. Tapi sekarang tengok lagi senang.."

<sup>219</sup> P1: "Kalau macam sebelum kelas..saya nak fahamkan dengan baca dulu la.. sendiri ayat-ayat hafazan ."

<sup>220</sup> P2:"kitorang kalau tasmik setiap muke tu kene bagi 1 Fiqh Ayat. Pelajar yang tentukan ayat ikut mana yang dah tasmik.."

<sup>221</sup> Wan Habibah Daud, Katua Jabatan Al-Qur'ān MITTIS, dalam temubual bersama penulis, 4 Jun 2021.

Pada hakikatnya pelajar memerlukan bimbingan guru dalam pembelajaran Fiqh Ayat. Penerapan asas bahasa arab sering diterapkan dalam Pdp Fiqh Ayat.<sup>222</sup> Sebahagian Pelajar menunjukkan reaksi atau respon yang sangat baik sekiranya guru mengajar Fiqh Ayat sebelum pelajar menghuraikan Fiqh Ayat.<sup>223</sup> Sebahagian pelajar juga turut diberikan peluang membaca ayat terjemahan yang tertentu dan diminta menghuraikan semula kepada guru. Situasi ini selalunya berlaku kepada tingkatan 1 yang masih belum mengetahui pelaksanaan pembelajaran Fiqh Ayat.<sup>224</sup>

Pelaksanaan pembelajaran ini berlaku mengikut kesediaan pelajar dan guru disamping pengutamaan aspek hafazan dan muraja'ah.<sup>225</sup> Walaupun terdapat sebahagian pelajar yang mengharapkan pelbagai aktiviti pembelajaran Fiqh Ayat dapat dijalankan, namun perlu mengambil kira masa yang diperuntukkan dan pendekatan pengajaran guru. Ini dapat dilihat daripada dapatan temubual bersama pelajar yang menyatakan pelajar memahami masa yang diperuntukkan tidak banyak dan akur dengan pendekatan pengajaran guru.<sup>226</sup>

iii. Selepas

---

<sup>222</sup> TP 4 “*Saya terapkan pengajaran Fiqh Ayat ini berdasarkan pemahaman dan penguasaan bahasa arab*”

<sup>223</sup> P5: “*Saya dapat lebih memahami makna ayat sekiranya pembelajaran dipelbagaikan*”.

<sup>224</sup> TP 3 : “*Kalau ana punya cara mintak pelajar baca 5 baris...ni kalau dia tak dapat sebut Fiqh Ayat jadi.. cukup sekadar dia baca terjemahan jela..*”

<sup>225</sup> Wan Habibah Daud, Katua Jabatan Al-Qur’ān MITTIS, dalam temubual bersama penulis, 4 Jun 2021.

<sup>226</sup> P3 “*Semasa kelas saya ikut sahaja pengajaran guru..*”

Selepas aktiviti PdP pelajar dikehendaki mengulangkaji Fiqh Ayat secara sendiri melalui murajaah ayat hafazan. Kefahaman makna ayat ini perlu diulang kaji sepertimana aktiviti murajaah hafazan. Para sahabat dan tabi' n sering memanfaatkan aktiviti murajaah dengan penuh penghayatan terhadap kefahaman Fiqh Ayat sehingga mampu mengistinbatkan hukum syara'.<sup>227</sup> Kefahaman yang mantap dan penghayatan yang mendalam sangat diperlukan pada zaman ini berikutan kemunculan banyak permasalahan baru yang memerlukan jalan penyelesaian daripada al-Qur'ān.

Antara aktiviti pengukuhan selepas PdP Fiqh Ayat yang dilaksanakan di MITTIS adalah seperti meyampaikan terjemahan ayat al-Qur'ān dalam perhimpunan.<sup>228</sup> *Banner* berkenaan Fiqh Ayat digantung di dinding sepanjang laluan surau sekolah agar dapat menambahkan perbendaharaan kata al-Qur'ān.<sup>229</sup> Selain itu, bimbingan guru secara intensif dalam memahami maksud ayat turut dilaksanakan untuk persediaan peperiksaan dan ujian penggal persekolahan.

Dapatan ini menunjukkan bahawa pembelajaran Fiqh Ayat ini dilaksanakan dalam tiga fasa iaitu sebelum, semasa dan selepas. Persediaan pelajar pada fasa sebelum dapat memudahkan pembelajaran Fiqh Ayat pelajar

---

<sup>227</sup> Suhaimi. "Pelatihan Cara Praktis Mencari Dan Memahami Ayat-Ayat Hukum Dalam Al-Qur'an Pada Madrasah Diniyah Di Desa Pademawu Timur Kec. Pademawu Kab. Pamekasan", Seminar Nasional Hasil Pengabdian Kepada Masyarakat SENIAS 2.1 (2018), 296-298

<sup>228</sup> Wan Habibah Daud, Ketua Jabatan Al-Qur'ān MITTIS, dalam temubual bersama penulis, 4 Jun 2021.

<sup>229</sup> P5 "Bagi saya... benda tu membantu la..sebab kadang kalau ayat tu ditampal kat tiang surau..kadang kalau kita nak solat kan kita tengok sekali lalu kan..kita akan nampak dan kita akan baca.."



pada fasa semasa dan selepas. Pelajar didapati memerlukan masa yang mencukupi agar pelaksanaan pembelajaran Fiqh Ayat dapat dilaksanakan dengan baik.

#### **4.4 Dapatan Tahap Penguasaan Fiqh Ayat**

Dapatan tahap penguasaan Fiqh Ayat ini merangkumi dapatan daripada soal selidik, markah Fiqh Ayat dan temubual.

##### **4.4.1 Dapatan Soal Selidik Tahap Penguasaan Fiqh Ayat**

Pada bahagian ini pengkaji menganalisis hasil dapatan responden secara deskriptif bagi analisis min, sisihan piawai dan membuat interpretasi berdasarkan seperti dalam jadual 4.1. Pengkaji akan membahagikan dapatan ini kepada 2 bahagian analisis bahagian penguasaan untuk membezakan penguasaan umum (pembelajaran sendiri) dan penguasaan setelah mempelajari Fiqh Ayat.

##### **4.4.1.1 Tahap Penguasaan Fiqh Ayat Secara Kendiri**

Penguasaan Fiqh Ayat secara sendiri dalam kalangan pelajar dikenalpasti berdasarkan analisis dapatan bahagian C soal selidik yang disediakan. Jadual 4.3 menunjukkan taburan kekerapan (frekuensi), min, sisihan piawai dan interpretasi penguasaan Fiqh Ayat secara umum di MITTIS. Analisis dapatan kajian mendapati min bagi empat pernyataan berada pada tahap sederhana dan satu pernyataan pada tahap rendah. Min keseluruhan pembelajaran Fiqh Ayat dalam kalangan responden ialah 2.64 dengan sisihan piawai 0.93 berada pada tahap sederhana.

Jadual 4.3 : Taburan Kekerapan, Min, Sisihan Piawai Dan Interpretasi Persepsi Murid Terhadap Penguasaan Fiqh Ayat KBT Secara Kendiri

B	Pernyataan	Frekuensi					Min	SP	Indikator
		SL	L	S	B	SB			
1	Saya mengetahui makna terjemahan perkataan didalam al-Qur'an.	4	25	52	13	9	2.98	0.94	Sederhana
2	Saya memahami maksud ayat hafazan secara umum.	4	33	37	25	4	2.92	0.94	Sederhana
3	Saya dapat mengeluarkan pengajaran ayat yang telah dihafaz.	12	33	42	13	3	2.63	0.95	Sederhana
4	Saya dapat menghuraikan intisari makna ayat yang telah dihafaz.	12	39	43	6	3	2.50	0.88	Sederhana
5	Saya mampu mengenalpasti kesalahan terjemahan makna ayat al-Qur'an.	26	42	25	10	-	2.18	0.92	Rendah
Min Keseluruhan							2.64	0.93	Sederhana

Sumber: Soal selidik terhadap 103 orang responden di MITTIS Sabak Bernam, 16 Mei 2021

Berdasarkan jadual 4.3, bagi pernyataan saya mengetahui makna terjemahan perkataan didalam al-Qur'an (min: 2.98, sisihan piawai 0.94), 65 orang pelajar mewakili 50.5% daripada responden berada tahap sederhana diikuti tahap lemah sebanyak 25 orang pelajar mewakili 24.3% dan sangat lemah 4 orang pelajar yang mewakili 3.9%. Sebaliknya 13 orang pelajar mewakili 12.6% daripada responden berada tahap baik dan hanya 9 mewakili 8.7% daripada responden direkodkan berada pada tahap yang sangat baik. Bagi pernyataan saya memahami maksud ayat hafazan secara umum (min: 2.92, sisihan piawai 0.94), majoriti responden berada tahap sederhana iaitu sebanyak 37 orang pelajar mewakili 35.9% daripada responden. Manakala sebanyak 33 orang pelajar bersamaan 32% daripada responden berada pada tahap lemah diikuti 4 orang pelajar bersamaan 3.9% daripada responden

ditahap sangat lemah. Sebaliknya 25 orang pelajar mewakili 24.3% daripada responden didapati berada tahap yang baik. Sementara itu hanya 4 orang pelajar mewakili 3.9% daripada responden berada pada tahap yang sangat baik.

Bagi pernyataan saya dapat mengeluarkan pengajaran ayat yang telah dihafaz (min: 2.63, sisihan piawai 0.95) sebanyak 42 orang pelajar bersamaan 40.8% daripada responden berada tahap sederhana. Manakala sebanyak 33 orang pelajar bersamaan 32% berada pada tahap lemah diikuti 12 orang pelajar bersamaan 11.7% ditahap sangat lemah. Sebaliknya 13 responden mewakili 12.6% daripada responden didapati berada tahap yang baik. Sementara itu hanya 3 orang pelajar mewakili 2.9% daripada responden berada pada tahap yang sangat baik. Bagi pernyataan saya dapat menghuraikan intisari makna ayat yang telah dihafaz (min: 2.50, sisihan piawai 0.88), sebanyak 43 orang pelajar bersamaan 41.7% daripada responden berada tahap sederhana. Manakala sebanyak 39 orang pelajar bersamaan 37.9% daripada responden berada pada tahap lemah diikuti 12 orang pelajar bersamaan 11.7% ditahap sangat lemah. Sebaliknya 6 orang pelajar mewakili 5.8% daripada responden didapati berada tahap yang baik. Sementara itu hanya 3 orang pelajar mewakili 2.9% daripada responden berada pada tahap yang sangat baik.

Bagi pernyataan saya mampu mengenalpasti kesalahan terjemahan makna ayat al-Qur'ān (min: 2.18, sisihan piawai 0.92), sebanyak 42 orang

pelajar bersamaan 40.8% daripada responden berada pada tahap lemah diikuti 26 orang pelajar bersamaan 25.2% daripada responden berada ditahap yang sangat lemah. Manakala sebanyak 25 orang pelajar bersamaan 24.3% daripada responden berada tahap sederhana. Sebaliknya hanya 10 orang pelajar mewakili 9.7% daripada responden didapati berada tahap yang baik.

Berdasarkan analisis min diatas, elemen penguasaan Fiqh Ayat responden lebih tertumpu kepada mengetahui makna terjemahan perkataan dan memahami maksud ayat al-Qur'ān secara umum dengan nilai min (2.98, 2.92) pada tahap sederhana. Dapatan ini berbeza dengan kajian Nurain<sup>230</sup> yang mendapati nilai min masing-masing yang lebih rendah (2.17, 2.18) sebaliknya kajian Azmil<sup>231</sup> mendapati nilai min yang tinggi (3.88, 3.90). Perbezaan ini menunjukkan wujudnya peluang kepada responden untuk meningkatkan tahap penguasaan Fiqh Ayat yang lebih tinggi dimana sebahagian responden didapati mampu mengeluarkan pengajaran ayat dan menghuraikan intisari ayat al-Qur'ān walaupun pada tahap yang sederhana sebagaimana dapatan kajian Azmil. Walaubagaimapun responden didapati kurang menguasai tahap yang lebih tinggi iaitu penguasaan dalam mengenal pasti kesalahan terjemahan makna ayat al-Qur'ān kerana responden memerlukan pembelajaran yang lebih mendalam.

---

<sup>230</sup> Nurain Zainal Abidin, Tahap Pengetahuan Pelajar Tahfiz Terhadap Tadabbur Al-Quran Di Maahad Tahfiz Dar Al-Abrar, Teluk Rubiah Seri Manjung, Perak. Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, (2017).

<sup>231</sup> Azmil Hashim & Abdul Halim Tamuri, Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Pembelajaran Tahfiz Al-Quran Di Malaysia. *Journal Of Islamic And Arabic Education*, 4.2(2012), 1–10.

#### 4.4.1.2 Penguasaan Fiqh Ayat Yang Telah Dipelajari

Penguasaan Fiqh Ayat yang telah dipelajari dapat dikenalpasti berdasarkan analisis dapatan soal selidik pada bahagian C yang kedua. Jadual 4.4 menunjukkan taburan kekerapan (frekuensi), min, sisihan piawai dan interpretasi penguasaan Fiqh Ayat yang telah dipelajari di MITTIS. Analisis dapatan kajian menunjukkan min berada pada tahap sederhana bagi semua pernyataan dan min keseluruhan penguasaan Fiqh Ayat yang telah dipelajari dalam kalangan responden ialah 3.40 dengan sisihan piawai 1.11 berada pada tahap sederhana.

Jadual 4.4 : Taburan Kekerapan, Min, Sisihan Piawai Dan Interpretasi Penguasaan Fiqh Ayat KBT Yang Telah Dipelajari

Bil	Pernyataan	Frekuensi					Min	SP	Indikator
		SL	L	S	B	SB			
1	Saya menjaga sebutan makhraj huruf yang betul agar dapat memelihara makna ayat yang telah dipelajari.	4	17	23	42	17	3.50	1.07	Sederhana
2	Saya dapat menceritakan kisah-kisah yang terdapat didalam surah yang telah dipelajari.	4	20	29	31	19	3.40	1.11	Sederhana
3	Saya menjaga kaedah bacaan waqaf 'ibtida' yang betul agar dapat memelihara makna ayat yang telah dipelajari.	5	15	40	33	10	3.27	0.99	Sederhana
4	Saya mengetahui maksud ayat hukum yang terdapat dalam ayat yang telah dipelajari	4	20	46	26	7	3.12	0.93	Sederhana
5	Saya boleh menterjemahkan makna ayat yang telah dipelajari.	7	21	38	33	4	3.06	0.98	Sederhana
6	Saya mampu menghuraikan sebab penurunan ayat yang telah dipelajari.	11	37	31	23	1	2.67	0.97	Sederhana
Min Keseluruhan							3.17	1.01	Sederhana

Sumber: Soal selidik terhadap 103 orang responden di MITTIS Sabak Bernam, 16 Mei 2021

Berdasarkan jadual 4.4, bagi pernyataan saya menjaga sebutan makhraj huruf yang betul agar dapat memelihara makna ayat yang telah dipelajari (min: 3.50, sisihan piawai 1.07), sebanyak 42 orang pelajar mewakili 40.8% daripada responden didapati berada tahap yang baik diikuti 17 orang pelajar mewakili 16.5% daripada responden berada pada tahap yang sangat baik. Sebaliknya sebanyak 23 orang pelajar bersamaan 22.3% daripada responden berada pada tahap lemah diikuti 17 orang pelajar bersamaan 16.5% ditahap sangat lemah. Sementara itu, sebanyak 23 orang pelajar bersamaan 22.3% daripada responden berada tahap sederhana.

Bagi pernyataan saya dapat menceritakan kisah-kisah yang terdapat didalam surah yang telah dipelajari (min: 3.40, sisihan piawai 1.11), sebanyak 31 orang pelajar mewakili 30.1% daripada responden didapati berada tahap yang baik diikuti 19 orang pelajar mewakili 18.4% daripada responden berada pada tahap yang sangat baik. Sebaliknya sebanyak 20 orang pelajar bersamaan 19.4% daripada responden berada pada tahap lemah diikuti 4 orang pelajar bersamaan 3.9% ditahap sangat lemah. Sementara itu, sebanyak 29 orang pelajar bersamaan 28.2% daripada responden berada tahap sederhana.

Bagi pernyataan saya menjaga kaedah bacaan waqaf ibtida' yang betul agar dapat memelihara makna ayat yang telah dipelajari (min: 3.27, sisihan piawai 0.99) sebanyak 40 orang pelajar bersamaan 38.8% daripada responden berada tahap sederhana. Manakala 33 responden mewakili 32.0% daripada responden didapati berada tahap yang baik. Sementara itu hanya 10

orang pelajar mewakili 9.7% daripada responden berada pada tahap yang sangat baik.. Sebaliknya sebanyak 15 orang pelajar bersamaan 14.6% berada pada tahap lemah diikuti 5 orang pelajar bersamaan 4.9% ditahap sangat lemah. Bagi pernyataan saya mengetahui maksud ayat hukum yang terdapat dalam ayat yang telah dipelajari (min: 3.12, sisihan piawai 0.93), sebanyak 46 orang pelajar bersamaan 44.7% daripada responden berada tahap sederhana. Manakala 26 responden mewakili 25.2% daripada responden didapati berada tahap yang baik. Sementara itu hanya 7 orang pelajar mewakili 6.8% daripada responden berada pada tahap yang sangat baik.. Sebaliknya sebanyak 20 orang pelajar bersamaan 19.4% berada pada tahap lemah diikuti 7 orang pelajar bersamaan 6.8% ditahap sangat lemah.

Bagi pernyataan saya boleh menterjemahkan makna ayat yang telah dipelajari (min: 3.06, sisihan piawai 0.98), 38 orang pelajar mewakili 36.9% daripada responden berada tahap sederhana diikuti tahap baik sebanyak 33 orang pelajar mewakili 32% dan sangat baik 7 orang pelajar yang mewakili 6.8%. Sebaliknya 21 orang pelajar mewakili 20.4% daripada responden berada tahap lemah dan 7 orang pelajar mewakili 6.8% daripada responden direkodkan sangat lemah.

Bagi pernyataan saya mampu menghuraikan sebab penurunan ayat yang telah dipelajari (min: 2.67, sisihan piawai 0.97), sebanyak 37 orang pelajar bersamaan 35.9% daripada responden berada pada tahap lemah diikuti 11 orang pelajar bersamaan 10.7% daripada responden berada ditahap sangat

lemah. Sebaliknya 23 orang pelajar mewakili 22.3% daripada responden didapati berada tahap yang baik. Sementara itu hanya 1 orang pelajar mewakili 1.0% daripada responden berada pada tahap yang sangat baik. Manakala responden berada tahap sederhana pula terdapat sebanyak 31 orang pelajar mewakili 30.1% daripada responden.

Dapatan analisis ini menunjukkan peranan guru penting dalam membimbing pelajar menguasai maksud ayat hukum dengan nilai (min:3.02), terjemahan makna ayat (min:3.06) dan sebab penurunan ayat (min:2.67). Sebaliknya kajian Nurain<sup>232</sup> mendapati nilai min berada pada tahap lebih rendah bagi penguasaan maksud ayat hukum (min:2.30), terjemahan makna ayat (min:1.77) dan sebab penurunan ayat (min:2.02) disebabkan tiada pembelajaran khusus Fiqh Ayat. Hal ini sesuai dengan peningkatan sedikit nilai min dalam kajian ini terhadap penguasaan Fiqh Ayat yang telah dipelajari berikutan penglibatan guru yang memberi bimbingan di dalam kelas khusus. Sementara dapatan item penguasaan dalam aspek bacaan dari sudut tajwid dan waqaf ibtida' berada pada tahap yang baik kerana berfokus pada aspek bacaan.

---


<sup>232</sup> Nurain Zainal Abidin, Tahap Pengetahuan Pelajar Tahfiz Terhadap Tadabbur Al-Quran Di Maahad Tahfiz Dar Al-Abrar, Teluk Rubiah Seri Manjung, Perak. Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, (2017).



#### 4.4.2 Analisis Penguasaan Fiqh Ayat Berdasarkan Pemarkahan

Bagi melengkapkan kajian ini pengkaji memaparkan carta bar dan rumusan markah peperiksaan Fiqh Ayat terkini pelajar MITTIS bagi peperiksaan pertengahan tahun 2021.

Jadual 4.5 : Keputusan Dan Rumusan Markah Peperiksaan Pertengahan Tahun 2021 Hifz Al- Al-Qur'ān dan Fiqh Ayat Bagi Tingkatan 1 hingga 5 MITTIS.



Rumusan Markah Fiqh Ayat

	Fiqh Ayat dan Hifz Cemerlang	Fiqh Ayat dan Hifz Sederhana	Fiqh Ayat dan Hifz Lemah	Fiqh sederhana berbanding Hifz	Fiqh Ayat Lemah berbanding Hifz
Tg 1	4	3	6	4	4
Tg 2	0	0	19	0	1
Tg 3	10	5	6	13	1
Tg 4	6	4	1	1	0
Tg 5	9	5	0	1	0
	29	17	32	19	6

Jumlah	Petunjuk		
29		Cemerlang	
17		Sederhana	
6		Hifz Sederhana	√ Fiqh Ayat Lemah X
19		Fiqh Ayat Sederhana	√ Hifz Lemah X
32		Lemah	

Sumber : Jabatan Al-Quran MITTIS

Jadual 4.5 menunjukkan carta bar keputusan markah peperiksaan terkini bagi mata pelajaran Hifz Al-Qur'ān dan Fiqh Ayat. Berdasarkan keputusan markah ini pengkaji mendapati tahap penguasaan Fiqh Ayat berbanding Hifz membentuk 5 kategori tahapan penguasaan pelajar iaitu:

1. Tahap pelajar yang cemerlang bagi Fiqh Ayat dan Hifz . (29/103)

Seramai 29 daripada 103 pelajar mewakili 28% didapati berada pada tahap cemerlang bagi Hifz dan Fiqh Ayat. Golongan ini mempunyai tahap kecerdasan dan minat yang tinggi terhadap pembelajaran al-Qur'ān. Lazimnya golongan ini telah menunjukkan keinginan menghafaz dan memahami al-Qur'ān sejak dari awal lagi. Kemampuan ini sangat membantu mereka mempelajari al-Qur'ān secara sendiri dengan memerlukan sedikit bimbingan daripada guru. tahap kesedaran pembelajaran al-Qur'ān golongan ini juga menjadi faktor kecemerlangan dalam peperiksaan. Perkara ini disentuh oleh tenaga pengajar yang mendapati golongan pelajar ini memberikan tumpuan dalam pembelajaran Fiqh Ayat dengan sentiasa bersedia lebih awal membaca dan memahami maksud ayat al-Qur'ān sebelum kelas bermula.<sup>233</sup> Walaubagaimanapun golongan ini semakin sedikit yang dapat bertahan di MITTIS kerana banyak berpindah ke sekolah kerajaan yang lebih baik.

2. Tahap penguasaan pelajar yang sederhana bagi Hifz dan Fiqh Ayat. (17/103)

Seramai 17 pelajar yang mewakili 16% berada pada tahap sederhana bagi Hifz dan Fiqh Ayat. Pelajar bagi tahap ini mempunyai kemampuan pembelajaran yang sederhana bagi Hifz dan Fiqh Ayat. Golongan ini diyakini berpeluang meningkatkan

---

<sup>233</sup> Ustzh Wan Habibah Daud, Ketua Jabatan Al-Qur'ān MITTIS dalam temubual bersama penulis, 4 Jun 2021.

diri dalam penguasaan Fiqh Ayat dalam pembelajaran mengikut usaha prestasi pelajar. Pelajar bagi golongan ini kebanyakannya memerlukan bimbingan guru dan berpotensi ke tahap yang lebih cemerlang dengan usaha yang lebih gigih. Galakan dan dorongan dari guru sangat dituntut agar dapat meningkatkan dan mengekalkan prestasi pembelajaran Fiqh Ayat pelajar. Majoriti pelajar dapat mengekalkan tahap penguasaan sederhana ini dan hanya sedikit yang dapat meningkatkan penguasaan ke tahap yang cemerlang. Namun terdapat segelintir pelajar yang kurang mengambil berat tentang Fiqh Ayat berpotensi untuk berada dalam kalangan pelajar yang lemah.<sup>234</sup>

3. Tahap penguasaan yang sederhana dalam Hifz dan lemah dalam Fiqh Ayat. (6/103) Sebahagian kecil pelajar di MITTIS didapati mempunyai tahap penguasaan Hifz yang sederhana dan Fiqh Ayat yang lemah. Seramai 6 orang pelajar yang mewakili 5.8% didapati lebih suka menumpukan bidang hafazan berbanding Fiqh Ayat berikutan tumpuan pembelajaran mereka hanya memberikan fokus pada aspek hafazan sahaja. Keadaan ini disukai sebahagian pelajar kerana tidak perlu terbeban untuk memahami isi kandungan al-Qur'ān. Menurut dapatan yang diperolehi menunjukkan golongan pelajar ini tidak menguasai Fiqh Ayat disebabkan oleh anggapan bahawa hafazan lebih penting berbanding kefahaman ayat. Persepsi ini menyebabkan pelajar memilih untuk lebih cepat khatam hafazan. Selain itu pelajar daripada golongan ini merasa sukar untuk meneliti dan mengkaji kefahaman makna ayat berikutan silibus Fiqh

---

<sup>234</sup> Ustzh Wan Habibah Daud, Ketua Jabatan Al-Qur'ān MITTIS dalam temubual bersama penulis, 4 Jun 2021.

Ayat yang begitu banyak. Tambahan pula, ada sebahagian guru yang lebih menekankan prestasi hafazan sahaja berbanding Fiqh Ayat pelajar.<sup>235</sup>

#### 4. Tahap pelajar yang sederhana dalam Fiqh Ayat tetapi lemah dalam Hifz. (19/103)

Seramai 19 orang pelajar yang mewakili 18.4% didapati mempunyai tahap penguasaan Fiqh Ayat yang sederhana tetapi lemah dalam hafazan. Kepekaan pelajar dalam memahami maksud ayat menunjukkan pelajar berminat dengan pembelajaran al-Qur'ān walaupun hafazan pelajar berada pada tahap yang lemah. Penguasaan hafazan pelajar yang lemah ini didapati berpunca daripada kecerdasan dan keupayaan hafazan yang kurang memberangsangkan. Hal ini menyebabkan pelajar berusaha mempelbagaikan kaedah hafazan terutamanya dengan kaedah memahami isi kandungan al-Qur'ān. Pelajar daripada golongan ini juga didapati menguasai banyak perbendaharaan kalimah al-Qur'ān sehingga mampu memahami isi kandungan al-Qur'ān. Penguasaan Fiqh Ayat dapat memberikan kelebihan jangka masa panjang kepada golongan pelajar ini dalam memperincikan setiap ayat hafazan ketika proses hafazan. Kesedaran tinggi pelajar dalam memahami makna ayat sepatutnya menjadi amalan kepada semua pelajar tahfiz kerana dapat memudahkan aktiviti menghafaz walaupun memerlukan tempoh masa yang sedikit panjang. Keadaan ini membuktikan bahawa kemahiran hafazan sedikit berbeza dengan kemahiran kefahaman tetapi mempunyai hubungan yang sangat berkaitan.

#### 5. Tahap penguasaan pelajar yang lemah dalam Fiqh Ayat dan Hifz (32/103)

---

<sup>235</sup> *Ibid.*

Kategori pelajar yang mempunyai penguasaan Fiqh Ayat dan hafazan yang lemah. Data yang diperolehi menunjukkan 32 daripada 103 pelajar mewakili 31% berada dalam kategori ini. Ini bermakna 1/3 pelajar di MITTIS yang kebanyakannya berada di tingkatan dua mempunyai masalah bagi Fiqh Ayat dan hafazan. Masalah ini berpunca daripada keupayaan pelajar dalam menghafaz al-Qur'ān sangat terhad. Oleh kerana itu, pelajar memerlukan lebih banyak masa untuk menyelesaikan sesuatu hafazan al-Qur'ān sehingga menyebabkan tiada masa untuk memahami dan menguasai Fiqh Ayat. Akibatnya golongan pelajar ini tidak menguasai Fiqh Ayat dengan sebaiknya. Masalah ini didapati terus berlanjutan tanpa rawatan oleh guru disebabkan sukatan hafazan al-Qur'ān lebih diutamakan dan perlu dicapai pada setiap hari. Disamping itu perasaan dilema guru sama ada ingin mengutamakan hafazan atau Fiqh Ayat akan menjadi bertambah berat terutamanya apabila pelajar akan menduduki peperiksaan awam. Pada hakikatnya pelajar dalam golongan ini sangat memerlukan banyak bimbingan dan perhatian daripada guru. Kebanyakan golongan ini mempunyai tahap kesedaran yang rendah dalam pembelajaran al-Qur'ān berikutan ketidakjelasan tujuan masuk ke sekolah tahfiz ini. Walaubagaimanapun tidak dinafikan terdapat sebahagian pelajar daripada golongan ini telah berubah dan telah mendapat rentak dalam menghafaz dan memahami al-Qur'ān.

Dapatan ini disahkan oleh Pengarah, Jabatan Jabatan Al-Quran MITTIS yang menyatakan wujudnya kepelbagaian penguasaan pelajar bagi mata pelajaran Hifz Al-Qur'ān dan Fiqh Ayat berdasarkan penyataannya seperti berikut:

*“yang minat hafal quran memang ade je yang jenis sekadar hafal je die tak tau ape yang disampaikan tu ...(5/10%) tapi biasanya tak ramai yang masyi tapi dia tak tahu persennya (20/30%) berbanding yang lemah tadi..yang memang lemah dan tak menghayati al-Quran la..yang lagi ramai...dah memang tak nak hafal quran kan...(20/30%) bakinya yang sederhana je lah..”*

Daripada maklumat diatas maka dapat dirumuskan bahawa penguasaan Fiqh Ayat pelajar hanya terdapat 3 tahap utama iaitu cemerlang, sederhana dan lemah. Berdasarkan data yang diperolehi sebanyak 29 orang daripada 103 pelajar iaitu mewakili 28.1 % berada pada tahap cemerlang. Sementara seramai 36 orang pelajar iaitu mewakili 34.9 % berada tahap sederhana. Manakala seramai 38 orang pelajar yang mewakili 36.8 % didapati berada pada tahap yang lemah. Jumlah bilangan yang paling tinggi bagi tahap pelajar yang lemah penguasaan Fiqh Ayat membuktikan kajian ini perlu dilaksanakan dengan penambahbaikan.

Pembelajaran Fiqh Ayat tidak sama dengan hafazan dari aspek ulangan dan penyimpanan hafazan dalam ingatan. Manakala Fiqh Ayat pula lebih fokus terhadap penelitian dan kefahaman pelajar terhadap ayat yang dihafaz. Usaha memahami makna ayat menurut Bloom adalah peringkat kedua selepas menghafaz (pengetahuan)<sup>236</sup>. Namun pengkaji lebih cenderung menyatakan bahawa hafazan al-Qur'ān sepatutnya dimulakan dengan membentuk kefahaman makna ayat terlebih dahulu agar hafazan menjadi lebih fokus, mudah dan tidak membosankan.

---

<sup>236</sup> Nursyahirah Wahidah Masrom, et al., Kedudukan Taksonomi Bloom Menurut Perspektif Islam, *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs* 1.1 (2018), 1-26

Perbezaan tahap penguasaan Fiqh Ayat juga dipengaruhi oleh kepelbagaian kecerdasan pelajar yang sering menjadi cabaran kepada tenaga pengajar MITTIS terutamanya terhadap pelajar yang mempunyai kecerdasan yang lemah dan kurang minat. Sesetengah pelajar yang tidak minat menghafal dan menguasai Fiqh Ayat turut diterima masuk ke sekolah ini kerana polisi sekolah swasta sebegini tertakluk dengan keperluan memenuhi kuota kemasukan bilangan pelajar. Justeru, pihak sekolah tidak mampu membuat tapisan yang ketat dalam proses temuduga kemasukan dan terpaksa menerima kemasukan pelajar. Hal ini dinyatakan oleh timbalan pengetua MTTIS sendiri dalam perjumpaan temubual bersama beliau.<sup>237</sup>

Pengkaji cenderung menyatakan bahawa masalah penguasaan Fiqh Ayat pelajar MITTIS boleh diatasi melalui kaedah hafazan dengan kefahaman. Melalui kaedah hafazan ini penguasaan makna kalimah al-Qur'ān menjadi semakin bertambah. Disamping itu, kaedah hafazan dengan kefahaman juga dapat memudahkan pelajar melaksanakan proses menghafaz dan murajaah al-Qur'ān dengan baik.<sup>238</sup> Justeru usaha untuk memperbanyakkan pengetahuan makna perkataan dan makna ayat al-Qur'ān perlu dipergiatkan dengan memperkasakan kaedah hafazan dengan kefahaman. Pengajaran guru perlu menitikberatkan Fiqh Ayat dengan menyampaikan kepentingan makna kefahaman ayat disamping hafazan. Guru juga perlu menerapkan aspek penguasaan asas perbendaharaan kalimah al-Qur'ān kepada

---

<sup>237</sup> “ Sekolah(MITTIS) tidak menghadkan kemasukan pelajar disebabkan kuota kemasukan pelajar tidak pernah penuh..”

<sup>238</sup> Wan Ahmad Zakry Wan Kamarudin, et al., Aplikasi Model Hafazan al-Qur'an Ulul Albab di Sekolah Intiaz Terengganu, BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences, 3.3 (2020), 1-33

pelajar. Usaha ini perlu diberikan perhatian terutamanya kepada kategori pelajar yang lemah serta pelajar di tingkatan 1 dan 2.

#### 4.4.3 Dapatan Temubual Penguasaan Fiqh Ayat.

Pada bahagian ini pengkaji menganalisis dapatan temubual bersama tenaga pengajar MITTIS dengan mendapatkan maklumat sewajarnya terhadap penguasaan Fiqh Ayat pelajar. Maklumat penguasaan Fiqh Ayat pelajar ini diambil dari tenaga pengajar MITTIS kerana memang selayaknya mereka sahaja yang lebih mengenali tahap penguasaan pelajar MITTIS. Pengkaji juga turut melaksanakan kaedah pemerhatian terhadap partisipan yang telah dikenal pasti untuk mengesahkan lagi kajian ini.

Jadual 4.6 : Dapatan Temubual Bersama Tenaga Pengajar Terhadap Penguasaan Fiqh Ayat, 2021.

Bil	Perkara	Huraian	Sumber
1	Pelajar tingkatan 1 dan 2 kebiasaannya masih baru dan belum mahir dalam Fiqh Ayat	Perbendaharaan bahasa arab masih belum banyak menyukarkan pelajar menterjemahkan makna ayat	TP 1, TP 3
2	Pelajar tingkatan 3 dan keatas kemahiran dan pengetahuan Fiqh Ayat semakin meningkat	Pelajar sudah mempunyai perbendaharaan kalimah al-Qur'ān yang dapat memudahkan pelajar mengetahui maksud ayat.	TP 1, TP 3, TP 4
3	Tahap yang dikuasai pelajar hanya sekadar mengetahui makna ayat terjemahan tertentu sahaja. Tahap memahami maksud ayat pada hakikatnya masih belum boleh dicapai	Tahap sesuai dengan peringkat persekolahan pelajar, sedangkan peringkat universiti pun masih belum juga menguasai peringkat memahami maksud ayat.	TP 4
4	Pelajar dapat dibantu menguasai Fiqh Ayat dengan mewujudkan kelas khusus Fiqh Ayat dan modul Fiqh Ayat.	Ini dapat memudahkan guru menyampaikan isi kandungan al-Qur'ān dengan lebih sistematik sepertimana kelas akademik lain.	TP 5, TP 3



Jadual 4.4. Sambungan.

5	Pelajar <i>senior</i> mampu memberikan tazkirah berkenaan Fiqh Ayat terutamanya kisah nabi	Hal ini berlaku kepada pelajar yang semakin banyak perbendaharaan kata kalimah al-Qur'ān dan kesedaran pelajar sendiri ingin berkongsi kefahaman agar terus kekal ingat.	TP 2
6	Penguasaan kefahaman makna ayat bagi pelajar yang lemah sangat terbatas, hanya mampu dapat menterjemahkan makna perkataan tertentu sahaja.	Pelajar yang lemah akan menumpukan kemahiran bacaan terlebih dahulu kerana segelintir mereka datang dengan keadaan yang masih belum boleh membaca al-Quran	TP 1
7	Pelajar hanya dapat mengeluarkan terjemahan dan makna ayat bagi ayat yang mudah	Ini berlaku kerana pelajar sudah biasa dengan ayat yang mudah difahami.	TP 1, TP 3

Sumber: Tenaga Pengajar MITTIS, 2021.

Tahap penguasaan Fiqh Ayat pelajar menurut tenaga pengajar MITTIS dipengaruhi oleh pengetahuan, pengalaman, pengajaran guru, modul, minat. Merujuk kepada data diatas tahap pengetahuan makna perbendaharaan kalimah menjadi sebab kurangnya penguasaan Fiqh Ayat terutamanya pelajar baru. Pelajar di tingkatan 1 dan 2 didapati masih belum menguasai makna perkataan al-Qur'ān berbanding pelajar di tingkatan 3, 4 dan 5. Disamping itu pengalaman pembelajaran Fiqh Ayat yang lebih lama juga mampu memantapkan pelajar dalam memahami makna ayat. Menurut tenaga pengajar, penguasaan Fiqh Ayat pelajar berpotensi untuk ditingkatkan dengan mewujudkan kelas Fiqh Ayat yang membincangkan secara khusus maksud ayat dengan panduan modul Fiqh Ayat. Perkara ini dapat dilihat dengan jelas apabila pelajar senior mampu melaksanakan tazkirah selepas solat fardu berjemaah.

Disamping itu pengkaji mengambil perhatian terhadap pernyataan bahawa penguasaan Fiqh Ayat pelajar tidak secara menyeluruh kerana pelajar hanya menguasai makna ayat yang mudah dan berulang sahaja sebaliknya ayat yang sukar masih belum dikuasai. Sementara itu, bagi pelajar kategori lemah didapati hanya mengetahui makna perkataan yang mudah sahaja dan sangat terhad.

Pengkaji mendapatkan persetujuan guru untuk melihat secara terperinci penguasaan Fiqh Ayat bagi pelajar yang dipilih. Dapatan menunjukkan sebahagian pelajar dapat mengeluarkan dan menyatakan Fiqh Ayat selepas waktu tasmik dengan baik. Namun demikian lebih separuh pelajar didapati kurang menguasai maksud ayat dalam kelas yang sama. Penguasaan Fiqh Ayat pelajar tingkatan satu diakui masih lemah apabila pemerhatian terhadap patisipan menunjukkan sebahagian pelajar didapati tidak dapat menyatakan Fiqh Ayat hanya sekadar membaca terjemahan al-Qur'ān dihadapan guru. Sebaliknya dapatan menunjukkan ada juga peningkatan penguasaan Fiqh Ayat dalam kalangan pelajar, ini dapat dilihat apabila guru memberikan penerangan berkenaan maksud ayat dan pelajar dapat menyebut semula Fiqh Ayat setelah diminta guru merumuskan maksud ayat.

Pengkaji melihat bahawa tahap penguasaan Fiqh Ayat pelajar MITTIS masih boleh dipertingkatkan kerana masalah penguasaan Fiqh Ayat adalah berkaitan dengan bahasa Arab. Justeru usaha untuk memperbanyakkan pengetahuan makna perkataan dan makna ayat al-Qur'ān perlu dipergiatkan dengan memperkasakan cara pengajaran PdP berbantuan modul khusus Fiqh Ayat. Pengajaran guru akan menjadi lebih bersistematik dengan bantuan modul Fiqh Ayat yang menerapkan aspek penguasaan

asas perbendaharaan kalimah al-Qur'ān dan ayat bertema kepada pelajar.<sup>239</sup> Usaha ini perlu diberikan perhatian terutamanya kepada kategori pelajar yang lemah serta pelajar di tingkatan 1 dan 2. Penguasaan Fiqh Ayat ini boleh dilestarikan dengan mendedahkan banyak makna kalimah al-Qur'ān kepada pelajar baru dan pelajar yang lemah.

Selain daripada markah peperiksaan, KPM telah menyediakan platform pengukuran tahap penguasaan pelajar bagi mata pelajaran Fiqh Ayat melalui PBD. Sistem Kurikulum Bersepadu Tahfiz memerlukan guru menilai pelajar melalui pentaksiran bilik darjah (PBD) dua kali setahun iaitu pada pertengahan dan akhir tahun. Pelajar bukan sahaja dinilai dari segi pencapaian akademik bahkan pentaksiran nilai sikap dan akhlak turut dilaksanakan bagi setiap pelajar.

PBD akan menjadi eviden yang sah dan perlu dibentangkan kepada panel penilai luar dan dalam sebelum dianugerahkan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)<sup>240</sup>. Dapatan keseluruhan pentaksiran yang telah dibuat oleh setiap tenaga pengajar MITTIS menunjukkan kebanyakan pelajar mendapat tahap penguasaan 3 iaitu boleh menyatakan makna ayat al-Qur'ān yang ditetapkan dalam bahasa Melayu seperti tafsiran dalam jadual dibawah. Pentaksiran berdasarkan markah peperiksaan dan nilai akhlak pelajar.

---

<sup>239</sup> Mohd Abdul Nasir Abd Latif dan Ahmad Zulfiqar Shah Abdul Hadi, "Pembinaan Modul Hafalan Al-Qur'an Berdasarkan Tematik Ayat Bagi Membantu Penguasaan Pemahaman Al-Qur'an Dalam Kalangan Huffaz." *The Online Journal Of Islamic Education*, 8.1 (2020), 1-26

<sup>240</sup> Segala dokumen hafazan Pelajar tahfiz KBT akan dinilai oleh Darul Quran dan Lembaga Peperiksaan sebelum layak dianugerahkan Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Tahfiz daripada Darul Quran .

Jadual 4.7. : Pernyataan Standard Prestasi Tahap Penguasaan Fiqh Ayat

TAHAP PENGUASAAN	Fiqh al- Ayat
1	Menyatakan makna ayat al-Quran yang ditentukan dalam Bahasa Melayu di bawah bimbingan guru.
2	Menyatakan makna ayat al-Quran yang ditetapkan dalam Bahasa Melayu di bawah pemerhatian guru.
3	Menyatakan makna ayat al-Quran yang ditetapkan dalam Bahasa Melayu.
4	Menyatakan makna ayat al-Quran yang ditetapkan dalam Bahasa Melayu dan melazimi memahami al-Quran
5	Menyatakan makna ayat al-Quran yang ditetapkan dalam Bahasa Melayu dengan baik dan melazimi memahami al-Quran.
6	Menyatakan makna ayat al-Quran yang ditetapkan dalam Bahasa Melayu dengan sempurna dan istiqamah memahami al-Quran

Sumber : Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2019.

Tahap penguasaan (TP) dalam PBD dibentuk berdasarkan beberapa kriteria tahapan bermula dengan penguasaan pengetahuan asas Fiqh Ayat sehingga kepada penguasaan maksimum Fiqh Ayat serta mampu menjadi contoh tauladan. Setiap kriteria tahap penguasaan ini diwakili dengan *band* atau TP yang bermula daripada TP1, TP2, TP3, TP4, TP5 dan maksimum TP6. Pentaksiran Bilik Darjah menetapkan bahawa guru adalah pentaksir kerana mempunyai pengetahuan terhadap tahap penguasaan pelajar dibawah seliaannya. Proses PBD ini telah meletakkan tenaga pengajar pada tempat yang sepatutnya sebagai pentaksir agar pentaksiran yang lebih terperinci dapat dilaksanakan. Disamping itu pengetahuan tentang kriteria TP 1 hingga TP 6 dapat membina motivasi kepada pelajar untuk meningkatkan prestasi bukan hanya terhadap aspek kognitif bahkan pada aspek afektif dan psikomotor.<sup>241</sup>

Pengkaji menyambut baik usaha KPM ini dalam menentukan prestasi sebenar pelajar secara keseluruhan khususnya bagi mata pelajaran Fiqh Ayat. Pelajar selayaknya

<sup>241</sup> Sh. Siti Hauzimah Wan Omar, "Pengetahuan, Kemahiran, Sikap Dan Masalah Guru Dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah Bahasa Melayu Di Sekolah Rendah", Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 9.1 (2019), 56-67

mendapatkan pentaksiran yang betul bukan hanya daripada peperiksaan semata-mata. Kefahaman yang mendalam terhadap ayat al-Qur'an mampu memberikan pengaruh yang mendasar ke dalam jiwa pelajar MITTIS khususnya dan ini jugalah objektif diwujudkan KBT. Melalui penelitian yang telah dilaksanakan pengkaji mendapati urusan perekodan PBD di MITTIS hanya diutamakan bagi pelajar yang akan menghadapi peperiksaan awam seperti PT3 dan SPM. Pada hakikatnya setiap guru mempunyai pengetahuan terhadap prestasi pelajar mereka walaupun tidak direkodkan.

#### **4.5 Analisis Tahap Penguasaan Fiqh Ayat Secara Keseluruhan**

Analisis tahap penguasaan Fiqh Ayat pelajar adalah seperti berikut:

- a. Penguasaan Fiqh Ayat secara umum memperlihatkan nilai min yang lagi rendah daripada nilai min bagi item yang telah dipelajari. Pelajar masih memerlukan peranan guru terutamanya bagi mengesahkan kefahaman ayat yang dibentuk. Dapatan SPSS berada pada tahap sederhana bagi pembelajaran sendiri dan nilai min meningkat sedikit apabila Fiqh Ayat dipelajari bersama guru. Manakala keputusan peperiksaan Fiqh Ayat pelajar didapati lebih separuh pelajar berada pada tahap lemah. Dapatan dengan interpretasi yang sederhana dan lemah ni sudah tentu berkait dengan pengaruh pembelajaran pelajar dan pengajaran guru yang kurang afektif. Oleh itu kaedah pengajaran guru bagi Fiqh Ayat sekaligus hafazan pelajar MITTIS perlu dinilai semula pelaksanaannya dan keberkesanannya.
- b. Keputusan peperiksaan Fiqh Ayat membentuk 3 tahap kategori dengan kumpulan pelajar yang lemah lebih daripada jumlah kategori cemerlang dan sederhana. Merujuk kepada dapatan keputusan peperiksaan markah Fiqh Ayat dan hafazan mempunyai

hubungan perkaitan yang kuat apabila seramai 78 pelajar daripada 103 pelajar menunjukkan tahap peringkat hubungan markah yang sama dimana jika hafazan cemerlang maka Fiqh Ayat juga cemerlang, hal ini sama keadaannya dengan pelajar yang sederhana dan lemah. Manakala 25 orang daripada 103 orang pelajar tidak menunjukkan hubungan perkaitan markah keputusan peperiksaan. Ini bermakna perkaitan Fiqh Ayat dengan hafazan agak signifikan. Walaupun tidak menafikan kumpulan pelajar yang tidak ada hubungan dari sudut markah Fiqh Ayat dan hafazan namun pada peringkat tersebut hanya markah pada peringkat sederhana dan rendah sahaja dan bukan bagi kategori yang cemerlang.

c. Pelajar hanya mampu menguasai Fiqh Ayat bagi sebahagian ayat yang tertentu sahaja. Tidak semua makna ayat diketahui oleh sebahagian besar pelajar. Berdasarkan kepada dapatan SPSS dan pemerhatian, pelajar didapati lebih cenderung hanya menyebut Fiqh Ayat bagi terjemahan perkataan, makna terjemahan ayat secara purata 1 ayat sahaja didalam sesi PDP setelah selesai aktiviti hafazan. Apabila pelajar ditanya berkenaan maksud ayat yang lain selain yang disebutkan ketika PdP pelajar tidak dapat menjawab dengan baik. Ini menunjukkan secara logik sebahagian besar pelajar tidak menguasai keseluruhan Fiqh Ayat walaupun ayat tersebut telah dihafaz dan ditasmik.

d. Pelajar baru di tingkatan 1 dan 2 dilihat belum menguasai Fiqh Ayat kerana kurang perbendaharaan makna perkataan dan kurang pengalaman pembelajaran berbanding pelajar tingkatan 3, 4 dan 5.

e. Sebahagian besar pelajar hanya berada pada tahap mengetahui makna terjemahan perkataan sahaja, namun tidak dinafikan segelintir pelajar sudah mampu menguasai makna ayat al-Qur'an.

#### **4.6 Dapatan Keberkesanan Fiqh Ayat**

Dapatan kajian keberkesanan Fiqh Ayat diperolehi melalui kaedah soal selidik dan kajian lapangan (kualitatif). Penulisan ini akan diteruskan dengan membentangkan dapatan daripada soal selidik menggunakan analisis deskriptif. Manakala dapatan kualitatif daripada data temubual dan pemerhatian akan dianalisis secara induktif (manual). Seterusnya pengkaji turut memuatkan dapatan kajian soal selidik dan temubual secara keseluruhan bagi memudahkan pembaca memahami penulisan ini.

##### **4.6.1 Dapatan Soal Selidik Keberkesanan Fiqh Ayat**

Analisis keberkesanan pembelajaran Fiqh Ayat ini dapat diketahui melalui dapatan kajian selidik bahagian D keberkesanan. Jadual 4.8 menunjukkan taburan kekerapan (frekuensi), min, sisihan piawai dan interpretasi bagi tahap keberkesanan Fiqh Ayat terhadap pelajar tahfiz di MITTIS. Analisis dapatan kajian menunjukkan tiga pernyataan berada pada tahap tinggi dan tahap sederhana daripada 2 pernyataan. Min keseluruhan keberkesanan Fiqh Ayat bagi responden ialah 3.60 dengan nilai sisihan piawai 0.95 berada pada tahap sederhana.

Jadual 4.8 : Taburan Kekerapan, Min, Sisihan Piawai Dan Interpretasi Keberkesanan Fiqh Ayat KBT.

Bil	Pernyataan	Frekuensi					Min	SP	Indikator
		STS	TS	TP	S	ST			
1	Memahami makna ayat menyebabkan saya minat dalam menghafaz al-Qur'ān.	1	7	26	46	23	3.90	1.03	Tinggi
2	Saya dapat membaca ayat hafazan dengan yakin ketika memahami maksud ayat.	-	1	8	56	38	3.73	0.98	Tinggi
3	Penguasaan Fiqh Ayat memudahkan saya menghafaz al-Qur'ān.	4	24	52	22	1	3.72	0.91	Tinggi
4	Saya dapat mengingati semula ayat hafazan yang terlupa apabila mengetahui makna ayat al-Qur'ān.	-	8	19	53	23	3.53	0.97	Sederhana
5	Saya dapat melaksanakan aktiviti murajaah hafazan dengan membayangkan maksud ayat al-Qur'ān.	2	8	50	25	18	3.14	0.87	Sederhana
Min Keseluruhan							3.60	0.95	Sederhana

Sumber: Soal selidik terhadap 103 orang responden di MITTIS Sabak Bernam, 16 Mei 2021

Pernyataan memahami makna ayat menyebabkan saya minat dalam menghafaz al-Qur'ān (min: 3.90, sisihan piawai: 1.03), menunjukkan seramai 40 orang mewakili 38.8 peratus responden bersetuju dan 33 orang mewakili 32.0 peratus daripada responden sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Sebaliknya 5 orang pelajar mewakili 4.9% daripada responden tidak bersetuju dan 4 orang pelajar mewakili 3.9 peratus responden sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Bagi pernyataan saya dapat membaca ayat hafazan dengan yakin ketika memahami maksud ayat (min: 3.73, sisihan piawai: 0.98), sebanyak 29 orang mewakili 28.2% daripada responden bersetuju dengan pernyataan ini dan 28 orang mewakili 27.2% daripada responden sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut.



Sebaliknya 8 orang pelajar mewakili 7.8% tidak bersetuju dengan pernyataan ini dan terdapat seorang pelajar yang mewakili 1% sangat tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Bagi pernyataan penguasaan Fiqh Ayat memudahkan saya menghafaz al-Qur'ān (min: 3.72, sisihan piawai: 0.91), sebanyak 31 orang pelajar mewakili 30.1% daripada responden setuju dengan pernyataan ini dan 25 mewakili 24.3% sangat setuju dengan pernyataan tersebut. Sebaliknya 7 orang pelajar mewakili 6.8% peratus daripada responden tidak bersetuju dengan pernyataan ini.

Bagi pernyataan saya dapat mengingati semula ayat hafazan yang terlupa apabila mengetahui makna ayat al-Qur'ān (min: 3.53, sisihan piawai: 0.97), 31 orang pelajar mewakili 30.1% daripada responden bersetuju dan 19 orang mewakili 18.4% daripada responden sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut. Sebaliknya 13 orang pelajar mewakili 12.6 peratus daripada responden tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut dan terdapat juga seorang pelajar mewakili 1.0% sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Pernyataan saya dapat melaksanakan aktiviti murajaah hafazan dengan membayangkan maksud ayat al-Qur'ān (min: 3.14, sisihan piawai 0.87), seramai 22 orang pelajar mewakili 21.4% daripada responden tidak bersetuju dengan pernyataan ini dan seorang mewakili 1.0 peratus responden sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Manakala 20 orang mewakili 19.4% daripada responden bersetuju dan 9 orang mewakili 8.7% daripada responden sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Analisis keberkesanan pembelajaran Fiqh Ayat dalam kalangan pelajar MITTIS menunjukkan bahawa pelajar cenderung meminati hafazan al-Qur'ān ketika

memahami makna ayat dengan nilai min yang tertinggi iaitu 3.90. Dapatan ini menzahirkan hubungan kefahaman makna ayat sangat diperlukan pelajar dalam proses menghafaz al-Qur’ān. Pelajar tahfiz yang mengetahui makna ayat akan bermotivasi untuk terus menghafaz kerana kefahaman makna ayat dapat membantu pelajar menghafaz al-Qur’ān. Dapatan ini selari dengan kajian kualitatif oleh Wan Ahmad Zakry yang menyatakan bahawa pelajar mengakui *Fiqh Ayat* membantunya untuk hafaz al-Quran kerana isi kandungan yang dihafaz itu dapat difahami.<sup>242</sup>

Manakala dapatan min terendah dengan interpretasi sederhana pada bahagian keberkesanan ini adalah bagi item kemampuan melaksanakan aktiviti muraja’ah dengan membayangkan makna ayat dengan nilai min 3.14. Dapatan ini bersesuaian dengan dapatan dari kajian Nurain<sup>243</sup> yang turut mendapati nilai min 2.50 yang berada pada tahap sederhana rendah pada bahagian pengetahuan kefahaman makna ayat ketika membaca al-Qur’ān. Hal ini berikutan kesukaran pelajar dalam mengekalkan kefahaman makna ayat ketika melaksanakan aktiviti muraja’ah yang akhirnya menyebabkan tumpuan lebih diberikan terhadap aspek hafazan.<sup>244</sup>

#### **4.6.2 Dapatan Pemerhatian Dan Temubual Keberkesanan Fiqh Ayat**

Perbincangan keberkesanan Fiqh Ayat dilanjutkan dengan meneliti dapatan daripada temubual bersama guru dan pelajar MITTIS. Bagi meneruskan kajian keberkesanan

---

<sup>242</sup> Wan Ahmad Zakry Wan Kamaruddin, et al., “Amalan Terbaik Pengajaran dan Pembelajaran Hafazan al-Quran dalam Program Ulul Albab Imtiaz,” *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 4.1, (2021) 105-126

<sup>243</sup> Nurain Zainal Abidin,” Tahap Pengetahuan Pelajar Tahfiz Terhadap Tadabbur Al-Quran Di Maahad Tahfiz Dar Al-Abrar, Teluk Rubiah Seri Manjung, Perak” (tesis sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2017) 156

<sup>244</sup> P5 “Saya.. *Fiqh Ayat* ini terlalu lemah.. Kekadang kalau ada masa tu..saya akan baca satu-satu perkataan tu maksudnya apa..”

ini, pengkaji akan membentangkan dapatan keberkesanan Fiqh Ayat dari perspektif guru dan pelajar MITTIS. Dapatan ini juga akan memuatkan data pemerhatian yang telah ditemakan bagi mengukuhkan dapatan ini.

Jadual 4.9 Dapatan keberkesanan Fiqh Ayat dari perspektif guru

<b>Bil</b>	<b>Keberkesanan Fiqh Ayat</b>	<b>Pemerhatian</b>
TP1	1. Membantu untuk ingat ayat hafazan 2. Ayat hafazan lebih lancar 3. Membentuk peribadi yang baik	1. Sebahagian pelajar perlu dibantu guru untuk mengemukakan Fiqh Ayat selepas tasmik.
TP2	1. Membantu untuk ingat ayat hafazan 2. Ayat hafazan lebih lancar 3. Mengetahui cerita di dalam al-Qur'an	2. Pelajar yang tidak memahami Fiqh Ayat kebanyakannya adalah pelajar mempunyai hafazan yang lemah.
TP3	1. Mengetahui pengajaran ayat 2. Membentuk peribadi yang baik	3. Pengajaran Fiqh Ayat guru berkesan meningkatkan kefahaman pelajar.
TP4	1. Membantu aktiviti hafazan pelajar 2. Mengetahui cerita di dalam al-Qur'an 3. Meningkatkan minat menghafaz	4. Pelajar teruja dengan penceritaan kisah al-Qur'an.
TP5	1. Membantu untuk ingat ayat hafazan 2. Meningkatkan minat terhadap Fiqh Ayat	5. Pelajar tidak dapat mengemukakan makna ayat murajaah.
TP6	1. Membentuk akhlak peribadi yang baik	

Sumber : Pemerhatian dan temubual bersama tenaga pengajar Fiqh Ayat MITTIS 2021.

Jadual 4.9 menunjukkan dapatan keberkesanan Fiqh Ayat daripada perspektif guru. Dapatan daripada temubual bersama 6 orang tenaga pengajar Fiqh Ayat MITTIS ini dianggap penting sebagai pengesah luar (internal) yang dipercayai mampu melihat tahap keberkesanan Fiqh Ayat dalam kalangan pelajar didikan mereka. Merujuk kepada jadual ini pengkaji mendapati kesan Fiqh Ayat dapat membantu pelajar mengingati ayat hafazan dengan kualiti hafazan yang lebih baik. Pendedahan Fiqh Ayat ini didapati dapat mempengaruhi pembentukan akhlak yang baik. Pelajar juga didapati menguasai Fiqh Ayat kerana dapat mengetahui cerita didalam al-Qur'an disamping dapat mengeluarkan pengajaran ayat hafazan. Hal ini menimbulkan minat pelajar untuk terus menghafaz dan memahami maksud ayat.

Seterusnya pengkaji cuba mendalami pula dapatan daripada perspektif pelajar dengan menemubual 5 orang pelajar yang telah dikenal pasti. Berikut adalah dapatan keberkesanan Fiqh Ayat dari perspektif pelajar.

Jadual: 4.10 Dapatan keberkesanan Fiqh Ayat dari perspektif pelajar

<b>Bil</b>	<b>Ringkasan dapatan tahap keberkesanan (pelajar)</b>	<b>Pemerhatian</b>
P1	1. Menguasai Fiqh Ayat 2. Mampu menterjemahkan ayat 3. Mengetahui maksud ayat yang dibaca dan dihafaz	1. Sebahagian pelajar didapati hanya menguasai Fiqh Ayat bagi ayat yang mudah. 2. Terdapat sebahagian pelajar yang tidak menguasai Fiqh Ayat. 3. Pelajar yang memahami ayat dapat melaksanakan murajaah dengan lebih baik. 4. Pelajar lebih memilih untuk menghafaz al-Qur'an tanpa memahami ayat.
P2	1. Merasa seronok dan tidak bosan kerana mengetahui kisah al-Qur'an 2. Mengetahui hukum fiqh dan dapat mengamalkan 3. Memudahkan hafazan dan muraja'ah	
P3	1. Menguasai Fiqh Ayat 2. Membantu bermuhasabah dan tadabbur 3. Memudahkan hafazan dan muraja'ah 4. Membantu membezakan ayat mutashabihat	
P4	1. Menguasai Fiqh Ayat 2. Menambahkan penghayatan al-Qur'an 3. Memudahkan hafazan dan muraja'ah 4. Menambahkan minat dalam menghafaz dan muraja'ah	
P5	1. Menguasai Fiqh Ayat 2. Memudahkan hafazan dan muraja'ah	

Sumber : Pemerhatian dan Temubual bersama pelajar MITTIS 2021.

Jadual 4.10 ini menunjukkan dapatan tahap keberkesanan Fiqh Ayat pelajar MITTIS. Beberapa tahap keberkesanan Fiqh Ayat telah dikenalpasti berdasarkan kekerapan persamaan data yang diperolehi. Analisis daripada dapatan ini menunjukkan bahawa dengan menguasai Fiqh Ayat dapat memudahkan pelajar menghafaz dan melaksanakan aktiviti muraja'ah al-Qur'an. Selain itu, kepekaan pelajar untuk menghayati dan mentadabbur al-Qur'an timbul disebabkan pengetahuan tentang perintah dan larangan Allah swt di dalam al-Qur'an . Kesan daripada Fiqh Ayat juga

mendapati pelajar menunjukkan rasa seronok dan minat untuk mengetahui maksud ayat yang telah dihafaz. Sebahagian pelajar juga dapat memanfaatkan Fiqh Ayat bagi membezakan perkataan dan ayat mutashabihat dalam aktiviti hafazan dan muraja'ah.

#### **4.6.3 Dapatan Keberkesanan Fiqh Ayat Keseluruhan**

Berdasarkan dapatan analisis soal selidik dengan nilai interpretasi tinggi pada item “memahami makna ayat menyebabkan saya minat dalam menghafaz al-Qur’ān” dan item “saya dapat membaca ayat hafazan dengan yakin ketika memahami maksud ayat” menunjukkan aspek keberkesanan Fiqh Ayat dalam hafazan berada pada tahap yang sangat baik bagi pelajar MITTIS. Hal ini berikutan pengalaman pelajar menjadi lebih berminat dan berkeyakinan untuk menghafaz apabila isi kandungan al-Qur’ān telah difahami. TP 1 dan TP 4 memaklumkan bahawa pelajar yang tidak fokus dalam pembelajaran al-Qur’ān pada awalnya dapat berubah setelah melalui proses membaca, memahami dan menghafaz al-Qur’ān. Terdapat juga sebahagian pelajar yang tidak minat menghafaz al-Quran bahkan tidak menguasai pembacaan al-Qur’ān pada awalnya namun berubah menjadi konsisten dalam pembelajaran al-Qur’ān.

Kefahaman makna ayat dalam kalangan pelajar didapati berkurangan setelah selesai menghafaz ayat hafazan. Hal ini disebabkan pelajar memperalatkan kefahaman makna ayat hanya untuk proses menghafaz sahaja. Kesannya pelajar didapati merasa sukar untuk mengekalkan kefahaman maksud ayat ketika melaksanakan aktiviti murajaah, ini bersesuaian dengan dapatan kajian soal selidik yang menunjukkan

interpretasi sederhana dengan nilai min 3.14 pada item “saya dapat melaksanakan aktiviti murajaah hafazan dengan membayangkan maksud ayat al-Qur’ān”.

Perubahan sikap dan sahsiah dapat berlaku apabila pendedahan Fiqh Ayat selalu ditekankan. Sebahagian pelajar yang mempunyai kebiasaan yang kurang baik pada awalnya dilihat berubah sedikit demi sedikit menjadi pelajar yang lebih baik memelihara solat, dapat membaca dan menghafaz dan memahami al-Qur’ān dengan baik secara konsisten. Hal ini dapat dilihat bersarkan pernyataan berikut: TP1 " *Kadang budak ni dia tak tau lah..tapi disebabkan ada pembelajaran Fiqh Ayat ni dia jadi lagi baik la..dia berubah..aa..jadinya Fiqh Ayat ni pentingla dalam pembentukan sahsiah pelajar..sebabnya macam-macam background pelajar ni..ada yang kat rumah memang tak ngaji, ada yang mak bapaknya memang tak cara.. "*

Selain itu, cara belajar pelajar turut mengalami perubahan daripada tidak mengambil berat maksud ayat kepada menjadikan Fiqh Ayat sebagai keutamaan. Sebahagian pelajar merasa agak sukar menggunakan kaedah kefahaman dalam menghafaz pada awalnya tetapi berubah apabila merasakannya lebih mudah. Ini dapat di lihat berdasarkan dapatan temubual informan P3: " *Aaa.. saya mula sejak form2 baru try guna macam kaedah guna maksud ni kan.. Baru try guna form 2. Tapi sekarang tengok lagi senang.* " Hal ini bersesuaian dengan dapatan soal selidik dengan nilai min 3.72 berada pada tahap yang tinggi pada pernyataan “penguasaan Fiqh Ayat memudahkan saya menghafaz al-Qur’ān.”

Kesan jangka masa panjang pelajar berlaku apabila maksud ayat dapat dihayati terutamanya ketika melakukan aktiviti murajaah. Secara tidak langsung ruh al-Qur’ān

meresap dalam jiwa pelajar hasil daripada konsisten menjaga kefahaman makna ayat. Walaupun proses ini mengambil masa yang agak lama tetapi tetap boleh dicapai seperti yang telah disentuh dalam kajian Jalal<sup>245</sup> bahawa kefahaman al-Qur'ān memerlukan masa yang lama mengambil i'brah daripada penurunan al-Qur'ān selama tempoh 22 tahun untuk meneguhkan hati baginda rasulullah saw. Sementara itu Fiqh Ayat juga dapat memberikan kesan terhadap aspek pengetahuan berkenaan ayat hukum dan sirah. Ini dapat membantu pelajar beramal dengan perintah Alquran dan meninggalkan larangannya seperti yang dinyatakan informan berikut : P3: *“aa... Fiqh Ayat ni membantu saya dalam memahami ilmu al-Quran sebab sebahagian ayat ade ayat hukum, ada ayat keterangan.. so kite dapat belajar la tentang hukum hakam dan ada nas dia ada bukti dia..”*.

Bagi mengukuhkan lagi kajian keberkesanan pembelajaran Fiqh Ayat ini pengkaji telah meminta 5 orang pelajar pelajar mengikuti proses menghafaz menggunakan dua kaedah hafazan iaitu pertama hafazan tanpa kefahaman dan kedua hafazan dengan kefahaman. Pelajar telah diberi penerangan berkenaan panduan hafazan dengan kefahaman bagi membezakan dapatan hafazan tanpa kefahaman. Setelah itu, pengkaji menemubual pelajar terbabit terhadap beberapa aspek berdasarkan pengalaman proses hafazan mereka. Hasil dapatan temu bual daripada proses kedua-dua kaedah hafazan direkodkan dan dipaparkan seperti jadual 4.11 berikut:.

---

<sup>245</sup> TPI : *“ustazla sikit-sikit bagi apa(tunjuk ajar) ..suruh baca iqra' apa semua..sedikit-sedikit berubah la kalau nak banding dengan awal-awal masuk dulu..cuma tu la serba sedikit pendedahan Fiqh Ayat tu membantu la membentuk budak macam tu..pencapaian budak macam ni jadi boleh baca la..”*

<sup>245</sup> Abdul Manaf, Abdul Jalal et al. “Keberkesanan Kaedah Kefahaman Makna Ayat Al-Quran Berbantuan Al-Quran Terjemahan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Hiz Al-Quran.” *Jurnal Darul Quran* (2015): 1–49.

Jadual 4.11 : Analisis Dapatan Temu Bual Kaedah Hafazan Dengan Kefahaman dan Tanpa Kefahaman.

Hafazan Tanpa Kefahaman					
Pelajar	Masa hafazan yang singkat	Kelancaran hafazan	Keupayaan mengingat semula ayat yang terlupa	Penguasaan kefahaman	Ketepatan hafazan
UP1	/	x	x	x	x
UP2	x	/	x	x	/
UP3	x	x	/	/	/
UP4	x	x	x	x	x
UP5	/	x	x	x	/
Hafazan Dengan Kefahaman					
Pelajar	Masa hafazan yang singkat	Kelancaran hafazan	Keupayaan mengingat semula ayat yang terlupa	Penguasaan kefahaman	Ketepatan hafazan
UP1	/	/	/	/	/
UP2	/	/	/	/	/
UP3	/	/	/	/	/
UP4	/	/	/	/	/
UP5	/	/	/	/	/

Sumber : Temubual proses Hafazan dan Fiqh Ayat terhadap 5 pelajar MITTIS 2021.

Jadual 5.4 menunjukkan analisis dapatan temubual daripada pengalaman proses hafazan dan Fiqh Ayat bagi setiap pelajar MITTIS yang terlibat untuk membuktikan tahap keberkesanan Fiqh Ayat terhadap hafazan. Setelah pelajar menggunakan dua kaedah hafazan yang berlainan temu bual dijalankan terhadap tahap pencapaian pelajar. Analisis keseluruhan kajian ini mendapati bahawa pengalaman daripada proses hafazan dengan kefahaman memberikan impak yang lebih berkesan terhadap semua aspek yang dikaji terdiri daripada tempoh masa hafazan yang singkat, kelancaran, keupayaan ingatan,



penguasaan kefahaman dan ketepatan hafazan. Ini membuktikan bahawa pengalaman dalam proses hafazan dengan kefahaman mengungguli kaedah pembelajaran hafazan dan Fiqh Ayat berbanding kaedah hafazan tanpa kefahaman al-Qur'ān.

#### 4.7 Perkaitan Fiqh Ayat Dan Hafazan al-Qur'ān

Bidang Fiqh Ayat diwujudkan dalam KBT pada hakikatnya adalah untuk menyokong dan memperkukuhkan hafazan al-Qur'ān itu sendiri. *Al-Qab s* telah menyatakan beberapa rukun yang perlu dilengkapi oleh penghafaz al-Qur'ān termasuk hafazan dan kefahaman makna ayat.<sup>246</sup> Hal berkenaan juga turut disentuh dalam kajian Maisarah<sup>247</sup> yang mendapati kualiti hafazan dapat ditingkatkan dengan memahami dan mentadabbur makna ayat dalam kajian beliau berkaitan keutamaan tadabbur terhadap pelajar tahfiz.

Penekanan terhadap hafazan dan kefahaman perlu seiring. Justeru pengkaji ingin melihat keberkesanan pelaksanaan Fiqh Ayat terhadap hafazan yang sebenarnya saling berkaitan bagi memperkukuhkan lagi kualiti hafazan al-Qur'ān pelajar. Namun merujuk kepada dapatan analisis soal selidik keberkesanan pelajar terhadap Fiqh ayat ini hanya menunjukkan trend sederhana bagi item Fiqh Ayat memudahkan pelajar menghafaz.

---

<sup>246</sup> Al-Qabisi (1955) menyatakan objektif di dalam pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Qur'ān ini ialah, al-hifz iaitu pelajar dapat menghafaz al-Qur'ān dengan baik tanpa melihat mushaf. Al-wa'iy (penghayatan) iaitu pelajar dapat menghayati dan memahami ayat yang dibaca serta bersemadi di dalam jiwa dan istirja' iaitu pelajar dapat membaca semula ayat yang dihafaz dengan penuh kelancaran mengikut susunan, huruf, baris dan sebagainya tanpa melihat mushaf. Menurut beliau, mereka yang telah memiliki ketiga-tiga kemahiran ini merupakan mereka yang telah menghafaz al-Qur'ān dengan baik.

<sup>247</sup> Maisarah Thulhuda, et al., "Keutamaan Amalan Tadabbur al-Quran terhadap Pelajar Tahfiz, Jurnal al-Turath", 3.2, (2018), 16-21.

Dapatan ini timbul daripada dapatan kajian Azmil dan Ab Halim<sup>248</sup> yang mendapati kurangnya kaedah hafazan dengan menggunakan kefahaman dikalangan pelajar tahfiz.

Apabila diselidiki melalui temubual bersama tenaga pengajar MITTIS, didapati kebanyakan pelajar menumpukan Fiqh Ayat hanya selepas mereka menghafaz Al-Qur'an. Pengkaji sekali lagi cuba menyelami situasi sebenar yang berlaku melalui temubual bersama informan dan mendapati punca kurangnya kaedah kefahaman digunakan dalam hafazan adalah disebabkan faktor masa dan tahap kecerdasan serta kesedaran. Ini boleh dinilai melalui dapatan temubual berikut:

P5 : "*selalunya saya akan terus menghafaz kerana tidak sempat memahami maksud ayat..*"

P2: "*Aaa.. saya mula sejak form2 baru try guna macam kaedah guna maksud ni kan. Baru try guna form 2. Tapi sekarang tengok lagi senang.*"

P3 : "*apabila melihat pelajar tingkatan 1 dan 2 mampu memahami makna ayat, maka saya terpenggil untuk mengutamakan makna ayat dalam hafazan saya serta berkongsi dengan rakan-rakan agar saya dapat ingat sentiasa"*

Penyataan-penyataan diatas juga menunjukkan bahawa Fiqh Ayat dan hafazan saling berkaitan dari aspek persamaan objektif yang ingin dicapai dalam pembelajaran KBT iaitu agar dapat mengingati ayat hafazan. Proses menghafaz al-Qur'ān yang dilalui pelajar akan menjadi panduan yang bermakna bagi memperkemaskan kaedah atau teknik hafazan yang lebih baik. Pengalaman pembelajaran daripada perkongsian rakan-rakan juga dapat memberikan manfaat kepada pelajar dalam usaha menambahbaik hafazan dan kefahaman al-Qur'ān.

---

<sup>248</sup> Azmil Hashim dan Ab. Halim Tamuri, "Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Pembelajaran Tahfiz al-Quran di Malaysia," *Journal of Islamic and Arabic Education* 4.2 (2012), 1-10.

#### 4.8 Analisis Hasil Keberkesanan Fiqh Ayat Terhadap Hafazan

Jadual 4.12 : Analisis keberkesanan Fiqh Ayat terhadap hafazan daripada pandangan guru dan pelajar

	<b>Guru</b>		<b>Pelajar</b>
TP1	1. Perbanyakkan makna perkataan al-Qur'ān	P1	1. Membuat persediaan awal dengan membaca dan memahami makna ayat 2. Memberikan tumpuan pada pengajaran guru 3. Menghafal dengan kefahaman
TP2	1. Menghafal dengan kefahaman 2. Memperbanyakkan makna perkataan al-Qur'ān	P2	1. Membuat persediaan awal dengan membaca dan memahami makna ayat 2. Menghafal dengan kefahaman
TP3	1. Membaca makna terjemahan	P3	1. Menghafal dengan kefahaman 2. Menulis makna perkataan al-Qur'ān didalam nota 3. Menerangkan maksud ayat yang difahami kepada rakan lain.
TP4	1. Memperbanyakkan makna perkataan al-Qur'ān 2. Pendedahan ilmu nahwu	P4	1. Memberikan tumpuan pada pengajaran guru 2. Menerangkan maksud ayat yang difahami kepada rakan lain. 3. Menghafal dengan kefahaman
TP5	1. Memperbanyakkan makna perkataan 2. Pelbagai bahan bantu belajar	P5	1. Membuat persediaan awal dengan membaca dan memahami makna ayat 2. Bertanya rakan yang lebih mengetahui
TP6	1. Menghafal dengan kefahaman		

Sumber : Analisis dapatan kajian keberkesanan Fiqh Ayat terhadap hafazan 2021.

Jadual 4.12 menunjukkan analisis keberkesanan Fiqh Ayat terhadap hafazan pelajar MITTIS dari sudut guru dan pelajar. Pengkaji menetapkan analisis keberkesanan ini dengan mengintegrasikan pencapaian Fiqh Ayat dan hafazan. Justeru analisis keberkesanan Fiqh Ayat terhadap hafazan ini sekaligus menjadi cadangan alternatif untuk meningkatkan pencapaian kedua-duanya sebagaimana berikut :

- i. Kaedah Hafazan Dengan Kefahaman

Masalah pencapaian Fiqh Ayat dan hafazan dapat diatasi dengan kaedah hafazan dengan kefahaman. Beberapa parameter telah dikenal pasti dalam melaksanakan kaedah ini dimana pelajar perlu membaca, mengenalpasti setiap makna, menyusun terjemahan, hafazan dengan menggambarkan makna secara diulang-ulang (takrar) beberapa kali sehingga dapat menghafaz ayat pertama, kedua dan seterusnya. Dapatan daripada ujian hafazan dengan kefahaman yang telah dilaksanakan menunjukkan kaedah ini memberikan impak positif kepada pencapaian Fiqh Ayat dan hafazan pelajar. Oleh itu pelajar digalakkan menggunakan kaedah hafazan dengan kefahaman ketika menghafaz,

ii. Memperbanyakkan Makna Perkataan

Keupayaan pelajar dalam menguasai banyak makna terjemahan perkataan menjadi kekuatan pelajar menterjemahkan makna ayat hafazan. Semakin banyak makna terjemahan perkataan dikuasai maka semakin baik pelajar dapat menguasai makna ayat al-Qur'ān. Pelbagai usaha dilakukan oleh pelajar dalam memperbanyakkan perbendaharaan makna perkataan antaranya menulis makna setiap perkataan yang tidak diketahui dalam buku nota, menghafal makna terjemahan perkataan, bertanya rakan, menandakan makna perkataan yang tidak difahami sebelum mencari rujukan. Perbendaharaan makna perkataan dan pengalaman pembelajaran<sup>249</sup> yang banyak ternyata memudahkan pelajar mengingat kembali perkataan yang terlupa terutamanya ketika hafazan murajaah tersangkut pada pangkal ayat hafazan ( perkataan). Selain itu

---

<sup>249</sup> Hussin, Zahriah et al. "Kepentingan Skemata Arab Terhadap Kefahaman Al-Quran Dan Pencapaian Hafazan," *Malaysian Journal of Learning and Instruction* 18.Number 1 (2021): 265–287.

pelajar menjadi lebih peka terhadap perbezaan perkataan pada ayat hafazan yang mutashabihat.

### iii. Meningkatkan Minat Mendalami Ayat Hafazan

Kecenderungan atau minat seseorang adalah bergantung kepada tujuan dan motivasi seseorang.<sup>250</sup> Tujuan pelajar tahfiz adalah dapat menghafaz al-Qur'ān, Oleh itu apabila kaedah hafazan dengan kefahaman ini dapat memudahkan pelajar MITTIS menghafaz al-Qur'ān akan menyebabkan pelajar bermotivasi menguasai makna ayat. Penguasaan kefahaman makna ayat mampu mempengaruhi pelajar untuk lebih mendalami maksud isi kandungan al-Qur'ān. Daripada situasi tersebut minat pelajar terhadap al-Qur'ān semakin meningkat kerana merasa seronok dan puas mengetahui maksud ayat yang telah dihafaz lebih-lebih lagi pada kisah-kisah al-Qur'ān, hukum hakam dan lain-lain. Pelajar secara tidak langsung dapat memanfaatkan makna susunan kisah-kisah al-Qur'ān ini untuk menyusun ayat dalam proses hafazan dan aktiviti murajaah. Minat yang terhasil daripada proses pembelajaran Fiqh Ayat ini dapat meningkatkan pencapaian Fiqh Ayat dan mendorong pelajar untuk lebih banyak membaca, menghafaz dan murajaah al-Qur'an.

### iv. Perkongsian Pintar Fiqh Ayat Bersama Rakan

Di antara usaha pelajar untuk mengekalkan ingatan terhadap Fiqh Ayat adalah dengan berkongsi cerita dan kefahaman makna ayat hafazan bersama rakan-rakan yang

---

<sup>250</sup> Hashimah, Nor, Ahmad Shukri, and Khadijah Abdul Razak. "Faktor Motivasi Pelajar Dalam Pengukuhan Hafazan Al-Quran Di Kota Bharu (The Motivational Factors of Students in Improving of Quran Memorization in Kota Bharu)." *Myjms.Moe.Gov.My* 2.3 (2020): 32–40.

lain.<sup>251</sup> Pelajar dengan inisiatif sendiri dilihat saling berkongsi dan membimbing pelajar junior dan yang masih belum memahami kefahaman makna ayat menyebabkan mereka dianugerahi kefahaman yang lebih baik dan hafazan menjadi semakin mantap. Pelajar MITTIS yang berada di menengah atas sentiasa dilibatkan mengetuai program sekolah terutamanya perkongsian Fiqh Ayat selepas solat subuh secara bergilir. Program perkongsian ini menunjukkan penguasaan dan keberkesanan Fiqh Ayat pelajar berada pada tahap yang baik.

#### v. Pendedahan Ilmu *Nahwu* Bahasa Arab

Ilmu nahwu diwujudkan berasaskan struktur ayat al-Qur'ān. Pendedahan terhadap ilmu nahwu bahasa Arab yang diterapkan oleh guru MITTIS mampu memberikan kesan yang baik dalam pemahaman ayat al-Quran pelajar. Pendedahan ilmu nahwu ini penting kepada pelajar agar dapat memelihara kefahaman makna ayat daripada kesilapan pemahaman. Melalui ilmu nahwu juga, pelajar dapat memanfaatkan penguasaan hafazan ketika proses menyusun perkataan dalam ayat hafazan dengan lebih cepat.<sup>252</sup> Selain itu pelajar juga dapat mengenalpasti baris hujung perkataan dalam ayat hafazan. Justeru pendedahan ilmu nahwu ini sangat membantu pelajar menguasai Fiqh Ayat dengan lebih baik dan dapat memelihara ayat hafazan.

#### vi. Sikap Positif Dalam Mempelajari Fiqh Ayat

---

<sup>251</sup> Nabihah Yusuf, Harun Baharudin, Maimun Aqsha Lubis, Muhammad Saiful Anuar Yusoff. "Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Kaedah Bimbingan Rakan Sebaya (BRS) Untuk Pembelajaran Kos Kata Arab." *e-Academia Journal* 7.2 (2018): 66–75.

<sup>252</sup> Zahriah et al. "Kepentingan Nahu Arab Dalam Menghafaz Al-Quran." *GEMA Online Journal of Language Studies* 16.2 (2016): 95–110.

Dapatan daripada pemerhatian aktiviti tasmik hafazan menunjukkan pelajar yang kurang membuat persediaan awal memahami makna ayat sukar untuk menyebut Fiqh Ayat. Keadaan ini dikesan daripada kegopohan sebahagian pelajar menghafaz dalam keadaan terburu-buru tanpa meneliti makna ayat, sehingga menyebabkan pelanggaran pada kaedah *waqaf ibtida'* yang menyebabkan kerosakan maksud ayat yang dihafaz.<sup>253</sup> Sikap positif pelajar dengan membuat persediaan awal dalam memahami makna ayat disamping memberi perhatian kepada pengajaran guru dapat membantu pelajar mendapatkan kefahaman makna ayat yang benar. Sikap positif pelajar dalam mempelajari Fiqh Ayat akan mempengaruhi tindakan pelajar menguasai suatu pembelajaran.<sup>254</sup>

#### vii. Mempelbagaikan Kaedah Pengajaran

Hasil daripada temubual dan pemerhatian terhadap kaedah PdP mendapati pelajar amat memerlukan bimbingan guru dalam memahami maksud ayat terutamanya bagi pelajar yang masih belum menguasai Fiqh Ayat. Peranan dan kesungguhan guru dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran ternyata memberi impak yang besar dalam penguasaan Fiqh Ayat pelajar. Situasi ini dapat dilihat apabila pelajar bersemangat membentangkan Fiqh Ayat secara berkumpulan kepada rakan yang lain dalam sesi PdP. Pelajar juga dilihat tidak menunjukkan ketidakselesaan mengikuti pelbagai aktiviti PdP seperti kuiz, soal jawab dan sebagainya, sebaliknya pelajar

---

<sup>253</sup> Nurulhuda binte Mohd Hashim, Abd Rauf bin Hassan, Pengaruh Bahasa Arab Terhadap Kaedah Waqaf: Kajian Terhadap Ayat 25, 26 Dan 85 Dari Surah Albaqarah, *International Journal on Quranic Research (IJQR)* 3.4 (2013),. 121-136

<sup>254</sup> Noorafini Kassim, et al., Pengaruh Sikap Pelajar Dan Pengajaran Guru Terhadap Penguasaan Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar PPIB, UMS. *Jurnal 'Ulwan* 1.0 (2017) : 125-142.

menunjukkan komitmen dan kerjasama yang baik bersama rakan kumpulan. Keberkesanan Fiqh Ayat daripada kepelbagaian pengajaran guru dapat dilihat melalui penglibatan aktif pelajar dalam sesi PdP bagi menguasai makna ayat serta memperkukuhkan ayat hafazan pelajar. Pengaruh guru dalam meningkatkan penguasaan pembelajaran selari dengan kajian Noorafini<sup>255</sup> yang mendapati keberkesanan pembelajaran dapat dicapai sekiranya perancangan pengajaran disusun dengan rapi dan sistematik.

#### 4.9 Analisis Objektif *al-Qabīsī*

Analisis ini menghuraikan mengenai 3 objektif yang digariskan oleh *al-Qa* iaitu hafazan, mengingat semula ayat hafazan dan kefahaman yang perlu dicapai dalam pembelajaran tahfiz berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan seperti berikut :

##### i) Dapatan aspek *al-Hifz*

Jadual 4.13. Min, Sisihan Piawai Dan Interpretasi aspek *al-Hifz*

Bil	<i>al-Hifz</i> : hafazan	Min	S.P	Interpretasi
1	Saya dapat membaca ayat hafazan dengan yakin ketika memahami maksud ayat.	3.73	0.98	Tinggi
	Penguasaan Fiqh Ayat memudahkan saya menghafaz al-Qur'an.	3.72	0.91	Tinggi

Sumber: Soal selidik terhadap 103 orang responden di MITTIS Sabak Bernam, 16 Mei 2021.

Jadual 4.13 menunjukkan 2 item dalam aspek *al-hifz* yang menjadi tunggak keberhasilan objektif *al-hifz* dengan pernyataan “saya dapat membaca ayat hafazan dengan yakin” dengan nilai (min=3.73, sp=0.98) dan “penguasaan Fiqh Ayat

<sup>255</sup> *Ibid.*



memudahkan saya menghafaz al-Qur'an" dengan nilai (min=3.72, sp=0.91) berada pada tahap yang tinggi. Situasi ini menunjukkan keberkesanan kaedah hafazan dengan kefahaman yang digunakan oleh pelajar MITTIS. Dapatan kajian temubual juga mendapati kaedah ini sangat memudahkan proses hafazan pelajar sekaligus mengukuhkan lagi gagasan kaedah hafalan dengan kefahaman *David Kember*.<sup>256</sup>

ii) Dapatan aspek *al-Istirja'*

Jadual 4.14. Min, Sisihan Piawai Dan Interpretasi aspek *al-Istirja'*

Bil	<i>al-Istirja'</i> : mengingati semula ayat hafazan	Min	S.P	Interpretasi
1	Saya dapat mengingati semula ayat hafazan yang terlupa apabila mengetahui makna ayat al-Qur'an.	3.53	0.97	Sederhana
2	Saya dapat melaksanakan aktiviti murajaah hafazan dengan membayangkan maksud ayat al-Qur'an.	3.14	0.87	Sederhana

Sumber: Soal selidik terhadap 103 orang responden di MITTIS Sabak Bernam, 16 Mei 2021.

Jadual 4.14 menunjukkan item *al-Istirja'* dalam pernyataan "saya dapat mengingati semula ayat hafazan yang terlupa" dengan nilai (min=3.53, sp=0.97) dan pernyataan "saya dapat melaksanakan aktiviti murajaah" dengan nilai (mi=3.14, sp=0.87) berada pada tahap sederhana. Kemampuan pelajar membaca semula ayat hafazan dipengaruhi oleh ingatan jangka masa panjang hasil daripada muraja'ah. Dapatan pemerhatian mendapati pelaksanaan murajaah pelajar ada dilaksanakan didalam kelas pdp kerana masa yang diperuntukkan dilebihkan bagi kelas hafazan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap pencapaian objektif *al-Istirja'* bagi pelajar MITTIS adalah sederhana. Keupayaan membaca semula ayat hafazan didapati tidak memadai

<sup>256</sup> David Kember, The intention to both memorise and understand: Another approach to learning?, Higher Education 31 (1996), 341-354.

hanya dengan kaedah kefahaman sahaja bahkan memerlukan kaedah hafazan sokongan seperti *tikrar*, minat dan lain-lain.

iii) Dapatan aspek *Al-Wa'yu*

Jadual 4.15. Min, Sisihan Piawai Dan Interpretasi aspek *al-Wa'yu*

Bil	<i>al-Wa'yu</i> : kefahaman	Min	S.P	Interpretasi
1	mengetahui makna terjemahan perkataan didalam al-Qur'ān.	2.98	0.94	Sederhana
2	memahami maksud ayat hafazan secara umum.	2.92	0.94	Sederhana
3	dapat mengeluarkan pengajaran ayat yang telah dihafaz.	2.63	0.95	Sederhana
4	dapat menghuraikan intisari makna ayat yang telah dihafaz.	2.50	0.88	Sederhana
5	dapat menceritakan kisah-kisah yang terdapat didalam surah yang telah dipelajari.	3.40	1.11	Sederhana
6	mengetahui maksud ayat hukum yang terdapat dalam ayat yang telah dipelajari.	3.12	0.93	Sederhana
7	boleh menterjemahkan makna ayat yang telah dipelajari.	3.06	0.98	Sederhana
8	mampu menghuraikan sebab penurunan ayat yang telah dipelajari.	2.67	0.97	Sederhana

Sumber: Soal selidik terhadap 103 orang responden di MITTIS Sabak Bernam, 16 Mei 2021.

Jadual 4.15 menunjukkan nilai min dan sisihan piawai bagi item-item objektif *al-Wa'yu* dengan pelbagai kemahiran kefahaman al-Qur'ān. Semua item kefahaman ini berada pada tahap sederhana dengan nilai min yang tertinggi pada item menceritakan kisah didalam surah (min=3.40, sp=1.11) diikuti item mengetahui maksud ayat hukum (min=3.12, sp=0.93), boleh menterjemahkan ayat (min=3.06, sp=0.98), mengetahui terjemahan perkataan (min=2.98, sp=0.94), memahami maksud ayat (min=2.92, sp=0.94), mampu menghuraikan sebab penurunan ayat (min=2.67,

sp=0.97), dapat mengeluarkan pengajaran ayat (min=2.63, sp=0.95) dan dapat menghuraikan intisari ayat (min=2.50, sp=0.88).

Dapatan kajian juga menunjukkan kemahiran menceritakan kisah al-Qur'ān kurang diaplikasikan dalam kelas Pdp di MITTIS. Begitu penerangan tentang ayat hukum, sebab penurunan ayat berikutan masa yang diperuntukkan sangat terhad. Hal ini menyebabkan pengetahuan pelajar dalam menterjemahkan makna perkataan dan juga ayat masih kurang memuaskan. Kesannya kemampuan dalam memahami maksud ayat sedikit terjejas apatah lagi kemahiran mengeluarkan pengajaran ayat dan menghuraikan intisari ayat memerlukan kefahaman yang lebih mendalam dengan bantuan guru. Dapatan ini juga menunjukkan objektif kefahaman (wa'yu) dalam kalangan pelajar MITTIS masih kurang diberi penekanan walaupun pembelajaran Fiqh Ayat telah diwujudkan dalam kurikulum rasmi (KBT).

#### **4.10 Rumusan**

Hasil dapatan soal selidik menunjukkan min keseluruhan bagi tahap pembelajaran Fiqh Ayat dalam kalangan responden ialah 3.67 dengan sisihan piawai 0.82 berada pada tahap tinggi. Pelajar dilihat cenderung menggunakan al-Qur'ān terjemahan bagi memahami maksud ayat disamping memerlukan bimbingan guru untuk mengesahkan kefahaman mereka. Walaubagaimanapun pelajar tidak ada masalah dengan tempoh masa pembelajaran rasmi Fiqh Ayat kerana merasakan telah membuat persediaan sebelum kelas PdP Fiqh Ayat.

Seterusnya semasa proses PdP pelajar akan menyatakan Fiqh Ayat sama ada dari sudut makna terjemahan, intisari ayat dan pengajaran ayat kepada guru setelah selesai aktiviti

*tasmik* ayat hafazan. Guru pula sentiasa peka dengan kesalahan kefahaman maksud ayat pelajar dengan memperbetulkan kefahaman yang salah. Disamping itu inisiatif sebahagian guru turut berkongsi dan menerangkan Fiqh Ayat kepada pelajar semasa proses PdP.

Fasa selepas PdP pula pelajar bertanggungjawab mengulangkaji Fiqh Ayat yang telah dikuasai dengan cara menghayati maksud ayat yang difahami dalam aktiviti murajaah hafazan disamping berkongsi Fiqh Ayat bersama rakan. Sebahagian pelajar juga dijadualkan memberikan perkongsian tazkirah kepada pelajar lain berkaitan kefahaman makna ayat yang telah dihafaz. Guru juga tidak ketinggalan memberikan pengajian diluar kelas bagi membincangkan kefahaman al-Qur'an sebagai pengisian dan aktiviti sokongan kepada pelajar. Selain itu sistem penilaian formatif dan sumatif juga ada bagi menentukan tahap penguasaan pelajar disamping menambahbaik mutu pengajaran guru. Tambahan pula pentaksiran KBT juga turut menyediakan platform pentaksiran bilik darjah (PBD) bagi menentukan tahap penguasaan pelajar yang akan dibincangkan dengan lebih lanjut pada bab yang seterusnya.

Tahap penguasaan Fiqh Ayat ini penting diberi perhatian bagi mengesan perkaitan dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang terbaik. Penguasaan Fiqh Ayat pelajar MITTIS secara sendiri didapati berada tahap yang lemah berdasarkan nilai min data soal selidik yang telah dibuat. Keadaan itu tidak banyak berbeza dengan data penguasaan Fiqh Ayat yang telah dipelajari. Ini menunjukkan aktiviti PdP perlu dipertingkatkan dengan melakukan penambahbaikan terhadap kaedah PdP sedia ada. Pengkaji juga turut mengesan kesesuaian definisi pelbagai penguasaan Fiqh Ayat yang menyebabkan kecelaruan dalam mencapai objektif KBT ini. Kecelaruan ini turut disokong dengan silibus Fiqh Ayat yang

sangat banyak menyebabkan fokus guru dan pelajar terhadap Fiqh Ayat hanya menyentuh beberapa ayat sahaja dalam pembelajaran, sedangkan isi kandungan al-Quran yang lain tidak dapat dibincangkan. Perkara ini dapat dilihat melalui kemampuan pelajar menterjemahkan makna ayat hanya tertumpu kepada ayat-ayat yang mudah dan biasa dijumpai. Apabila di soal berkenaan ayat yang lebih susah, pelajar didapati tidak dapat menjawab walaupun ayat tersebut telah dihafaz.

Keperluan modul yang lebih khusus yang merangkumi bahasa Arab dan penentuan tajuk tema ayat dilihat sangat diperlukan dalam membantu penguasaan Fiqh Ayat pelajar. Pelajar perlu dikukuhkan terlebih dahulu dengan asas tatabahasa bahasa Arab disamping perbendaharaan makna perkataan sebelum diajar Fiqh Ayat. Selain itu, penentuan tajuk tema ayat juga dapat membantu pelajar lebih fokus terhadap Fiqh Ayat. Ini dapat dilihat dengan jelas melalui dapatan soal selidik yang tidak jauh berbeza diantara pembelajaran Fiqh Ayat secara umum(kendiri) atau pelajar perlu mempelajari bersama guru.

Pengkaji optimis dengan kemampuan pelajar MITTIS dalam menguasai Fiqh Ayat pelajar MITTIS. Pengalaman membuat kajian bersama pelajar dan tenaga pengajar MITTIS meyakinkan pengkaji bahawa pelajar MITTIS berpotensi untuk menguasai Fiqh Ayat dan hafazan. Melihat kepada kesediaan tenaga pengajar MITTIS yang memulakan pengajaran seawal jam 4 pagi dan mengorbankan sebahagian masa cuti mereka untuk mendidik pelajar membuktikan bahawa *murabbi* di MITTIS sangat berusaha mendidik pelajar.

Seterusnya melalui data pemarkahan, pelajar didapati cenderung membentuk pelbagai kategori tahapan penguasaan yang pada asasnya dipengaruhi oleh tahap kecerdasan sedia ada

pelajar semata-mata. Pengaruh guru dalam PdP tidak memadai terutamanya terhadap pelajar tingkatan 1 dan 2 yang dilihat masih kurang perbendaharaan kalimah al-Qur'an. Peranan guru dalam hal ini sangat dituntut bagi membantu pelajar yang baru mempelajari dan menguasai Fiqh Ayat dengan lebih pantas agar keciciran Fiqh Ayat bagi silibus tingkatan 1 dan 2 dapat dikurangkan.

Seterusnya dapatan temubual guru pada hakikatnya mengesahkan bahawa data analisis soal selidik dan markah peperiksaan serta pemerhatian pengkaji selari dengan kesimpulan penguasaan Fiqh Ayat pelajar MITTIS masih berada pada tahap yang lemah dan perlu dibuat penambahbaikan. Walaupun demikian aspek hafazan pelajar juga perlu diberikan perhatian dalam KBT. Pelajar didapati lebih menumpukan aspek hafazan berbanding Fiqh Ayat. Kepentingan aspek hafazan ini bersesuaian dengan kadar pemarkahan yang lebih pada aspek hafazan. Namun begitu pengkaji cenderung untuk melihat keberkesanan Fiqh Ayat terhadap kualiti hafazan pelajar yang akan dibincangkan pada bab selepas ini.

Seterusnya pengkaji menerangkan analisis dapatan soal selidik bahagian (D) iaitu keberkesanan Fiqh Ayat terhadap hafazan dan perbincangan dapatan berdasarkan ujian hafazan, hasil temubual dan pemerhatian. Tahap keberkesanan Fiqh Ayat terhadap hafazan pelajar dapat diketahui melalui dapatan soal selidik keberkesanan, disamping meneliti dapatan pemerhatian dan temubual. Dapatan soal selidik keberkesanan secara keseluruhan dengan nilai min 3.60 berada pada tahap sederhana pada konstruk keberkesanan Fiqh Ayat terhadap hafazan. Namun begitu 3 item menunjukkan data interpretasi yang tinggi iaitu keberkesanan penguasaan Fiqh Ayat dapat menimbulkan minat menghafaz, dapat membaca

hafazan dengan yakin dan dapat memudahkan proses hafazan. Sementara 2 item dengan tahap interpretasi sederhana menunjukkan bahawa Fiqh Ayat dapat membantu pelajar mengingati semula ayat hafazan yang terlupa dan dapat membantu pelajar menghayati maksud ayat terutamanya ketika aktiviti murajaah. Dapatan ini membuktikan bahawa Fiqh Ayat berkesan membantu dan mengukuhkan hafazan pelajar.

Perbincangan dilanjutkan dengan menjelaskan dapatan pemerhatian dan temubual guru dan pelajar yang mendapati bahawa keberkesanan pelaksanaan Fiqh Ayat mempengaruhi peningkatan penguasaan Fiqh Ayat, membentuk peribadi mulia dan memudahkan proses hafazan dan muraja'ah pelajar. Seterusnya tahap keberkesanan Fiqh Ayat terhadap hafazan pelajar MITTIS diteliti berdasarkan dapatan temubual pengalaman aktiviti hafazan dengan kefahaman yang menunjukkan Fiqh Ayat dan hafazan dapat dikuasai dengan baik berbanding kaedah hafazan tanpa kefahaman. Hal ini turut disokong daripada dapatan temubual dengan majoriti menyatakan hafazan dapat ditingkatkan dengan penguasaan Fiqh Ayat.

Secara kesimpulan perbincangan bab ini dapat memenuhi objektif pembelajaran, penguasaan dan keberkesanan Fiqh Ayat pelajar MITTIS serta dapat merungkai persoalan kajian yang telah ditetapkan. Perbincangan ini penting bagi melihat keberkesanan pelaksanaan Fiqh Ayat bagi pelajar tahfiz di peringkat sekolah menengah khususnya di MITTIS.

## **BAB 5**

### **RUMUSAN DAN CADANGAN**

#### **5.1 Pengenalan**

Pada bab ini penulisan akan memfokuskan perbincangan berkenaan rumusan dapatan kajian. Perbincangan ini akan menonjolkan hasil dapatan bagi menjawab semua persoalan kajian sekaligus memenuhi objektif yang telah digariskan dalam kajian ini. Seterusnya penulisan ini akan membentangkan ulasan dan perbincangan daripada dapatan kajian yang telah dilaksanakan. Pada bahagian akhir bab ini akan dikemukakan beberapa saranan dan cadangan kajian untuk penambakan serta kajian lanjutan pada masa akan datang.

#### **5.2 Rumusan Kajian**

Penulisan ini akan membincangkan berkenaan kajian “Pelaksanaan Fiqh Ayat Dalam Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT)” dengan menyentuh rumusan kajian berdasarkan objektif kajian. Kajian ini merupakan kajian lapangan menggunakan kaedah campuran yang dijalankan terhadap pelajar tahfiz di MITTIS Sabak Bernam.

##### **5.2.1 Latar Belakang Responden Kajian**

Dapatan kajian bahagian latarbelakang terdiri daripada umur dan tingkatan responden daripada tingkatan satu hingga lima dengan pencapaian jumlah juzuk hafazan daripada juzuk satu hingga khatam. Responden dalam kalangan pelajar lelaki lebih ramai dengan lelaki 75 dan perempuan hanya 28 orang pelajar sahaja. Semua



responden kajian dipilih secara rawak mudah serta berdasarkan pengalaman pembelajaran Fiqh Ayat yang telah dilalui sepanjang pembelajaran.

### **5.2.2 Pelaksanaan Pembelajaran Fiqh Ayat Di MITTIS**

Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) adalah landasan pengajian moden tahfiz yang diwujudkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) bagi memenuhi banyak permintaan masyarakat yang yakin dengan pendidikan al-Qur'ān. Pembentukan KBT adalah hasil gabung jalin diantara Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Pengajian Tahfiz yang telah lama bertapak didalam negara. Mata pelajaran Fiqh Ayat KBT diwujudkan bagi mengukuhkan lagi pengetahuan serta hafazan al-Qur'ān.

Usaha ini perlu digembeling oleh pihak sekolah, guru dan pelajar dengan pengetahuan berkenaan sukatan pelajaran yang terdapat di dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Prestasi (DSKP) Fiqh Ayat. Sukatan Fiqh Ayat KBT dihubungkan dengan penyediaan buku teks al-Qur'ān al-Karim dengan Terjemahan KPM sebagai rujukan utama guru dan pelajar dalam pelaksanaan Fiqh Ayat. Isi kandungan buku teks ini meliputi terjemahan makna ayat, tema, asbāb nuzul dan tanda waqaf ibtida' turut digunakan dalam pembinaan soalan peperiksaan bagi Fiqh Ayat.

Sukatan Fiqh Ayat yang telah disusun didalam DSKP merangkumi pembahagian juzuk dan surah bagi setiap tingkatan masing-masing mengikut nisbah juzuk silibus hafazan pelajar iaitu 6, 7, 6, 7, 4. Sukatan Fiqh Ayat ini dimulai dari juzuk 30, 1-5 surah 'Ammah bagi tingkatan 1. Tingkatan dua dari juzuk 6 hingga 12, Tingkatan tiga dari juzuk 13 hingga 18, Tingkatan empat dari juzuk 19 hingga 25 dan tingkatan lima dari juzuk 26 hingga 29 (khatam). Penetapan sukatan Fiqh Ayat yang

kurang bagi tingkatan 5 ini memberi ruang ulangkaji yang lebih lama bagi membuat persediaan peperiksaan SPM.

Sehubungan dengan itu rancangan pengajaran guru sama ada rancangan pengajaran tahunan (RPT) atau rancangan pengajaran harian (RPH) perlu merujuk kepada buku teks al-Qur'ān al-Karīm dengan Terjemahan (KPM) dan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Fiqh Ayat (DSKP) agar pelaksanaan Fiqh Ayat KBT berada di landasan yang sepatutnya. Silibus Fiqh Ayat yang banyak perlu disusun dan dirancang pembelajarannya dengan baik agar objektif KBT dalam kalangan pelajar tahfiz dapat disempurnakan.

Fiqh Ayat adalah sebahagian daripada mata pelajaran Hifz al-Qur'ān KBT di Maahad Integrasi Tahfiz Tunas Ilmuwan Selangor (MITTIS). Pengajaran dan pembelajaran Fiqh Ayat di MITTIS dilaksanakan setiap hari didalam kelas hafazan. Penggabungan kelas Fiqh Ayat dalam kelas Hifz ini merupakan langkah proaktif pentadbir berikutan kewujudan kelas Pdp khusus Fiqh Ayat sebelum ini digugurkan kerana tidak disempurnakan dengan baik oleh tenaga pengajar. Langkah penggabungan ini diambil bagi menjimatkan masa pembelajaran Fiqh Ayat yang sangat terhad dan silibus Fiqh Ayat yang banyak. Tambahan pula peruntukan masa untuk mata pelajaran akademik yang lain juga terhad.

Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Fiqh Ayat dibahagikan kepada tiga fasa iaitu aspek persediaan sebelum, semasa dan selepas aktiviti Pdp. Persediaan sebelum bagi guru bermula dengan kefahaman berkenaan DSKP Fiqh Ayat KBT serta usaha guru mengulangkaji kefahaman al-Qur'ān Selain itu, rancangan

pengajaran tahunan RPT diwujudkan secara seragam mengikut tingkatan bagi memudahkan para guru melaksanakan pembelajaran. Bagi persediaan semasa pula guru didapati hanya menyediakan rancangan pengajaran harian bagi mata pelajaran Hifz Al-Qur'ān sahaja tanpa Fiqh Ayat berikutan kelas telah digabungkan. Namun demikian pengkaji mendapati komponen pengajaran guru dalam kelas tetap dilaksanakan oleh guru.

Proses pelaksanaan PdP Fiqh Ayat didapati lebih menumpukan penggunaan kaedah penyoalan dimana guru bertanya kepada pelajar berkenaan Fiqh Ayat setelah selesai memperdengarkan bacaan hafazan. Namun demikian terdapat juga sebahagian guru yang mempelbagaikan kaedah dan pendekatan pengajaran yang lain. Bagi fasa selepas PdP guru didapati menyediakan ujian berbentuk formatif dan sumatif bagi menguji tahap penguasaan Fiqh Ayat. Disamping itu, guru perlu melaksanakan pentaksiran bilik darjah (PBD) untuk menilai tahap penguasaan Fiqh Ayat setiap pelajar bagi keperluan penilaian peperiksaan pusat.

Kajian pembelajaran pelajar pula didahului dengan memuatkan kajian soal selidik pembelajaran. Sebelum itu prosedur kajian diterangkan secara ringkas meliputi pembinaan soal selidik, ujian kesahan dan kebolehpercayaan, kajian rintis, dan analisis dapatan kajian pembelajaran. Kajian soal selidik ini melibatkan 103 pelajar daripada tingkatan 1 hingga 5. Soal selidik ini telah melalui ujian kesahan dengan bantuan 2 orang pakar iaitu pakar SPSS dan pakar kandungan. Dapatan analisis kajian rintis ini menunjukkan kebolehpercayaan yang tinggi dengan nilai

alpha 0.91. Seterusnya kajian soal selidik ini dilaksanakan dilokasi kajian sebenar iaitu di MITTIS Sabak Bernam.

Nilai min bagi keseluruhan analisis pembelajaran daripada responden ialah 3.67 dengan sisihan piawai 0.82 berada pada tahap tinggi. Dapatan analisis pembelajaran Fiqh Ayat menunjukkan bahawa pelajar cenderung menggunakan terjemahan al-Qur'ān dalam memahami maksud ayat berikutan kekangan penguasaan bahasa arab. Hal ini menyebabkan pelajar memerlukan bimbingan guru bagi mengelakkan kefahaman makna ayat yang salah. Pelajar didapati mengambil sikap sederhana terhadap kepelbagaian kaedah pengajaran guru dan masa pembelajaran yang diperuntukkan kerana tiada pengalaman belajar Fiqh Ayat secara khusus. Kecenderungan ini berikutan sebahagian pelajar telah bersedia daripada awal membaca dan memahami makna ayat serta tidak lagi memerlukan masa yang lebih lama dalam kelas Fiqh Ayat.

Bagi menyokong data analisis soal selidik, pengkaji turut memuatkan dapatan temubual dan pemerhatian terhadap pelajar. Pelajar didapati telah membuat persediaan awal membaca dan memahami makna ayat sebelum menghafaz al-Qur'ān. Sementara guru pula melakukan persediaan sebelum PdP dengan merujuk terjemahan dan kitab tafsir serta menetapkan silibus Fiqh Ayat pelajar berdasarkan sukatan hafazan. Seterusnya semasa proses PdP pelajar akan menyatakan Fiqh Ayat samada dari sudut makna terjemahan, intisari ayat dan pengajaran ayat kepada guru setelah selesai aktiviti *tasmik* ayat hafazan. Guru pula sentiasa peka dengan kesalahan kefahaman maksud ayat pelajar dengan memperbetulkan kefahaman yang salah.

Disamping itu inisiatif sebahagian guru turut berkongsi dan menerangkan Fiqh Ayat kepada pelajar semasa proses PdP.

Fasa selepas PdP pula pelajar bertanggungjawab mengulangkaji Fiqh Ayat yang telah dikuasai dengan cara menghayati maksud ayat yang difahami dalam aktiviti murajaah hafazan disamping berkongsi Fiqh Ayat bersama rakan. Sebahagian pelajar juga dijadualkan memberikan perkongsian tazkirah kepada pelajar lain berkaitan kefahaman makna ayat yang telah dihafaz. Guru juga tidak ketinggalan memberikan pengajian diluar kelas bagi membincangkan kefahaman al-Qur'ān sebagai pengisian dan aktiviti sokongan kepada pelajar. Selain itu sistem penilaian formatif dan sumatif juga ada bagi menentukan tahap penguasaan pelajar disamping menambahbaik mutu pengajaran guru. Tambahan pula pentaksiran KBT juga turut menyediakan platform pentaksiran bilik darjah (PBD) bagi menentukan tahap penguasaan pelajar yang akan dibincangkan dengan lebih lanjut pada bab yang seterusnya.

### **5.2.3 Penguasaan Fiqh Ayat Pelajar MITTIS SABAK BERNAM**

Penulisan bab ini adalah untuk mengenalpasti tahap penguasaan Fiqh Ayat berdasarkan kaedah kajian *self rating*. Soal selidik bahagian penguasaan Fiqh Ayat ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu penguasaan Fiqh Ayat secara umum dan penguasaan Fiqh Ayat setelah mempelajari. Pembahagian ini bertujuan untuk menilai perbezaan yang wujud daripada penguasaan Fiqh Ayat melalui pembelajarn secara sendiri dan pembelajaran bersama guru. Dapatan data soal selidik penguasaan Fiqh

Ayat pelajar di sokong dengan melihat markah peperiksaan terkini. Bagi melengkapkan dapatan kajian kaedah temubual separa berstruktur dan pemerhatian turut dilaksanakan.

Dapatan keseluruhan analisis bagi tahap penguasaan Fiqh Ayat pelajar secara umum didapati berada pada tahap sederhana dengan nilai min 2.64 dan sisihan piawai 0.93. Tahap penguasaan sederhana ini tidak menafikan jumlah frekuensi lemah dan sangat lemah lebih banyak berbanding tahap baik dan sangat baik pada item penguasaan makna terjemahan perkataan, memahami maksud ayat, dapat mengeluarkan pengajaran ayat dan dapat menghuraikan intisari makna ayat. Dapatan ini menunjukkan bahawa sebahagian pelajar dapat mempelajari Fiqh Ayat secara sendiri dan sebahagian pelajar perlu diberi bimbingan. Keadaan ini berikutan pelajar telah dibiasakan dengan pembelajaran sendiri dimana pelajar perlu berusaha memahami sendiri dan membentangkan dihadapan guru didalam kelas PdP. Walaubagaimanapun responden didapati kurang menguasai tahap yang lebih tinggi iaitu penguasaan dalam mengenalpasti kesalahan terjemahan makna ayat al-Qur'an.

Manakala analisis keseluruhan penguasaan Fiqh Ayat yang telah dipelajari didapati meningkatkan sedikit dengan nilai min 3.17 membuktikan pelajar memerlukan penglibatan guru dalam menguasai Fiqh Ayat. Dapatan menunjukkan bahawa penguasaan Fiqh Ayat pelajar lebih menumpukan aspek bacaan kerana selalu diperingatkan guru akan keutamaan menjaga tajwid bacaan. Pelajar juga didapati lebih cenderung menjaga waqaf ibtida', mengetahui kisah-kisah al-Qur'an dan ayat hukum syariat, mengetahui sebab penurunan ayat serta dapat menterjemahkan makna

ayat setelah mempelajari daripada guru. Tahap penguasaan Fiqh Ayat yang telah dipelajari berada pada tahap sederhana menunjukkan kaedah pembelajaran PdP yang diikuti pelajar didapati kurang berkesan dan masih terdapat kelompangan yang perlu diperbaiki..

Dapatan ini dikukuhkan lagi dengan markah keputusan peperiksaan terkini yang memperlihatkan tiga tahap penguasaan Fiqh ayat dimana tahap sederhana lebih tinggi berbanding tahap cemerlang dan lemah. Berdasarkan tahapan keputusan peperiksaan pengkaji mengkaji pula dapatan penguasaan sebenar melalui temubual bersama tenaga pengajar yang mana penguasaan Fiqh Ayat pelajar didapati membentuk beberapa kategori iaitu cemerlang, sederhana dan lemah. pelajar yang lemah didominasi oleh pelajar tingkatan 1 dan 2 kerana masih baru dan kurang penguasaan perbendaharaan makna perkataan al-Qur'an. Manakala pelajar tg 3 sudah mula menguasai banyak makna perkataan diikuti tingkatan 4 dan 5.

Manakala berdasarkan pemerhatian pengkaji mendapati penguasaan Fiqh Ayat pelajar hanya terhad kepada perkataan dan ayat tertentu sahaja, lebih-lebih lagi bagi ayat yang mudah dan biasa berulang. Kebanyakan Pelajar didapati tidak mengetahui Fiqh Ayat bagi ayat lain yang tidak ditentukan dan ayat yang jarang dibaca walaupun baru sahaja di tasmik. Ini menunjukkan bahawa penguasaan Fiqh Ayat pelajar tidak secara menyeluruh hanya terbatas bagi ayat mudah dan biasa sahaja. Penemuan ini mengesahkan bahawa Silibus 30 juzuk itu kurang relevan dengan masa pembelajaran yang diperuntukkan. Dan perkara ini didapati bercanggah dengan objektif KBT yang ingin dicapai..

Keperluan modul yang lebih khusus juga dilihat sangat diperlukan dalam membantu penguasaan Fiqh Ayat pelajar. Ini dapat dilihat dengan jelas apabila pelajar dilihat keliru sama ada pelajar perlu belajar Fiqh Ayat sendiri atau pelajar perlu mempelajari bersama guru berdasarkan dapatan analisis penguasaan sendiri dan melalui PdP tidak jauh berbeza. Julat perbezaan min yang rendah ini juga mengesahkan bahawa PdP Fiqh yang dilaksanakan perlu dibantu dengan mewujudkan modul Fiqh Ayat khusus yang dapat meningkatkan penguasaan pelajar.

Seterusnya dapatan temubual guru mengesahkan bahawa data analisis soal selidik dan markah peperiksaan serta pemerhatian pengkaji selari dengan kesimpulan penguasaan Fiqh Ayat pelajar MITTIS masih berada pada tahap yang sederhana dan perlu dibuat penambahbaikan. Oleh itu dapatan daripada soal selidik dan ujikaji hafazan ini dapat menjadi asas pengesahan terhadap isu kerelevanan kaedah PdP sedia ada, penetapan sukatan Fiqh Ayat yang banyak, ketiadaan modul khusus dan sebagainya. Ini dapat membuka ruang kearah penilaian semula terhadap isu- isu tersebut.

#### **5.2.4 Analisis Keberkesanan Fiqh Ayat Terhadap Hafazan Pelajar MITTIS**

##### **SABAK BERNAM**

Penulisan pada bab ini bertujuan untuk melihat keberkesanan Fiqh Ayat terhadap hafazan pelajar. Pengkaji memulakan penulisan ini dengan merungkai permasalahan Fiqh Ayat dalam kalangan pelajar MITTIS. Tahap penguasaan Fiqh Ayat pada bab 4 menjadi indikator ruang penyelesaian yang ingin dicapai pada bab ini. Pengkaji



sedaya upaya mengaitkan masalah Fiqh Ayat yang sebenarnya berkait rapat dengan masalah hafazan pelajar. Oleh kerana itu penulisan ini akan menumpukan objektif keberkesanan Fiqh Ayat terhadap hafazan sekaligus menyelesaikan masalah penguasaan Fiqh Ayat dan juga hafazan.

Kajian soal selidik pada bahagian keberkesanan ini adalah untuk melihat keberhasilan pelaksanaan Fiqh Ayat dengan lebih mendalam. Analisis soal selidik keberkesanan pada bahagian ini dibuat berdasarkan kaedah self rating. Pengkaji menonjolkan pendekatan kajian keberkesanan bukan eksperimen dengan menyandarkan kaedah pengumpulan data yang dimulakan dengan kajian soal selidik, ujian hafazan, temubual, pemerhatian.

Dapatan analisis keseluruhan keberkesanan Fiqh Ayat berada pada tahap sederhana dengan nilai min 3.60. Namun begitu 3 item menunjukkan data interpretasi yang tinggi iaitu keberkesanan penguasaan Fiqh Ayat dapat menimbulkan minat menghafaz, dapat membaca hafazan dengan yakin dan dapat memudahkan proses hafazan. Sementara 2 item dengan tahap interpretasi sederhana menunjukkan bahawa Fiqh Ayat dapat membantu pelajar mengingati semula ayat hafazan yang terlupa dan dapat membantu pelajar menghayati maksud ayat terutamanya ketika aktiviti murajaah. Dapatan ini membuktikan bahawa Fiqh Ayat berkesan membantu dan mengukuhkan hafazan pelajar.

Bagi mengukuhkan kajian keberkesanan terhadap Fiqh Ayat terhadap hafazan pengkaji mengandalkan perbezaan dapatan proses kaedah hafazan tanpa kefahaman

dan hafazan dengan kefahaman melalui temubual pengalaman. Justeru dapatan positif keberkesanan kaedah hafazan dengan kefahaman menunjukkan kepentingan Fiqh Ayat disamping Hifz Al-Qur'ān. Selain itu, dapatan temubual guru dan pelajar disahkan melalui pemerhatian turut menunjukkan bahawa pelaksanaan Fiqh Ayat yang berkesan dapat membantu pelajar menguasai kefahaman makna ayat, memudahkan pelajar menghafaz, membentuk peribadi yang baik. Berdasarkan hal ini Fiqh Ayat berkesan mempengaruhi sebahagian besar hafazan pelajar namun tidak dinafikan segelintir hafazan pelajar tidak dipengaruhi oleh Fiqh Ayat. Walaupun demikian majoriti pelajar berkeyakinan dengan keberkesanan Fiqh Ayat dalam mempengaruhi hafazan.

Analisis keberkesanan Fiqh Ayat terhadap hafazan mendapati perananan guru dan pelajar dalam keberkesanan Fiqh Ayat terhadap hafazan didapati seimbang. Guru didapati lebih dituntut membantu, mengajar, membimbing dan mendorong pelajar menguasai Fiqh Ayat agar dapat membantu pelajar menguasai hafazan al-Quran. Sementara pelajar digalakkan menggunakan kaedah hafazan dengan kefahaman serta bersikap positif dalam menguasai Fiqh Ayat dan juga hafazan.

### **5.3 Implikasi**

Kajian ini dapat memberi implikasi terhadap beberapa pihak yang terlibat. Hasil perbincangan daripada dapatan kajian ini, beberapa cadangan dan idea daripada kajian ini

mampu memberi impak yang sangat baik terhadap tahap penguasaan dan keberkesanan pembelajaran Fiqh Ayat terhadap beberapa pihak seperti berikut:

i. Pelajar tahfiz

Implikasi kajian ini terhadap pelajar tahfiz penting dalam memberi kesedaran tentang Fiqh Ayat disamping hafazan. Keberkesanan proses hafazan dengan makna sepatutnya dimanfaatkan oleh pelajar tahfiz agar peningkatan kualiti pelajar tahfiz dapat dihasilkan. Selain itu, budaya penghayatan al-Qur'ān dapat dizahirkan dengan lebih rancak.

ii. Tenaga pengajar

Hasil dapatan ini penting kepada tenaga pengajar untuk mengetahui tahap keberkesanan pengajaran yang dilaksanakan sama ada perlu mengubah atau menambahbaik kaedah pengajaran yang telah dilaksanakan. Justeru, beberapa punca masalah yang dihadapi pelajar berkenaan Fiqh Ayat dan cara mengatasinya perlu dikenal pasti sekaligus menjadi panduan penyelesaian tenaga pengajar.

iii. Institusi tahfiz

Hasil kajian ini dapat memberi manfaat kepada institusi tahfiz sama ada swasta atau kerajaan dalam membentuk objektif institusi terutamanya dalam aspek kefahaman al-Qur'ān produk yang dihasilkan. Perkara ini penting dalam menghasilkan kualiti produk huffaz yang bukan sahaja mampu menghafaz semata-mata bahkan mampu menghayati setiap ayat yang dihafaz.

iv. Kementerian Pendidikan Malaysia

Hasil kajian ini seharusnya diambil perhatian oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia selaku penaja kepada pengkaji. Keresahan pengkaji terhadap permasalahan penguasaan Fiqh Ayat dalam kalangan pelajar tahfiz KBT ini perlu disambut oleh pihak KPM dengan menilai semula kurikulum dan aktiviti pembelajaran Fiqh Ayat sedia ada. Oleh itu, pihak penggubal Kurikulum Bersepadu Tahfiz perlu mewujudkan modul pembelajaran Fiqh Ayat yang sesuai dan menarik sebagai panduan pelaksanaan. Justeru objektif Quranik dalam KBT bagi bidang Fiqh Ayat perlu diberi penekanan yang sama seimbang dengan prestasi hafazan.

#### **5.4 Ulasan Dan Cadangan**

a. Budaya Memahami Al-Qur'ān

Memperkenalkan kepada pelajar tahfiz khususnya dan masyarakat umumnya untuk mengutamakan aspek kefahaman makna ayat seiring dengan aspek bacaan atau hafazan. Sudah tiba masanya pelajar tahfiz bangkit mengkaji isi kandungan al-Qur'ān bukan hanya semata-mata bacaan dan hafazan sahaja. Ummah ketika ini memerlukan cerdik pandai ilmuan al-Qur'ān bagi menyelesaikan pelbagai masalah moden umat Islam. Budaya memahami al-Qur'ān disamping bacaan dan hafazan al-Qur'ān perlu disemarakkan dalam kalangan penuntut ilmu dan penghafaz al-Quran agar kefahaman al-Qur'ān meresap dalam jiwa dan dapat memberi manfaat kepada umat Islam.

#### b. Keperluan Mengutamakan Fiqh Ayat Dalam Hafazan

Melalui pelaksanaan KBT mata pelajaran Hifz al-Qur'ān dan Fiqh Ayat dapat seimbangkan. Oleh itu, hafazan dan kefahaman perlu digandingkan bersama kerana saling berkaitan antara satu sama lain. Hafazan al-Qur'ān tanpa kefahaman diibaratkan seperti burung yang boleh bertutur tetapi tidak memahami maksudnya. Hafazan tanpa memahami makna akan menghasilkan hafazan yang kurang berkualiti dari sudut pengetahuan dan pemahaman yang. Satu kerugian besar kepada penghafaz al-Qur'ān yang tidak memerhatikan isi kandungan maksud ayat hafazan yang sentiasa meniti dibibir-bibir mereka. Biarpun pahala bacaan dapat diperolehi namun tujuan utama ayat al-Qur'ān diturunkan sebagaimana saranan al-Qur'ān itu difahami dan ditadabbur tidak akan tercapai.

#### c. Meningkatkan Kualiti Pelajar Tahfiz

Kajian berkenaan Fiqh Ayat masih tidak banyak lagi kerana baru diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT). Maka bidang hafazan al-Qur'ān perlu diketengahkan dengan menaikkan nilai tambah kefahaman makna ayat kepada penghafaz al-Qur'ān. Sudah sekian lama penghafaz al-Qur'ān ini ditohmah oleh sebahagian bidang yang lain dengan persepsi bahawa penghafaz al-Qur'ān hanya menghafaz teks tanpa mengetahui isi kandungan al-Qur'ān yang sangat bernilai. Kerancakan usaha kajian sebegini sedikit sebanyak mampu mengubah persepsi masyarakat terhadap bidang tahfiz dengan meletakkan al-Qur'ān itu di kedudukan yang sewajarnya. Keberkesanan dalam pelaksanaan Fiqh Ayat KBT mampu menghasilkan pelajar tahfiz yang mampu menguasai hafazan dan

isi kandungan al-Qur'ān dari pelbagai sudut kecenderungan bidang ilmu. Bahkan peningkatan penguasaan bahasa arab al-Qur'ān turut berkembang selain dapat menzahirkan diri pelajar tahfiz yang berkualiti dari aspek peribadi hasil dari kefahaman makna ayat al-Qur'ān.

#### d. Tanggungjawab Guru Dan Pelajar Al-Qur'ān

Membudayakan kefahaman al-Qur'ān merupakan satu bentuk perjuangan yang sangat berat. Perjuangan ini memerlukan kesungguhan yang tinggi kepada para guru al-Qur'ān khususnya dalam KBT. Budaya membaca al-Qur'ān semata-mata yang sudah sekian lama mendominasi pelajar tahfiz serta masyarakat perlu diperkukuhkan lagi dengan budaya menguasai kefahaman makna ayat. Walaupun silibus Fiqh Ayat terlalu banyak namun tidak mustahil untuk dikuasai dengan perancangan yang sistematik, persekitaran yang kondusif serta penggunaan bahan bantu belajar seperti al-Qur'ān terjemahan, tafsir, teknologi dan sebagainya. Justeru peranan guru al-Qur'ān dituntut dalam membentuk pelajar tahfiz yang membudayakan kefahaman makna ayat.

#### e. Menambahbaik Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran.

Dapatan tahap penguasaan Fiqh Ayat pelajar yang sederhana menggambarkan juga situasi sebenar yang berlaku di sekolah-sekolah tahfiz lain yang mengikuti KBT. Pembuktian ini menunjukkan bahawa guru dan pelajar KBT perlu berusaha menambahbaik pengajaran dan pembelajaran sedia ada dengan mengambil contoh daripada institusi tahfiz yang lain dalam dan luar negara. Usaha penambahbaikan ini

perlu disegerakan agar kelompongan dalam penguasaan Fiqh Ayat ini dapat ditampung dengan kadar segera. Justeru pihak berautoriti disarankan membuat penambahbaikan dengan mewujudkan modul Fiqh Ayat yang komprehensif bagi memudahkan guru dan pelajar mempelajari Fiqh Ayat.

#### f. Penilaian Semula Sukatan Fiqh Ayat

Tahap penguasaan Fiqh Ayat berada pada tahap sederhana dalam kalangan pelajar KBT seharusnya diambil perhatian kepada barisan pembuat dasar KBT agar dapat menilai semula rasional sukatan atau silibus Fiqh Ayat sebanyak 30 juzuk yang diwajibkan kepada pelajar KBT. Pelajar tahfiz sudah sedia terbeban dengan tanggungjawab hafazan dan murāja'ah sedia ada. Walaupun objektif KBT terutamanya penguasaan Fiqh Ayat kelihatan realistik dan boleh dicapai namun pada hakikatnya pelajar dimudahkan untuk mendapatkan skor markah Fiqh Ayat dalam peperiksaan. Justeru perkara yang perlu dibimbangkan ialah hasil kemenjadian pembelajaran Fiqh Ayat yang separa masak dalam kalangan pelajar yang mengikuti sistem pembelajaran tahfiz KBT boleh menjadi fitnah al-Qur'ān pada masa akan datang.

#### g. Kepentingan Fiqh Ayat Dalam Hafazan

Daripada dapatan dan pemerhatian pengkaji dalam kajian ini, penguasaan Fiqh Ayat terbukti dapat membantu pelajar menghafaz al-Qur'ān. Pelajar akan lebih fokus dalam hafazan apabila proses hafazan dihubungkan dengan kefahaman makna ayat berbanding menghafaz teks al-Qur'ān tanpa kefahaman. Hal yang sama berlaku

ketika pelajar menyelesaikan aktiviti muraja'ah mereka. Walaubagaimanapun kedapatan segelintir pelajar yang merasa tidak sesuai dengan kaedah kefahaman ini berikutan pengalaman lepas pelajar yang dipercayai tidak membantu mereka dalam hafazan. Justeru guru perlu berperanan menerangkan kepentingan Fiqh Ayat dalam hafazan pelajar.

### **5.5 Cadangan Kajian Lanjutan**

Berdasarkan daripada kajian yang telah dilaksanakan, beberapa cadangan berkaitan dengan kajian ini boleh dilakukan bagi menambahbaik kajian pada masa akan datang. Antara cadangan kajian lanjutan yang boleh dilakukan ialah:

- i. Kajian had kemampuan pelajar tahfiz menguasai Fiqh Ayat sesuai dengan keupayaan pelajar di peringkat sekolah menengah.
- ii. Kajian Fiqh Ayat KBT diperluaskan ke sekolah tahfiz kerajaan dan swasta lain yang mengikuti Kurikulum Bersepadu Tahfiz.
- iii. Kajian penilaian semula sukatan Fiqh Ayat 30 juzuk al-Qur'ān Kurikulum Bersepadu Tahfiz.
- iv. Kajian pembinaan modul Fiqh Ayat yang menekankan asas dan perkembangan penguasaan kefahaman makna ayat.
- v. Kajian peningkatan budaya memahami makna ayat al-Qur'ān seiring dengan hafazan al-Qur'ān.
- vi. Kajian perbandingan pelaksanaan Fiqh Ayat diantara sekolah tahfiz swasta dan kerajaan yang mengikuti sistem KBT.



## BIBLIOGRAFI

### Rujukan Bahasa Melayu

- Abd Rahman, S., Baharuddin, N., Ahmad, H., Baharun, H., Sempo, M. W., Mat Saad, N. S., ... Mohd Nizah, M. A. "Exploring The Level Of Understanding The Content Of Quran Among Diverse Groups Of People". *Sains Insani*, 2.1 (2017)., 61–65.
- Abdul Manaf, A. J., Shamsul Bahari Dahalan, Dr Mohamad Marzuqi Abdul Rahim, Muhammad Toriq Yaacob, Zamzarina Md Sood, Sukhairu Sulaiman, ... Nur Syazrin Nazee Mudeen. "Keberkesanan Kaedah Kefahaman Makna Ayat Al-Quran Berbantuan Al-Quran Terjemahan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Hiz Al-Quran". *Jurnal Darul Quran*, (2015), 1–49.
- Abdul Rahim, M. M., Hashim, A., Abdullah, W. H., Borham, A. H., & Yussuf, A. , "Pengaruh Insentif Keimanan Terhadap Amalan Pengajaran Guru Tahfiz Al-Quran di Negeri Perak", *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 5.2 (2018), 196-205
- Ahamad Rahim, "Penilaian pelaksanaan kurikulum sejarah menengah rendah tingkatan dua". Tesis PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia. 2012.
- Ahmad Bazli Bin Ahmad Hilmi, "Terjemahan Makna Ayat Kawniyyat Dalam Terjemahan Al-Qur'an Bahasa Melayu: Analisis Berdasarkan Tafsir 'Ilmi", Disertasi Sarjana, Jabatan Al-Quran Dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2014
- Ahmad Dasuki Hashim, "Penguasaan Ilmu Waqf Dan Ibtida' Dalam Hafazan Al-Quran: Kajian Terhadap Pelajar Diploma Darul Quran" Tesis kedoktoran, Jabatan Al-Quran Dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2015.
- Arniyuzie Mohd Arshad, "Ulasan sistematik: Program Ulul Albab dalam sistem pendidikan di Malaysia", *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* 3.4 (2015), 22-35.
- Ashraf Ismail, Nurul Huda Hassan, Akhdiat Abd Malek, Abur Hamdi Usman, Memorizing And Understand The Qur'an In Arabic Language Among Malaysian Students, *Humanities And Social Sciences Reviews*, 7.1 (2019), 223-228

- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon & Abdul Rahim Hamdan, *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan: Teori, Analisis & Interpretasi Data*. Kuala Lumpur, PTS Profesional, 2006.
- Azmil, H. Correlation Between Strategy Of Tahfiz Learning Styles And Students Performance In Al-Qur'an Memorization (Hifz). *Mediterranean Journal Of Social Sciences*. 6.2 (2015), 85-92.
- Azmil Hashim,., & Abdul Halim Tamuri,., Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Pembelajaran Tahfiz Al-Quran Di Malaysia. *Journal Of Islamic And Arabic Education*, 4.2 (2012), 1–10.
- Azmi, A. S.. Ancaman Pemikiran Liberal Terhadap Pembangunan Peradaban Islam Di Malaysia: Analisis Isu-Isu Berkaitan Penafsiran Al-Quran. *Jurnal Peradaban Islam*, 1.1 SE,(2020) 57–81.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. *Kurikulum Standard Sekolah Menengah Hifz Al-Quran. Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran Tingkatan 3*, Kementerian Pendidikan Malaysia, (Disember 2018).
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. *Kurikulum Standard Sekolah Menengah Hifz Al-Quran. Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran. Tingkatan 1*, Kementerian Pendidikan Malaysia, (Disember 2018).
- Bernard S. Linn, Martin Arostegui & Robert Zeppa, Performance rating scale for peer and self assessment, U.S.A, Department of Surgery, University of Miami School of Medicine, *British Journal of Medical Education*, 9.2 (1975), 98-101
- Bhasah Abu Bakar, Mohd Nafiruddin Mad Siadid, Abdul Jadid Suwairi, Safaruddin Urusli, Azlan Deris, Mohd Yusof Abd Wahab, & Mahyuddin Abu Bakar, “Persepsi Pelajar Terhadap Keberkesanan Program J- Qaf Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 1 -Satu Kajian Kes”. *Seminar Kebangsaan Majlis Dekan-Dekan Pendidikan IPTA*, 2012
- Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mcgraw Hill Sdn. Bhd, 2006.
- Elok Noor Farida dan Kusrini. Studi Islam Pendekatan Hermeneutik. *Jurnal Penelitian*, 7.2 (2013). 381–404.
- Farah Ilyani Zakaria, Mohd Aderi Che Noh & Khadijah Abd Razak,”Amalan Pembelajaran Pelajar Tahfiz Di Institusi Tahfiz Swasta,” *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43.03 (2018), 03-15.

- Fathiyah Mohd Fakhrudin,, Sharini Che Ishak, and Asmawati Suhid. “Proses Dan Kaedah Pembelajaran Tahfiz Dalam Kalangan Murid Di Sekolah Menengah Agama Kerajaan Di Malaysia.” *Malaysian Journal of Learning and Instruction* 17.2 (2020): 311–340.
- Fauzi Hussin, Jamal Ali & Mohd Saifoul Zamzuri Noor, *Kaedah Penyelidikan dan Analisis Data SPSS*. Sintok, Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2014.
- Handayani, N. I., Zulia, A., & Nurlisa, N. “Kegiatan Membaca Al-Quran Terhadap Pemahaman Al-Quran Siswa”. *Jur Nal Pendidikan Luar Sekolah*, 12.1 (2020), 93-101.
- Hamdani, M. , “Implikasi Perubahan Derivasi Dan Makna “ضرب” Dalam Al-Quran Terhadap Terjemahnya. *Al Mi'yar: Jurnal Ilmiah Pembelajaran Bahasa Arab Dan Kebahasaaraban*, 1.2 (2018), 71.
- Idris F.Azrae M.Bahasa A. P.Kata P. “Keberkesanan Pengajaran Bahasa Arab Untuk Pemahaman Ayat Al-Quran”. *E-Proceeding Of The International Conference On Social Science Research*, (2015), 890-899.
- Ikhwanuddin, M., Hashim, C.N., Relationship between Memorization Technique, Mastery of the Arabic Language and Understanding of the Qur'an. *IIUM Journal of Educational Studies* 2 (2014), 84–97.
- Jaafar, Z. B., Madzalan, J. B., & Ariffin, S. B. “Al-Quran Teaching And Learning By Al-Qabisi Model: A Study Towards Excellent Students Ulul Albab Tahfiz Model And Tahfiz Stifin”. *Advanced Science Letters*, 24.1 (2018), 169–171.
- Jaenudin, J. Rasionalisme Dalam Tafsir Ahkam. *Asy-Syari'ah*, 19.2 (2019), 121–134.
- Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 1 Tahun 2016: Pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab Di Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan Malaysia. Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016).
- Khalid Mohamad Nor, Belajar Teknik Belajar, Kuala Lumpur : PTS Millenia Sdn bhd, 2002.
- Ku Fatahiyah Binti Ku Azizan, Hanis Najwa Binti Shahrudin, Farah Nur-Rashida Binti Rosnan, Wazzainab Ismail, “Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Tahfiz Wal Qiraat” , e-Bangi : *Journal Of Sciences And Humanities* 16.2 (2019), 1-15.
- Maisarah Thulhuda binti Mat Jafri , Mohd Faizulamri bin Mohd Saad & Sabri bin Mohamad, “Keutamaan Amalan Tadabbur al-Quran terhadap Pelajar Tahfiz,” *Jurnal al-Turath*, 3.2 (2018) ,16-21.

- Mardhiah Binti Yahya, “Pelaksanaan Modul Pengajaran Tahfiz (Modul Quranik) MRSM Ulul Albab dalam Memperkasa Generasi Penghafaz Al-Quran”, Darul Quran JAKIM dengan kerjasama *Centre of Quranic Research (CQR)* (2016), 76.
- Mohamed Khalid Bin Shahul Hameed, “Kaedah Pelaksanaan Dan Kefahaman Pelajar Terhadap Pembelajaran Qirā’āt Kurikulum Bersepadu Tahfiz Di Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Rawang,” Disertasi Sarjana Usuluddin, Universiti Malaya, 2020.
- Mohamad Marzuqi Abdul Rahim, Azmil Hashim, Wahyu Hidayat, Yussuf, A., & Borham., A. H. “Tahap Penggunaan Alat Bantu Hafazan (ABH) Dalam Kalangan Pensyarah Tahfiz Al-Quran Di Malaysia.” *Seminar Memperkasa Generasi Penghafaz Al-Quran*, (December), (2016). 87–96.
- Mohd Abdul Nasir Abd Latif, Ahmad Zulfiqar Shah Abdul Hadi, “Pembinaan Modul Hafalan Al-Qur’an Berdasarkan Tematik Ayat Bagi Membantu Penguasaan Pemahaman Al-Qur’an Dalam Kalangan Huffaz.” *The Online Journal Of Islamic Education*, 8.1 2020
- Mohd Miftahuddin, “Pembentukan Kepribadian Melalui Pemahaman Al-Qur’an Pada Mahasiswa Prodi Bpi Fak. Dakwah Dan Ilmu Komunikasi Uin Sultan Syarif Kasim Riau”. *Al-Ihda’: Jurnal Pendidikan Dan Pemikiran*, 13.2, (2019), 1-16.
- Muhd Zulhilmi Haron, Mohd Muslim Md Zalli, Farah Nabila Mohd Akil, Ismail Salleh, Mohd Hilmi Ahmad, “Pengetahuan Pedagogi, Kemudahan Pembelajaran Dan Hubungannya Dengan Kualiti Pengajaran Guru Tahfiz Model Ulul Albab (Tmua) Di Malaysia”, *Seminar Darulaman 2020 Peringkat Kebangsaan* ( 2020).
- Muhd Zulhilmi Haron, Mohamad Khairi Haji Othman, Mohd. Isha Awang, “Keperluan Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan Malaysia,” *Practitioner Research* 1.0 (2019), 289-316.
- Muhd Zulhilmi Haron, Mohd Muslim Md Zalli, Siti Noor Aneeis Hashim, Ahmad Rusli Abdul Gani, and Ismail Salleh. “Tahap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berteknologi Dalam Pengajaran Dan Pemudahcaraan Murid Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA)”. *Al-Hikmah* 12.2 (2020), 3-18.
- Mohd Firdaus Ramli, Mohd A’ Tarahim Mohd Razali. “Faktor-Faktor Dominan Yang Mempengaruhi Tahap Hafalan Al-Quran Di Sekolah Menengah Imtiaz, Yayasan Terengganu Besut”. *BITARA International Journal Of Civilizational Studies And Human Sciences*, 2 3 (2019), 34-41.

- Moh. Maksyufunnuha, “Studi Korelasi Antara Penguasaan Pelajaran Bahasa Arab Dengan Kemampuan Membaca Al-Qur’an Siswa.” Tesis sarjana, Universitas Islam Negeri Walisongo Semarang, 2015.
- Mohd Majid Konting. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: 2005
- Muhammad Iqbal Ansari, “Sistem Pembelajaran Al-Qur’an Dengan Metode At-Tibyan Di Rumah Tahfidh Ummul Qur’a Kota Banjarmasin”. Darul Ulum: *Jurnal Ilmiah Keagamaan, Pendidikan dan Kemasyarakatan*, 10. 1 (2019), 53-71
- Misnan Jemali. 2002. “Hubungan antara kaedah menghafaz al-Quran dengan pencapaian Kursus Tahfiz wa al-Qiraat pelajar semester empat dan lima di Maahad Tahfiz wal Quraat di Perak”. *Seminar Kaedah pengajaran Tahfiz al-Quran Peringkat Kebangsaan. Kolej Universiti Islam Malaysia*. 2002.
- Muhammad Syafee Salihin Hasan, Mohd Norzi Nasir, Khairatul Akmar Ab. Latif, Abdul Azis Awang Kechik, Fatin Nazmin Mansor, “Kemahiran Waqf Dan Ibtida’ : Kajian Kes Dalam Kalangan Imam-Imam Masjid Di Selangor”, *Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat*, 3.0 (2017), 185-191.
- Muhammad Syafee Salihin Hasan, Dr. Khairatul Akmar bin Abd Latiff, Shaharuddin bin Pangilun, “Metodologi Waqf Dan Ibtida’ Menurut Tatabahasa Arab Ke Arah Kesempurnaan Makna”. *Jurnal Pengajian Islam*, 10.1 (2017), 37-58.
- Muslimin, M. “Kontribusi Tafsir Maudhu’i Dalam Memahami Al-Quran”. *Jurnal Pemikiran Keislaman*, 30.1 (2019), 75–84.
- Nasimah Abdullah, Lubna Abd. Rahman & Abur Hamdi Usman, “Terjemahan Ayat Mutashabihat: Analisis Fungsi Prosedur Eksplisitasi”. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues* 4.2 (2019), 154-170.
- Naziratul Izzati Ani & Azmil Hashim, “Penghayatan Akidah Dalam Pengajaran Ayat Kefahaman Pengajian Al-Quran Di Kalangan Murid Tingkatan Empat Di SMKA Di Sabah”. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 2.2 (2016), 45–54.
- Noorafini Kassim, Dr. Saini Ag. Damit & Dr. Muhammad Suhaimi Taat, “Pengaruh Sikap Pelajar Dan Pengajaran Guru Terhadap Penguasaan Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar PPIB, UMS”. *Jurnal ‘Ulwan* 1.0 (2017), 125-142.
- Nor Musliza Mustafa Dan Mokmin Basri, “Perbandingan Kaedah Hafazan Al- Quran Tradisional Dan Moden : Satu Kajian Awal”, *Proceeding Of The Social Sciences Research ICSSR*. (2014), 827-834.

- Nor Musliza Mustafa, Mokmin Basri. & S. A. “Gaya Pembelajaran Pelajar Dalam Proses Hafazan Dan Kefahaman Makna Al-Quran: Satu Tinjauan.” *Seminar Antara Universiti Pengajian Lepas Ijazah*, (November) (2016), 1–5.
- Nur Syamira Abdul Wahab, Maimun Aqsha Lubis, Ramlee Mustapha, Aisyah Sjahrony, & Dedek Febrian, “Kefahaman Al-Quran Dan Jawi Melalui Permainan Bahasa Bermultimedia (Understanding Quran And Jawi Using Multimedia Language Game).” *ASEAN Comparative Education Research Journal On Islam And Civilization (ACER-J)*, 1.11 (2017), 41–53.
- Nur Afifah Fadzil, Ahmad Nurilakmal Norbit, Muhammad Dzarif Ahmad Zahidi & Nuraznan Jaafar, “Persepsi Dan Minat Pelajar Tahfiz Bestari Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab”, *Jurnal 'Ulwan* 5.1 (2020), 207-222
- Nurain, Z. A., Mohd Faizulamri, M. S., & Mohd Nazri, A. “Tahap Pengetahuan Pelajar Di Madrasah Al-Musthafawiyah Littahfizil Quran Bangi Terhadap Tadabbur Al-Quran”. *Jurnal Al-Turath*, 2.1 (2017), 47–53.
- Nurulhuda binte Mohd Hashim Abd Rauf bin Hassan. “Pengaruh Bahasa Arab Terhadap Kaedah Waqaf Kajian Terhadap Ayat 25, 26 Dan 85 Dari Surah Al- Baqarah”. *International Journal on Quranic Research (IJQR)* , 3.4 (2013), 121–136.
- Nurul Zakirah Mat Sin, “Analisis Prinsip Tadabbur : Qawa'id Al-Tadabbur Al-Amthal Dan Aplikasinya Dalam Tafsir Ma'arij Al-Tafakkur Wa Daqa'iq Al-Tadabbur”. Tesis kedoktoran, Universiti Malaya, 2018.
- Nur Syazwani Abdul Talib, Kamarulzaman Abdul Ghani & Nur Azuki Yusuff, “Tahap Pengetahuan Dan Sikap Graduan Ipt Serta Hubungannya Dengan Minat Terhadap Sejarah: Usaha Awal Memupuk Semangat Cinta Negara”. *Jurnal Pemikir Pendidikan* 7 (2016), 57–72.
- Widarto, *Penelitian Ex Post Facto*, Kegiatan Pelatihan Metodologi Penelitian Pendidikan Di Fakultas Teknik Universitas Negeri Yogyakarta, 2013.
- Siti Nurjanah Mastor Mustafa, Siti Aisyah Johan & Jimaain Safar, “Tahap Pelaksanaan Aktiviti Hafazan dalam Kalangan Guru Tahfiz Sekolah Menengah,” *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4.1( 2021), 9-21.
- Qudwatun Hisan, “Al-Waqfu Wa Alibtida' Fi Al-Qur'an Al-Karim Wa Al-Istifadah Minhuma Fi Ta'lim Al-Lugah Al-'Arabiyyah Fi Surah “Qaf” Namuzajan”, *Rayah Al-Islam, Jurnal Ilmu Islam*, 3.1 (2018), 115–126.

- Rahman, S. A., Baharuddin, N., Ahmad, H., Sempo, M. W., Saad, N. S. M., Baharun, H., & Muhammad, N. A. F.. “Levels Of Understanding The Content Of The Quran Based On Surah Al-Ikhlas”. *Advanced Science Letters*, 23.5 (2017), 4619–4622.
- Rudi Suryadi Ahmad. “Asbab Al-Nuzul Dalam Tafsir Pendidikan”, *Jurnal Pendidikan Agama Islam -Ta’lim*, 11.2 (2013), 105–122.
- Sabri Mohamad, Azmil Hashim, Hamdi Ishak, *Pembangunan Kurikulum Pendidikan Tahfiz: Prinsip dan Kaedah dalam membina Kurikulum Tahfiz al-Quran*. Kuala Kubu Bharu Darul Quran, 2016.
- Saadah Abd Rahman, ., Nurfarhana Baharuddin, ., Hishomudin Ahmad, ., Hazleena Baharun, ., Muhammad Widus Sempo, ., Noor Saazai, M. S., ... Mohd Azmir Mohd Nizah, .. “Exploring The Level Of Understanding The Content Of Quran Among Diverse Groups Of People”. *Sains Insani*, 2.1 (2017) 61–65.
- Sidek Mohd Noah, *Reka Bentuk : Falsafah, Teori Dan Praktis*. Selangor: Universiti Putra Malaysia, 2002.
- Siti Nurshiamul Kamilah.. “Pengaruh Hafalan al-Quran Juz 1-4 Terhadap Penguasaan Bahasa Arab Siswa Kelas VIII di Asrama Takhassus Puteri Madrasah Tsanawiyah Wahid Hasyim Yogyakarta”. Tesis Sarjana. Program Studi Pendidikan Bahasa Arab, Fakultas Ilmu Tarbiyah dan Keguruan, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta, 2014.
- Siti Nurjanah Mastor Mustafa, Siti Aisyah Johan , Jimaain Safar, “Tahap Pelaksanaan Aktiviti Hafazan dalam Kalangan Guru Tahfiz Sekolah Menengah”, *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 4.1 (2021), 9-21
- Solahuddin Bin Ismail, “Institusi Tahfiz Di Malaysia: Prospek Dan Cabaran”. Conference: Simposium Tahfiz Al-Quran Peringkat Antarabangsa: Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Bangi Selangor, 1.0 (2016).
- Suaidi, S.. Asbabu An-Nuzul: “Kajian Integratif-Interkonektif dalam Menghubungkan Al-Qur’an dengan Realitas”, *Jurnal Pemikiran Dan Ilmu Keislaman*, 2.2,(2019), 353-389.
- Sugeng Warisman, “Al-Waqf Wa Al-Ibtidâ’ Fî Sûrah Yâsin Wa Al-Istifâdah Min Humâ Fî Ta’Lîm Al-Lughah Al-‘Arabiyyah”, *Rayah Al-Islam, Jurnal Ilmu Islam*, 3.1 (2018), 70-80.
- Syukraini Ahmad ., “Asbab Nuzul (Urgensi Dan Fungsinya Dalam Penafsiran Ayat Al-Qur`An)”. *EL-AFKAR : Jurnal Pemikiran Keislaman Dan Tafsir Hadis*, 7.2 (2018), 95.

Wan Ahmad Zakry Wan Kamarudin, Azmul Fahimi Kamaruzaman, Firdaus Khairi Abdul Kadir, Ahmad Faathin Mohd Fadzil, “Aplikasi Model Hafazan al-Qur’an Ulul Albab di Sekolah Imtiaz Terengganu”, *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3.3 (2020), 1-33.

Wan Ahmad Zakry Wan Kamaruddin, Firdaus Khairi Abdul Kadir & Azman Che Mat, “Amalan Terbaik Pengajaran dan Pembelajaran Hafazan al-Quran dalam Program Ulul Albab Imtiaz,” (*BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4.1 (2021), 105-126

Yusuf Al-Qardawi. *Kayfa Naa’malu Ma’a Al-Quran Al-A’zim*. (1999) ( Darul Syuruq.Cet. 3.2000),13.

Zakaria, Farah Ilyani, Che Noh Mohd Aderi, and Khadijah Abd Razak. “Amalan Pembelajaran Pelajar Tahfiz Di Institusi Tahfiz Swasta.” *Jurnal Pendidikan Malaysia* 1.1 (2018): 141–148

Zetty Nurzuliana Rasheed, Ab. Halim Tamuri, Mardiah Yahaya, & Norsaleha Salleh. “Faktor-Faktor Dorongan Perlaksanaan Integrasi Ilmu Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam”. In *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, April 2018), 250–270.

### **Rujukan Bahasa Arab & Bahasa Inggeris.**

Abu Al-Fida’, *Kayfa Nahfazu al-Qur’ān*. Al-Qahirah: Dār al-Salām, 2006.

Abu Hasan Ali Al-Qab si, *Al-Mufasssal Li Al-Aḥwal Al-Mutha' Alaimin Wa Ahkām Al-Mua'llimm n Wa Al-Muta'allim n*. Syar kah Al-Tunisiah Li al-Tauzi’,1986.

Ahmad Zaki, A. *ترجمة د ت عال الزبي في القرآن الكريم إلى اللغة ال- يوية: دراسة في حياها في كات*  
*Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*. In *International Colloquium On Language Teaching* , 2012

Al-Ahwani, Ahmad Fuad. *Al- Tarbiyyah F Al-Islām Aw Ta’al m F Ra’yi Al-Qab s* . Al-Qahirah: Darul Fikr al-Araby. 1995.

Biggs, J. B, *Individual Differences In Study Processes And The Quality Of Learning Outcomes*. Higher Education, 1979.

Bloom B. S. *Taxonomy Of Educational Objective, Handbook I: The Cognitive Domain*.New York: David Mckay Co Inc.1956.



Douglass Ezzy, *Qualitative Analysis Practice and Innovation*, London : Routledge Taylor & Francis Group, 2002.

James H. McMillan and Jessica Hearn, “Student Self-Assessment: The Key to Stronger Student Motivation and Higher Achievement,” *Educational Horizons*, 2008.

Manna' Al-Qattān, *Mabāhis F Ul m Al-Qur'ān*, Beirut, Muassasah Al-Risālah Marton, 1998.

Marton, F., & Saaljo, R..On “Qualitative Differences In Learning — II Outcome As A Function Of The Learner’s Conception Of The Task”. *British Journal Of Educational Psychology*, 46 (1976), 115–127.

Noel Entwistle & Dorothy Entwistle, *Preparing For Examinations: The Interplay Of Memorising And Understanding, And The Development Of Knowledge Objects*. Higher Education Research & Development, University Of Edinburgh, 2003.

Pallant, J. *SPSS Survival Manual. A Step By Step Guide To Data Analysis Using SPSS*. Third Edition. Allen & Unwin. 2007.

Muhammad Al-Ghazali. *Kayfa Nata'mal Ma'a Al-Quran. Taba' Nahdah Masr* Cet. Ke-7, 2005.

Richard M. Grinnell, Jr, Yvonne A. Unrau, *Social Work Research and Evaluation Quantitative And Qualitative Approaches*, New York, Oxford University Press Inc, Seven Edition, 2005.

Sajjacholapunt, P., & Joy, M. S, *Exploring Patterns Of Using Learning Resources As A Guideline To Improve Self-Revision*. International Technology, Education And Development Conference. Valencia, Spain. 2014.

Shepard, L. A.. *The Role of Classroom Assessment in Teaching and Learning*. In *Handbook of Research on Teaching*, ed. V. Richardson, 4th ed. Washington, D.C.: American Educational Research Association. , Los Angeles, University of California, 2001.

W.Lawrence Neuman, *Social Research Methods Qualitative And Quantitative Approaches*, United States of America: Pearson Education, Inc, 2006.